



MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .



KONSEP IBADAT MENURUT

ILMU TASAWWUF

ABDUL MALIK HJ. MAJID

2008011

FAKULTI USULUDDIN AKADEMI ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

SESI 1989/1990

FAKULTI USULUDDIN

AKADEMI ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

KONSEP IBADAT MENURUT

ILMU TASAWWUF

OLEH

ABDUL MALIK HJ. MAJID

LATIHAN ^CILMIYYAH INI DITERIMA OLEH

FAKULTI USULUDDIN BAGI MEMENUHI

KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA

USULUDDIN

SESI 1989/1990



5 - 1 - 1990

PENYELIA

TARIKH



DEKAN

5 - 1 - 1990,

TARIKH

M O T T O

”مَنْ تَصُوفَ وَلَا يَتَفَقَّهُ فَقَدْ تَرَنَدَ
وَمَنْ تَفَقَّهَ وَلَا يَتَصُوفَ فَقَدْ تَفَسَّقَ
وَمَنْ جَمِعَ بَيْنَهُمَا فَقَدْ تَحَقَّقَ“
امالك بن انس

Bermaksud;

Barang siapa bertasawwuf dan ia tidak bertafaqquh maka ia akan menjadi kafir zindiq, dan barang siapa bertafaqquh dan tidak bertasawwuf maka ia akan jatuh fasiq, dan barang siapa mengumkan kedua-duanya maka ia akan sampai pada hakikat (dapat melaksanakan tugas dengan sempurna).

(Imam Malik bin Anas)

DEDIKASI

Ku abadikan sejambak bakti buat;

- ... Ibu dan Ayah tercinta
Yang telah mengorbankan seluruh kehidupan
Demi kebahagiaan anak-anaknya
Jasa bakti dan kasih sayang yang dicurahkan
Ku serahkan kepada Allah untuk membalasnya
Ya Allah Ya Tuhan KU!
Ampunkanlah dosa kedua ibu-bapaku
Kurniakanlah kepada keduanya kebahagiaan
Dunia dan akhirat.
- ... Sekalian Guru-guruku;
Yang telah mencurahkan ilmu dan nasihat
Untuk menyinari likuan hidupku
Tanpa jasa dan bakti kalian pastinya
Diri ini masih meraba di lembah kehinaan.
- ... Kesemua saudaraku;
Abang Khatib, Abang Zainal, Abang Mansur, Kak Pah,
Kak Siah, Kak Tiah dan adik Halim,
Kasih sayang dan budi kalian
Adalah sejambak mawar yang mewarnai hidupku.
- ... Kesemua anak saudaraku;
Semoga kejayaanku ini
Menjadi pendorong buat kalian di hari muka
Ingatlah! Kejayaan tidak semudah yang diimpikan.
- ... Rakan-rakan seperjuangan;
Kemesraan dan budi baik kalian kan tetap ku kenang
Semoga Allah merestui setiap langkah hidup kita.
- ... Dan buat Ijah Tersayang;
Kan ku satukan buih-buih di lautan gelora
Menjadi pulau batu padu
Yang bakal kita diami bersama
Sebagai pulau 'Baldatun Tayyibah'.

- K E I N S A F A N D I R I -

dalam usia diri kini
tercari-cari aku ...
akan segumpal nur yang entah kapan
bisa aku capai dalam redha sekudus pasrah

atau mungkin...
mampukah ianya hampir ke sisi
menghapus kejahilan yang amat ini.
sedangkan...

tiap bayu pagi menggamit sore
daun senja mengetuk tirai malam
aku terlena...
terlena dalam dakapan indahnya
pancawarna duniawi
mata hati perasaan kian mati dan alpa
tenggelam bersama buai debu kota
yang memenuhi arusnya
adalah noda....

kini...
aku telah datang dalam ingatan panjang
bertahun jiwa telah diamuk resah kosong
gelombang dosa dihidu belasan usia
hingga hampir dalam kesesatan yang nyata

Oh Tuhan !!!

Kau bawalah diriku ke pintu rahsia hayat
bersujud taubat ku pohonkan hidayah Mu

Redhailah...
sebelum jalan ini tertutup
sebelum ajal mendekat dan mengkhianati diri
ketika bahu masih digalas dosa.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t di atas se-gala ni^cmat dan rahmat serta taufik dan hidayahnya yang dikur-niakan kepada penulis sehingga dengan izinnya, dapatlah penu-lis menyiapkan kajian ilmiah yang diabadikan dalam bentuk te-sis ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muham-mad s.a.w. serta ahli keluarganya, barisan para sahabat bagin-da seterusnya buat mereka yang beriltizam di jalannya.

Di sini, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada yang mulia Al-Ustaz Hassan Mat Leh selaku penyelia kepada penulis yang telah bersusah payah mengorbankan masa dan tenaga dalam membimbing, memberi nasihat dan tunjuk ajar serta galakan kepada penulis sehinggalah pe-nulisan tesis ini selesai.

Ucapan terima kasih dan penghargaan, penulis rakamkan juga buat kesemua pensyarah Akademi Islam khususnya dari Fa-kulti Usuluddin, yang telah banyak menaburkan ilmu dan tunjuk ajar kepada penulis. Budi dan jasa baik yang diberikan itu akan tetap dalam ingatan.

Tidak lupa juga penulis menghulurkan penghargaan buat teman-teman seperjuangan yang banyak memberi kerjasama, sumbang moral dan material serta nasihat-nasihat yang amat berguna buat diri penulis. Segala jasa baik kalian akan di abadikan dalam ingatan.

Buat akhirnya penulis mendoakan semoga semua pihak yang terlibat di dalam usaha menyiapkan latihan ^cilmiyah ini mendapat ganjaran yang sewajarnya dan dikira sebagai ^camal salih di sisi Allah s.w.t.

Wassalam.

Abdul Malik Hj. Majid.

Fakulti Usuluddin,

Akademi Islam,

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur.

Januari, 1990.

DAFTAR ISI

PENGHARGAAN

i

DAFTAR ISI

iii

SISTEM TRANSLITERASI HURUF LATIN

vii

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

PENGENALAN TAJUK	1
ALASAN PEMILIHAN TAJUK	4
LATAR BELAKANG MASALAH	6
RUMUSAN MASALAH	7
BIDANG KAJIAN	8
METODOLOGI	9
MASALAH KAJIAN	11
SUSUNAN PENULISAN	13

BAB KEDUA

1. IBADAT

1.1 Pengenalan Ibadat	15
1.2 Pengertian Ibadat	18
1.2.1 Pendapat Ahli Bahasa	18
1.2.2 Pendapat 'ulama' Tauhid	21
1.2.3 Pendapat 'ulama' Tasawwuf	22
1.2.4 Pendapat 'ulama' Akhlak	22

2. MATLAMAT IBADAT	
2.1 Memenuhi Tuntutan Kejadian Manusia	26
2.2 Keperluan Hati Terhadap Allah	27
2.3 Menunaikan Hak Allah	29
2.4 Mengharapkan Balasan Syurga	32
3. RUANGLINGKUP IBADAT	
3.1 Pembahagian Secara Umum	36
3.2 Pembahagian Secara Khusus	39
 BAB KETIGA	
1. TASAWWUF	
1.1 Pengenalan Tasawwuf	42
1.2 Asal Usul Perkataan Tasawwuf	43
1.3 Pengertian Tasawwuf	49
1.4 Sejarah Tasawwuf	54
1.5 Sumber Tasawwuf	58
1.5.1 Al-Quran	60
1.5.2 As-Sunnah	66
1.5.3 Ilham Daripada Allah Kepada Hambanya Yang Saleh	67
1.6 Objektif Tasawwuf	68
1.7 Pentingnya Tasawwuf Dalam Kehidupan	72
2. MA^CRIFATULLAH (MENGENAL ALLAH)	
2.1 Peringkat Ma ^C rifat Di Dalam Tasawwuf	77

2.2 Ma ^c rifat Dalam Tahap Ilmu-Yakin	77
2.3 Ma ^c rifat Dalam Tahap Aynul-Yakin	80
2.4 Ma ^c rifat Dalam Tahap Haqqul-Yakin	81
2.5 Hubungan Tasawwuf Dengan Syari ^c at	83
3. TASAWWUF DAN TARIKAT	86
3.1 Pengertian Tarikat	86
3.2 Beberapa Contoh Tarikat	88
3.3 Kedudukan Tarikat Di Dalam Tasawwuf	90
3.4 Hubungan Antara Tarikat - Hakikat - Syari ^c at	91
BAB KEEMPAT	
1. IBADAT MENURUT ILMU TASAWWUF	93
1.1 Pengertian Niat	96
1.2 Kepentingan Niat	97
1.3 Ikatan Antara Niat Dengan Hati	102
2. PEMBAHAGIAN HATI MANUSIA	104
2.1 Hati Yang Sihat	105
2.2 Hati Yang Berpenyakit	107
3. MENGUBATI PENYAKIT HATI	110
3.1 Zuhud	112
3.2 Mujahadah	118
3.3 Cuzlah	121
3.4 Berpegang Kepada Tarikat	123

4.	MAQAM IBADAT MANUSIA	125
4.1	Maqam Syari'at	125
4.2	Maqam Tarikat	125
4.3	Maqam Hakikat	126
5.	TERCAPAINYA ILMU LADUNI	126

BAB KELIMA

PENUTUP

KESIMPULAN	130
SARANAN	133

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

TRANSLITERASI

Huruf Arab

ء ب ت ش ح خ د ر س ش ض غ ظ ف ق ك ل م ن و

Huruf Latin

t - b t th j kh d r s sy s . d . t . z . c gh f q k l m n w

BAB PERTAMA
PENDAHULUAN

BAB PERTAMA

1. Pengenalan Tajuk

Ibadat merupakan amanah Allah s.w.t yang dipertanggung-jawabkan ke atas bahu manusia untuk memikulnya. Kejadian manusia itu sendiri pada hakikatnya adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah, sepetimana firman Allah di dalam Al-Quran;

وَمَا خلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ لَأَلْيَعْبُدُونَ
Bermaksud;

...Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepadaku.¹

Ibadat, bukanlah merupakan sesuatu yang boleh di permudahkan. Ianya merupakan suatu tanggung-jawab serta amanah yang mesti ditunaikan. Untuk menunaikan tanggung-jawab ini, maka manusia perlu kepada ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan inilah yang menggerakkan manusia untuk bersungguh-sungguh di dalam mengerjakan ibadat disamping menjadikan ibadat tersebut lebih sem-purna mengikut rukun dan syarat-syaratnya yang tertentu. Menunaikan ibadat tanpa mempelajari cara-caranya hanyalah perbuatan yang sia-sia sahaja. Ini adalah kerana ibadat mempunyai rukun serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

¹ Al-Quran, Surah Az-Zariyat, ayat 56.

Apabila menyebut tentang ibadat, maka secara tak langsung kita mengaitkannya dengan Ilmu Feqah (Fiqh). Ini adalah kerana Ilmu Feqah adalah merupakan ilmu yang khusus membicarakan tentang ibadat. Ibadat dilihat dari sudut Feqah mempunyai rukun serta syaratnya yang tertentu. Rukun serta syarat inilah yang menentukan sah atau tidaknya sesuatu amalan (ibadat) yang dilakukan itu. Feqah merupakan asas dan ianya perlu diketahui sebelum mengerjakan amal ibadat.

Di samping Ilmu Feqah, terdapat ilmu-ilmu lain yang turut membicarakan tentang ibadat. Antaranya ialah Ilmu Tasawwuf. Ilmu Tasawwuf, di dalam membicarakan tentang ibadat lebih menitik beratkan soal dalaman atau hati. Berbeza dengan Feqah yang lebih banyak menumpukan soal-soal luaran.

Dari sudut Feqah, ibadat memadai dilakukan dengan memenuhi rukun serta syarat-syarat yang dikenakan dan ianya adalah dikira sah di sudut hukum, berbanding dengan tasawwuf yang melihat untuk mencapai hakikat ibadat yang sebenar, maka manusia perlu kepada pembersihan jiwa atau rohani. Apabila jiwa seseorang itu benar-benar bersih barulah ia dapat menunaikan tanggung-jawab ibadat dengan sebenar-benarnya.

Bertolak dari sinilah penulis merasakan perlunya suatu kajian tentang Ilmu Tasawwuf dan pegangannya terhadap ibadat

kerana tasawwuf lebih terperinci dan halus di dalam menanggapi permasalahan dan tanggung-jawab ini.

Dengan ini timbulah ilham di hati penulis untuk membuat suatu kajian di atas tajuk ; Konsep Ibadat Menurut Ilmu Tasawwuf yang dirasakan dapat menepati apa yang telah diperbincangkan tadi. Sebenarnya, ia bukanlah merupakan suatu 'konsep' tetapi lebih merupakan pandangan serta pegangan ahli tasawwuf terhadap amalan ibadat kerana konsep merupakan suatu kata putus yang mutlak dan diluar kemampuan penulis untuk memaparkannya. Penggunaan konsep oleh penulis di dalam tajuk di atas adalah untuk memudahkan penulis untuk membuat suatu kajian yang berkaitan dengan ibadat dan tasawwuf.

Di sini, sebelum membincangkan tentang tajuk Konsep Ibadat Menurut Ilmu Tasawwuf, perlu diingat bahawa pemahaman terhadap Ilmu Feqah adalah amat penting kerana ia merupakan asas serta landasan di dalam memahami tasawwuf. Kedua-duanya (Feqah dan Tasawwuf) adalah saling memerlukan antara satu sama lain khususnya di dalam mengerjakan amal ibadat. Kata-kata Imam Malik ini perlu dan sewajarnyalah diberi perhatian dan renungan;

مَنْ تَصُوفُ وَلَمْ يَتَقَبَّلْهُ فَعَذَّرَنَدَقَ
وَمَنْ تَقَبَّلَهُ وَلَمْ يَنْصُوفْ فَعَذَّرَنَدَقَ

وَمِنْ جَمِيعِ مَا فَعَدَ تَحْقِيقًا

Bermaksud;

Barang siapa bertasawwuf dan ia tidak bertafaqquh maka ia akan menjadi kafir zindiq, dan barang siapa bertafaqquh dan tidak bertasawwuf maka akan jatuh fasiq, dan barang siapa mengumpulkan kedua-duanya, maka ia akan dapat melaksanakan tugas dengan sempurna.²

2. Alasan Pemilihan Tajuk

Konsep Ibadat Menurut Ilmu Tasawwuf merupakan tajuk yang dikemukakan oleh penulis di dalam penulisan tesis ini. Pemilihan tajuk ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktur iaitu;

i. Penulis merasakan betapa perlunya perhatian yang khusus diberikan kepada ibadat demi memenuhi tuntutan kejadian manusia iaitu mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Manusia dijadikan bukanlah semata-mata bertujuan untuk memakmurkan mukabumi Allah ini dengan gerak-kerja harian tetapi apa yang lebih penting ianya merupakan ujian Allah kentas hambanya. Ujian ini adalah untuk menentukan siapakah diantara hambanya yang mensyukuri akan nikmat kejadiannya. Bagi mereka yang mensyukurinya nescaya akan dijelaskan kesyukuran tersebut melalui ubudiyyah atau perhambaan yang sebenar-benarnya.

ii. Perlunya kepada suatu pemahaman yang sebenar tentang ibadat. Ini adalah kerana skop ibadat itu adalah amat luas dan

² Kata-kata Imam Malik Bin Anas.

amat sukar untuk difahami. Pemikiran kita pula seringkali disempitkan dengan anggapan bahawa ibadat hanya meliputi rukun Islam yang lima sahaja sedangkan pada hakikatnya ibadat merangkumi setiap gerak-kerja yang dilakukan oleh manusia. Pemahaman yang sempit ini menjadikan amalan harian yang kita lakukan itu kurang mendapat ganjaran pahala daripada Allah s.w.t seperti yang dijanjikan.

iii. Perlunya kepada suatu 'konsep' di dalam mengerjakan ibadat. Di dalam hal ini penulis memilih Ilmu Tasawwuf sebagai sudut perbincangan atau landasan kerana keyakinan penulis kepada ilmu tersebut bahawa ianya merupakan suatu ilmu yang mampu mem berikan sesuatu yang bernilai dan amat baik untuk dijadikan landasan di dalam mengerjakan ibadat kepada Allah s.w.t seperti mana yang diungkapkan oleh Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali mengenai ilmu ini dalam suatu ungkapannya iaitu;

"Apa yang akan saya sebutkan untuk diambil manfaatnya ialah; sesungguhnya saya benar benar yakin bahawa golongan Sufiyyah itulah mereka yang benar-benar telah menempuh jalan yang dikehendaki oleh Allah Taala. Cara hidup mereka itulah yang sebaik-baiknya, jalan yang mereka lalui itulah sebetul betul jalan, akhlak mereka itu adalah yang semulia-mulianya. Malah, andaikata akal para bijaksana, hikmat para hukamawan dan ilmu para ilmuan yang tahu rahsia-rahsia syara, semua itu dihimpunkan untuk mengubah sesuatu daripada perjalanan dan akhlak mereka itu, dan menggantikannya dengan yang lebih baik daripada cara mereka itu tentulah

tidak ada jalan untuk mencapainya kerana segala gerak-geri kaum Sufi itu baik lahir mahupun batin adalah cetusan daripada cahaya kenabian.³

3. Latar Belakang Masalah

Sepertimana yang telah diperkatakan, ibadat merupakan tanggung-jawab dan amanah Allah ke atas hambanya yang mesti ditunaikan. Tiada sesiapa dikalangan hambanya yang terlepas dari tanggung-jawab ini.

Di dalam menunaikan tanggung-jawab ini, manusia memerlukan kepada pemahaman yang sebenar agar amalan yang dilakukan itu menepati hakikatnya seperti yang dikehendaki disamping mendapat ganjaran yang sewajarnya daripada Allah s.w.t seperti yang dijanjikan. Untuk melakukan amal ibadat yang sebenar-benarnya ini bukanlah merupakan sesuatu perkara yang mudah. Ianya memerlukan pengetahuan dan pemahaman yang baik disamping hidayah daripada Allah s.w.t.

Timbul perscalan kepada siapakah hidayah ini akan diberikan?. Tidak lain dan tidak bukan ianya hanya akan diberikan kepada hambanya yang benar-benar taat kepadanya dan mengharapkan keredhaannya di dalam menunaikan ibadat disamping sesiapa yang ia kehendaki.

³ Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali, Al-Munqidh Minal-Dhalal, Darul Kutub Al-Hadisah, cet. VII, 1972.

Dalam hal ini, penulis mengaitkannya dengan Ilmu Tasawwuf iaitu suatu ilmu yang banyak menitik-beratkan soal bagaimanakah caranya untuk mendapat keredhaan yang sebenar daripada Allah s.w.t dan apakah jalan-jalannya.

Maka di dalam penulisan ini, penulis cuba mengemukakan beberapa permasalahan yang berkaitan dengan ibadat dan tasawwuf sebagai bahan kajian semoga dengannya nanti penulis dapat membuat suatu rumusan sebagai jawapan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

4. Rumusan Masalah

Di sini, penulis membentangkan beberapa masalah yang menjadi tumpuan kepada kajian ini, iaitu;

3.1 Apakah bentuk atau konsep ibadat yang diamalkan oleh ahli sufi.

3.2 Dimanakah letaknya titik perbezaan terhadap ibadat yang dilakukan menurut pemahaman umum (seperti yang dilakukan oleh kebanyakan umat Islam hari ini) dengan ibadat yang dilakukan menurut amalan ahli sufi.

3.3 Kenapakah berlakunya perbezaan ini dan apakah hikmat disebalik perbezaan yang berlaku ini.

3.4 Adakah benar dakwaan yang menyatakan kaum sufi merupakan golongan yang paling tinggi kedudukannya di dalam mengerjakan ibadat disisi Allah selepas para Rasul, Nabi-nabi dan para wali.

3.5 Apakah amalan yang dilakukan menurut cara ahli sufi merupakan sebaik-baik cara yang perlu dilakukan.

5. Bidang Kajian

Di dalam melakukan pengkajian terhadap tajuk ini, penulis cuba memberikan penjelasan tentang ibadat menurut pemahaman umum. Ini dirasakan penting kerana ianya merupakan asas yang perlu diketahui di dalam mengerjakan ibadat kepada Allah s.w.t.

Kemudian penulis membincangkan pula tentang ilmu tasawwuf iaitu salah satu ilmu yang turut menitik-beratkan soal ibadat. Pembicaraan di sini lebih tertumpu kepada ilmu tasawwuf itu sendiri tanpa melibatkannya dengan ibadat.

Seterusnya penulis memfokaskan perbincangan kepada tajuk sebenar penulisan tesis ini iaitu suatu konsep tentang ibadat yang dilihat dari sudut ilmu tasawwuf. Perbincangan ini dilakukan secara evolusi mengikut tahapnya yang tersendiri dan kepentingannya di dalam ilmu tasawwuf.

Penulis mengakhiri perbincangan dengan kesimpulan menyeluruh terhadap tajuk yang dikemukakan dan beberapa saranan yang dirasakan penting dan perlu untuk direnungi bersama.

6. Metodologi

Di dalam penulisan tesis ini, penulis telah menggunakan beberapa metod tertentu dalam usaha melengkapkan serta menyiapkannya. Metod-metod tersebut dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu;

6.1 Metod Penentuan Subjek

Di dalam metod penentuan subjek ini penulis telah meneruskan serta mengkaji pandangan-pandangan 'ulama' serta pendapat-pendapat para fuqaha' berhubung dengan permasalahan ibadat. Ini adalah kerana pemahaman umum masyarakat Islam terhadap ibadat adalah berlandaskan kepada Ilmu Feqah yang merupakan suatu ilmu yang khusus membincangkan tentang ibadat. Kemudian penulis memaparkan pula Ilmu Tasawwuf, suatu ilmu yang turut membincangkan tentang ibadat, tetapi lebih berbentuk kerohanian. Daripada sudut yang berlainan iaitu Feqah Dan Tasawwuf tetapi membincangkan perkara yang sama (ibadat), penulis membuat suatu perbandingan dan kesimpulan.

6.2 Metod Pengumpulan Data

Di dalam usaha mengumpulkan data-data, penulis hanya menumpukan kepada satu metod sahaja iaitu metod dokumentasi. Ianya adalah sesuai dengan kajian penulis yang berbentuk 'library research'. Pada keseluruhannya penulis memberikan penumpuan kepada dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang dikaji. Dokumen - dokumen tersebut ialah;

1. Al-Quran dan Hadith.
2. Kitab-kitab Feqah, Falsafah, Hadith dan Tasawwuf yang dikarang oleh 'ulama'- 'ulama' yang mu^ctabar.
3. Kitab-kitab terjemahan yang diterbitkan di beberapa penerbitan di Malaysia dan Indonesia.
4. Kertas Kerja Seminar yang berkaitan dengan Tasawwuf dan Feqah.
5. Akhbar-akhbar tempatan.
6. Majalah-majalah yang berbentuk ibadat dan kerohanian.

6.3 - Metod Data Dan Penulisan

Di dalam menganalisa data, penulis menggunakan metod analisis diskriptif yang secara umumnya adalah seperti berikut;

1. Metod Induktif

Iaitu cara menarik kesimpulan dari beberapa 'data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk memberi kesimpulan yang bersifat umum.

2. Metod Deduktif

Iaitu cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

3. Metod Komparatif

Iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.

7. Masalah Kajian

Di dalam melakukan pengkajian terhadap penulisan tesis ini, penulis tidak dapat melarikan diri daripada menghadapi berbagai-bagai masalah.

Masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah mengenai tajuk yang terlalu luas perbicaraannya. Hal ini menyebabkan agak

sukar bagi penulis untuk memberi pengamatan yang sebenar dalam menanggapi masalah yang dikaji.

Masalah kedua ialah berkaitan dengan tasawwuf itu sendiri.

Tasawwuf sepetimana yang diketahui merupakan ilmu kerohanian yang agak sukar untuk difahami. Ianya memerlukan 'daya citarasa' yang amat tinggi di dalam menanggapi setiap permasalahannya. Penulis merasakan hanya ahli tasawwuf yang sebenar sahaja yang layak mengemukakan pandangan atau pendapat tentang sesuatu yang berkaitan dengan ilmu tasawwuf lebih-lebih lagi dalam soal ibadat yang terlalu tinggi pembicaraannya. Sungguh pun demikian dengan cita-cita dan harapan serta keyakinan yang ada pada penulis ini disamping pertolongan Allah s.w.t dapatlah penulis menyiapkan penulisan tesis ini.

Masalah ketiga ialah pengolahan bahasa yang baik dan tepat. Adalah amat sukar bagi penulis untuk mengolahkan 'kerohanian' tasawwuf itu dengan bahasa yang baik dan tepat menepati hakikat yang sebenar. Apa yang dapat penulis lakukan ini hanya lah sekadar yang termampu.

Dengan ini penulis akui terdapat banyak kelemahan di dalam kajian ini. Sebarang kritikan membina adalah dialu-alukan. Akhirnya penulis memohon taufik dan hidayah dari Allah s.w.t semoga kajian ini mendatangkan manfaat khususnya kepada diri penulis sendiri juga kepada pembaca sekalian.

8. Susunan Penulisan

Di dalam melakukan penyusunan terhadap tesis ini, penulis telah mengemukakan beberapa bab. Bab-bab tersebut adalah seperti berikut;

Bab I Pendahuluan : Di dalam bab ini telah dibentangkan pengenalan tajuk, latar-belakang masalah, objektif kajian, bidang kajian, metodologi, masalah kajian dan susunan penulisan.

Bab II Landasan Teori : Dalam bab ini telah dikemukakan pengertian ibadat (yang ditinjau dari sudut Fiqah) matlamat-matlamat ibadat serta ruang lingkupnya.

Bab III Pengumpulan Data : Dalam bab ini penulis mengemukakan data-data yang berkaitan dengan ilmu tasawwuf bermula dari sejarahnya, objektif, sumber, dan keperluan kepada tasawwuf. Kemudian penulis memaparkan pula perbicaraan-perbicaraan yang terdapat di dalam ilmu tasawwuf. Ianya menjadi landasan kepada penulis untuk mengkaji tasawwuf dan konsep ibadat - nya.

Bab IV Pemerosesan Data : Dalam bab ini penulis memaparkan hasil kajian penulis iaitu suatu bentuk konsep

ibadat yang ditinjau dari sudut ilmu tasawwuf.

Bab V Penutup : Dalam bab yang terakhir ini penulis menge
mukakan beberapa saranan disamping kesimpulan ke-
atas keseluruhannya.

BAB KEDUA

BAB KEDUA

1. IBADAT

1.1 Pengenalan Ibadat

'Ibadat' seringkali disalah-ertikan bukan sahaja dikalangan orang bukan Islam malah orang Islam sendiri menganggapnya tak lebih sebagai suatu 'upacara' tertentu sahaja. Terkadang ibadat dianggap sebagai terasing dari kehidupan seharian malah ia hanya dilakukan di dalam waktu-waktu yang tertentu sahaja.

Terdapat dikalangan umat Islam hari ini yang beranggapan bahawa ibadat hanya perlu bagi mereka yang berpendidikan agama sahaja seolah-olah diri mereka tidak ditaklifkan perentah tersebut. Malah lebih menyedihkan lagi ada diantara mereka yang menganggap ibadat sebagai 'penghalang' kepada kebebasan individu. Dalam hal ini Allah Ta'ala menegaskan melalui firmannya;

وَمَا خَلَقْتَ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Bermaksud; ...Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat (mengabdikan diri) kepadaku.¹

¹ Al-Quran, Surah Az-Zariyat, ayat 56.

16

Penegasan yang Allah berikan ini jelas menunjukkan bahwa ibadat bukanlah sesuatu yang boleh dipermudahkan mengikut kehendak hati seperti yang berlaku dikalangan umat Islam hari ini sebaliknya ia merupakan amanah dan tanggung-jawab Allah keatas hambanya yang mesti ditunaikan.

Allah sekali-kali tidak akan membiarkan manusia bebas malakukan sesuatu mengikut kehendaknya sendiri tanpa mengira batas-batas agama. Firman Allah Ta'ala;

—
Bermaksud;

Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan begitu sahaja?²

Manusia dijadikan sebagai Khalifah yang memikul tanggung jawab mentadbir alam yang maha luas ini. Tanggung-jawab ini merupakan suatu amanah yang amat berat. Di dalam Al-Quran ada dijelaskan ;

نَعَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجَهَنَّمِ
فَأَبْيَانِ أَنْ يَحْمِلُنَا وَأَسْفَقْنَاهُ مِنْهَا وَجَلَّلْنَا إِلَيْهِ كَانَ

Bermaksud;

طَلُومًا حَمْوَلًا

Sesungguhnya kami telah bentangkan tanggung-jawab (amanah) kami kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya) maka mereka enggan

² Al-Quran, Surah Al-Qiyāmah, ayat 36.

memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada pada nya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.³

Sifat ubudiyah (perhambaan) yang Allah kurniakan kepada manusia memaksa manusia tunduk dan patuh kepada segala perentah nya. Melalui amanah inilah Allah akan menguji hambanya apakah mereka mampu memikul amanah tersebut dan dengannya dapatlah ditentukan siapakan yang terbaik dikalangan hambanya. Firman Allah

Ta^cala;

هُوَ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَوْمَ الْحِجَابِ
أَحَسِنَ حَمَلاً وَهُوَ الْغَفُورُ

Bermaksud;

Dialah yang mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji siapa kah diantara kamu yang lebih baik am lannya dan ia maha berkuasa (membalas amalan kamu) lagi amat pengampun (ke pada orang-orang yang bertaubat).⁴

Bertolak dari sinilah penulis merasakan betapa perlunya manusia (umat Islam) kepada penjelasan tentang konsep ibadat

³ Al-Quran, Surah Al-Ahzab, ayat 72.

⁴ Al-Quran, Surah Al-Mulk, ayat 2.

dan pengertiannya yang sebenar moga-moga dengannya dapatlah dijadikan landasan dan panduan didalam menunaikan tanggung-jawab yang diamanahkan ini.

1.2 Pengertian Ibadat

Terdapat berbagai-bagai definisi yang dikemukakan oleh Fuqaha' dan para 'ulama' serta cendikiawan Islam tentang pengertian ibadat. Ini adalah kerana luasnya konsep ibadat di dalam Islam sesuai dengan ketinggian Islam itu sendiri sepertimana sabda Rasulullah s.a.w ;

الاسلام يعلو ولا يعلى عليه

Ertinya;

Islam itu adalah tertinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.⁵

1.2.1 Pendapat Ahli Bahasa

Perkataan 'Ibadat' berasal dari bahasa arab (عبد) Daripadanya keluarlah perkataan-perkataan seperti (يعبد) (عبدة) (عبدة) (عباد) (عباده) dan pengertiannya di dalam buku-buku bahasa seperti المصاحح والقاموس الانسان membawa maksud di sekitar patuh, taat, setia, tunduk, menyembah, menghina, dan memperhambakan diri kepada yang lain.⁶

⁵ Harun Din, Dr., Manusia Dan Islam, Jawatankuasa Penyediaan Buku Manusia Dan Islam, Polis Diraja Malaysia, cet. II, 1987, hal. 9.

⁶ Abduh, Muhammad Muhammad Ismail, Al-ibadah Fi Al-Islam Mesir, Maktabah Wahbah, cet I, t.t, hal. 25.

Dikatakan juga ibadat itu kemuncak bagi segala jenis tunduk samada tunduk yang berupa taat atau tidak berupa taat, tetapi taat kepada Allah secara menghinakan diri itulah yang dikatakan ibadat yang sebenar-benarnya.

Abu Ala' Al-Maudūdi pula berpendapat bahawa dari segi penggunaan 'ain' (ع), ba (ب), dan dal (د), pokok pengertian ibadat ialah tunduk seseorang kepada ketinggian dan kekuasaan seseorang yang lain lalu diserahkan kepadanya segala kebiasaan dan kemerdekaan dirinya, ditinggalkan penentangan dan kedurhakaan terhadapnya malah ia terus ikut telunjuk dan perentahnya.⁷

Sheikh Muhammad Abduh pula ketika mentafsirkan ayat (وَمَا خَلَقْتَ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ) menyatakan ibadat meliputi setiap perkara atau amalan yang dilakukan oleh manusia samada dengan hanya berniat dihati melakukan sesuatu kebaikan atau menuturkan sesuatu perkataan (percakapan) atau menggerakkan sesuatu anggota (badan) semata-mata ikhlas kerana Allah Taala.⁸

Prof. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy di dalam bukunya Kulliyyah Ibadah mendefinisikan ibadat sebagai taat, menurut, mengikut dan tunduk yang setingginya. Beliau mengaitkannya dengan ayat Al-Quran yang berbunyi;

⁷ Ibid. m.s. 26.

⁸ Abduh, op.cit, hal.26.

الْمَاعُودُ إِلَيْكُمْ يَا بْنَ آدَمَ الْأَتَعْبُودُ
الشَّيْطَانُ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ

dimana di dalam ayat di atas, ibadat (تعبدوا) diertikan sebagai taat.⁹

Imam Ibn Kathir (ابن كثير) pula mendefinisikan ibadat sebagai;

الْعِبَادَةُ هِيْ عِبَارَةٌ عَمَّا يَحْمِلُ كُلُّ
الْمُحْبَّةِ وَالْمُضْرِعِ وَالْمُوقِفِ

Ertinya;

Ibadat ialah suatu pengertian yang menyimpulkan kesempurnaan cinta, tunduk dan taat.¹⁰

Ibadat juga didefinisikan sebagai;

خَصَّعَ الرُّوحُ بِسَيْئَاتِ الْإِسْتِشْعَارِ الْقُلُوبَ حَيْثُ الْمُعْبُودُ
وَعَصَمَتْ اِكْتِفَادًا بِأَنَّ الْعَالَمَ سَلَطَانًا لَا يَدْرِكُهُ الْفَعْلُ حَقِيقَتُهُ
Ertinya;

Ketundukan jiwa yang timbul dari hati dengan merasakan cinta akan tuhan yang disembah dan merasakan kebesarannya, lantaran beritiqad bahawa bagi alam ini ada kekuasaannya yang tidak dapat diketahui oleh akal manusia.¹¹

⁹ Ash-Shiddieqy, Prof. Dr. T.M. Hasbi, Kulliyyah Ibadat.

Jakarta, Bulan Bintang, cet. 4. m.s, 7.

¹⁰ Ibid. hal. 8

¹¹ Ibid

Dr. Ruf^cat Fauzi menegaskan ibadat merupakan nama bagi segala perbuatan yang dilakukan kerana kasihkan Allah dan redha di atas setiap sesuatu samada dalam bentuk perbuatan atau perkataan.¹²

1.2.2 Pendapat 'ulama' Tauhid

'ulama' Tauhid mentafsirkan ibadat sebagai 'Tauhid' dimana mereka menyatakan bahawa ibadat ialah;

تَحْمِلُ اللَّهُ وَتَعْطِيْهِ عَابِدَةَ التَّعْبُرِ
وَعَلَى لِتَدْلِيلِ الْمُفْعَلِهِ

Bermaksud;

Mengesakan Allah, menta^czimkannya dengan sepenuh-penuh ta^czim serta menghinakan diri dan menundukkan jiwa kepadanya.¹³

Tauhid pula ditarifkan sebagai;

أَحْرَارُ الْمُعْبُودِ بِالْعَادَةِ مَعَ اِعْتِقَادِ وَحْدَتِهِ ذَاتِ اِصْفَاتٍ اَفْعَالِ

Bermaksud;

Mengesakan tuhan yang disembah serta mengi^ctiqadkan pula keesaannya pada zat, sifat, serta pekerjaannya.¹⁴

¹² Fauzi, Dr. Ruf^cat, Al-Ibadah Ahkāmuha Wa-Bayānu Asāruha Fi Bīnā-i Al-Mujtama^c Al-Islami, cet. I, 1979, hal.3.

¹³ Ibid.

¹⁴ Ibid. hal. 9.

1.2.3 Pendapat 'ulama' Tasawwuf

'ulama' Tasawwuf mendefinisikan ibadat sebagai;

فعل المكلف على خلاف هوى
نفسه بتعظيم الرب

Bermaksud;

Seseorang mukallaf mengerjakan sesuatu yang berlawanan dengan keinginan nafsu nya untuk membesarkan tuhannya.¹⁵

Menurut mereka juga ibadat dapat dibahagikan kepada tiga bahagi
¹⁶
an iaitu;

- i. Beribadat kepada Allah kerana mengharapkan pahala dan takutkan dosa.
- ii. Beribadat kepada Allah kerana memandang ibadat sebagai perbuatan mulia.
- iii. Beribadat kerana Allah sahaja yang berhak disembah.

1.2.4 Pendapat 'ulama' Akhlak

Golongan ini mendefinisikan ibadat sebagai;

¹⁵ Ibid. hal.10.

¹⁶ Ibid.

العمل بالطاعات البدنية والقيام بالسترانج

Bermaksud;

Mengerjakan taat badaniah dan menyelenggarakan segala syari'at.¹⁷

Asy-Sayuti di dalam hadis riwayatnya ada menjelaskan tentang ibadat iaitu;

العبارة عن حسنة أجزاء تسعون منها طلب الحال

Bermaksud;

Ibadat itu merangkumi sepuluh bahagian, sembilan daripadanya terletak di dalam mencari harta yang halal.¹⁸

Daripada berbagai-bagai definisi yang dikemukakan diatas dapatlah penulis membuat suatu rumusan dimana ibadat merangkumi;

i. Tindakan menurut, mengikut dan mengikatkan diri dengan semua perkara yang disyara'kan oleh Allah dan yang diserukan oleh Rasulnya samada suruhan ataupun larangan.

Suruhan dan larangan inilah yang merupakan unsur taat dan tunduk kepada Allah.

ii. Pengikatan diri dan patuh kepada segala yang disyara'kan itu hendaklah lahir dari hati yang kasih kepada Allah

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Hadis Riwayat Asy-Sayuti.

Ta^cala, tidak kepada yang lainnya.

Dengan ini ibadat merangkumi seluruh kegiatan manusia yang dilakukan mengikut syari^cat Allah Ta^cala dan dikerjakan dengan penuh ikhlas. Di sinilah terletaknya keistimewaan Islam di mana ia menjadikan seluruh kegiatan manusia itu bersifat ibadat bila ianya diqasadkan kepada Allah untuk mencapai keredhaannya serta dilakukan mengikut syari^catnya.

2. Matlamat Ibadat

Seperitimana yang telah dinyatakan terdahulu, ibadat di dalam Islam merangkumi segala kegiatan manusia samada berbentuk rohani maupun berbentuk jasmani. Islam mengharuskan umatnya supaya berusaha memenuhi tuntutan jasmani dan rohani atau dengan lain perkataan antara kegiatan-kegiatan duniawi dengan amalan akhirat. Inilah satu kombinasi yang begitu indah yang terdapat di dalam agama Islam dan tidak terdapat di dalam mana-mana agama yang lain.

Setiap muslim digalakkan supaya memenuhi tuntutan keduniaannya sebagai bekalan untuk hari kemudian selama mana ia tidak bercanggah dengan syari'at yang telah ditetapkan. Dalam hal ini Allah Ta'ala ada menjelaskan melalui firmannya;

جاًلِيَّ فِيمَا أَتَكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةِ وَلَا تَنْسِي
 نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنْ
 اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِيْ عَوْنَادَيِّ الْأَرْضِ
 إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Bermaksud;

Dan carilah pada apa yang telah di-anugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (ke-nikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu , dan

janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.¹⁹

Ayat di atas menjelaskan kepada kita bahawa Islam 'mengharuskan' umatnya supaya memenuhi keperluan dunia dan di samping itu menunaikan tuntutan akhirat. Kesemua kegiatan ini sekalipun merupakan tuntutan jasmani (keduniaan) adalah dikira ibadat selama-mana ianya berjalan di atas landasan yang telah ditetapkan oleh syara^c.

Ibadat di dalam Islam mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Matlamat tersebut samada merupakan matlamat asal atau sampingan, kesemuanya kembali merujuk kepada Allah s.w.t. Disini penulis akan nyatakan matlamat-matlamat pokok (asal) - didalam mengerjakan ibadat kepada Allah s.w.t.

2.1 Memenuhi Tuntutan Kejadian Manusia

Manusia dijadikan oleh Allah sebagai khalifah di atas mukabumi ini dimana mereka ditugaskan dengan amanah dan tanggung jawab untuk mentadbir bumi yang maha luas ini. Disamping itu manusia diperentahkan untuk beribadat kepada Allah s.w.t. sebagai tanda kesyukuran di atas kejadian mereka. Ibadat didalam kontek ini ialah menjalankan segala titah perentah Allah dan menjauhkan segala larangannya. Firman Allah Taala;

¹⁹

Al-Quran, Surah Al-Qashash, ayat 77.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Bermaksud;

...Dan tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat (mengabdikan diri) kepadaku.²⁰

Oleh yang demikian semestinya manusia memenuhi tuntutan kejadiannya sebagai hamba kepada yang Maha Kuasa. Mengabdi-kan diri kepada Allah dengan tulus ikhlas adalah merupakan kebebasan dan jalan bagi mencapai 'ketuanan' yang sejati kerana dia adalah (Allah) yang boleh membebaskan hati nurani seseorang daripada belenggu kehambaan terhadap sesama makhluk.

Tidak ada sesuatu yang paling mulia bagi manusia yang berakal selain daripada beribadat menyembah Allah yang menciptanya dan menjadikannya sebaik-baik kejadian.

2.2 Keperluan Hati Terhadap Allah

Hati manusia secara tabi^cinya amat berhajat kepada Allah demi untuk mencapai kebahagiaan dan ketenangan yang hakiki. Hal ini ada dijelaskan di dalam Al-Quran. Firman Allah Ta'ala;

²⁰ Al-Quran, Surah Az-Zāriyat, ayat 56.

Ertinya;

إِنَّمَا نَعْبُدُهُ وَإِنَّمَا نَسْتَعِينَ

Akan dikau jua kami sembah dan hanya kepada engkaulah kami memohon pertolongan.²¹

Kebahagiaan yang diperolehi dengan jalan lain selain daripada apa yang telah diperentahkan oleh Allah bukanlah merupakan kebahagiaan yang sebenar, sebaliknya hanyalah kebahagiaan ciptaan yang bila-bila masa boleh musnah dan hilang dari pemiliknya. Al-Quran ada menjelaskan;

Bermaksud;

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

Tidakkah dengan mengingati Allah itu mententeramkan hatimu?²²

Ketenangan ini tidak akan diperolehi melainkan setelah kita benar-benar mengikhlaskan ubudiyyah hanya kepada Allah semata-mata disamping mengenali dirinya. Diketika ini manusia akan dapat merasai apa yang disebut sebagai "حَلَوَةُ الْإِيمَانْ" (kemanisan iman).

Kemanisan iman inilah yang merupakan sesuatu yang hakiki

²¹ Al-Quran, Surah Al-Fātiḥah, ayat 4.

²² Al-Quran, Surah Ar-Ra^cd, ayat 38.

yang amat-amat diperlukan oleh setiap manusia. Namun tidak semua manusia mampu memiliki kerana gagal mematuhi perintah Allah s.w.t.

Kata seorang ahli sufi;

"Sebaik-baik perkara yang ada di dalam dunia ialah mengenali Allah dan cinta kepadanya manakala sebaik-baik perkara diakhirat kelak ialah melihat Allah dan mendengar percakapannya tanpa perantaraan." 23

2.3 Menunaikan Hak Allah

Selain daripada itu ibadat juga merupakan hak Allah ke atas hambanya. Seorang sahabat nabi iaitu Muaz bin Jabal ada meriwayatkan sebuah hadis sebagaimana yang dikeluarkan oleh Al-Bukhari dan Muslim;

عَنْ مَعَاذِبْنِ جَبَلِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كُنْتَ رَدِيفَ النَّبِيِّ (ص) عَلَى حَمَارٍ فَقَالَ لِي: يَا مَعَاذِبْ أَنْذِرْنِي مَا حَقُّ الْمَعْلُومِ الْعِبَادِ؟ قَلَّتِ الْأَنْوَارُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ حَقُّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوهُ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا.

Bermaksud;

Sedang saya dan Rasulullah menunggu kaldai, Rasulullah bertanya; Adakah anda tahu hak Allah keatas hambanya?

²³ Al-Qardhawi, Prof. Dr. Yusof, Matlamat Dan Tujuan Ibadat Di Dalam Islam, terjemahan Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, 1986, hal. 9.

Saya menjawab; Allah dan Rasulnya lebih mengetahui, lalu baginda menjawab; Hak Allah keatas hambanya ialah beribadat menyembahnya dan jangan sekali-kali menyekutukannya dengan sesuatu.²⁴

Manusia sebagai makhluk yang dijadikan (موجود) perlu sedar akan hakikat ini bahawa mereka mesti menunaikan tanggung-jawab mereka sebagai hamba. Mereka perlu beribadat untuk memenuhi hak Allah, hak pencipta keatas yang dicipta.

Di dalam surah Al-Baqarah Allah berfirman;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذْنَا بِكُمُ الَّذِي خَلَقْنَا وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعْلَكُمْ تَتَقَوَّنُ . الَّذِي جَعَلَكُمُ الْأَرْضَ خَرَاسًا وَالسَّمَاوَاتِ بَنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاوَاتِ مَا دَعَاهُ حِرَجٌ بِهِ سَنَنَ الْمُرْثَاتِ رَرَقَ الْكَمْ فَلَا تَحْوِلُوا إِلَهًا إِلَّا إِذَا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Bermaksud;

Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada tuhan yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu menjadi orang-orang yang bertakwa. Dialah yang menjadikan bumi sebagai hamparan bagi kamu dan langit sebagai atap, dan dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit lalu dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezki untukmu.²⁵

²⁴ Sayyid Sābiq, Islamuna, Beirut, Darul Kitab Al-Arabi,

t.t., hal. 115.

²⁵ Al-Qur'an, Surah Al-Baqarah ayat 21 - 22

Di dalam ayat yang lain Allah Taala berfirman;

وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْقَبْرُ

Bermaksud;

Beribadatlah (sembahlah) Tuhanmu
sehingga datang kepada engkau
'yakin'²⁶

Sungguhpun Tuhan sentiasa mengingatkan kepada manusia supaya beribadat kepadanya, namun manusia masih engkar dan tetap melakukan berbagai-bagai kezaliman. Mereka tetap tidak mensyuri segala nikmat yang dikurniakan. Ini jelas terbukti melalui firman Allah di dalam sebuah Hadis Qudsi yang berbunyi;

إِنِّي وَالجِنُّ وَالإِنْسَنُ فِي بَنَاءِ عَظِيمٍ أَخْلَقَ وَيَعْبُدُ كُبِيرًا وَأَرْزَقَ
وَيَسْتَكْرِسُوا! حَتَّىٰ إِلَى الْعِدَادِ نَازَلَ وَشَرَهُمُ الْمَصَاعِدُ!
أَتَحِبُّ النِّيَّمَ بِنَعْمَتِي وَأَنَا أَغْنِيُ عَنْهُمْ فَنَحْرُضُونَ إِلَيْ
الْمَعَاصِي وَهُمْ أَغْفَرْتُهُمْ إِلَيْ. لَهُمُ الْفَسَرُ

Bermaksud;

Sesungguhnya Aku, jin dan manusia adalah satu keadaan yang ganjil. Aku yang mencipta segala-galanya tetapi yang lain disembah, Aku yang memberi rezki tetapi yang lain disyukuri, rahmatku sentiasa turun kepada hamba-hambaku tetapi kejahatan

²⁶ 'Yakin' disini ditafsirkan oleh 'ulama' sebagai mati.

mereka selalu naik kepadaku, dengan nikmat-nikmatku Aku berbaik-baik dengan mereka sedangkan Aku terkaya tidak memerlukan sesuatu dari mereka tetapi mereka menentangku dengan perkara-perkara maksiat sedangkan mereka amat perlu kepadaku.²⁷

Maka jelaslah Allah pencipta dan pengurnia nikmat itu sahaja berhak menerima ibadat hambanya. Sesuatu yang selain dari pada Allah tidak berhak menerima ibadat manusia kerana mereka seperti juga manusia makhluk-makhluk yang diberi rezki dan dipelihara Allah. Ibadat ialah sejenis tunduk yang tidak layak menerima melainkan Allah sahaja. Dengan huraiān di atas dapatlah difahami bahawa perkara ibadat dituntut di dalam agama sebagai perkara yang menjadi matlamat dan tujuan, bukan sebagai alat dan jalan kepada perkara-perkara yang lain.

2.4 Mengharapkan Balasan Syurga

Ibadat juga dilakukan kerana mengharapkan pahala dari pada Allah Taala dan untuk mengelakkan diri daripada api neraka. Sesuai dengan janji Allah Taala kepada manusia bahawa setiap ibadat yang dilakukan akan dibalas dengan balasan pahala dan syurga diakhirat kelak.

²⁷ Al-Qardhawi, op.cit, hal. 32.

Manusia memang digalakkan supaya memohon kepada Allah Taala^c ia untuk mendapatkan balasan syurga malah Nabi-nabi sendiri sentiasa memohon untuk mendapat ganjaran tersebut walaupun pada mereka telah dijanjikan oleh Allah s.w.t. Galakan ini adalah untuk menjadikan manusia sentiasa beribadat seperti berzikir dan bermunajat memohon kepada yang maha esa.

Di dalam surah Asy-Syuc'ara' ada diceritakan tentang Nabi Ibrahim memohon syurga daripada Allah dan perlindungan daripada api neraka serta kehinaan pada hari akhirat. Firman Allah Taala;

وَالَّذِي أَنْهَىٰ نَحْنُ طَيْبَتِي بِوْمَ الدِّينِ . رَبِّ هَلْ كَيْ
وَالْحَقِّيْ بِالصَّالِحِينَ . وَاجْعَلْ لِي لِسَانَ صَدِقٍ فِي الْاَخْرِينَ . وَاجْعَلْ
مِنْ وَرْتَهُ حِجْنَةَ النَّعِيمَ . وَاغْفِرْ لَابِي إِنْكَانَ مِنَ الصَّالِحِينَ
وَلَا تَخْرُفْ يَوْمَ يَبْعَثُونَ

Bermaksud;

...Dan tuhan yang aku harap (Allah) pada hari pembalasan kelak akan mengampuni kesalahanku. Wahai Tuhan, Berikanlah aku hukuman, masukkanlah aku kedalam golongan orang-orang yang saleh dan jadikanlah aku orang yang benar dari semua mereka yang terdahulu. Jadikanlah daku dari golongan orang-orang yang mewarisi Syurga Naim. Ampunilah bapaku (kesalahannya) kerana dia dari golongan orang-orang yang sesat dan janganlah hinakan aku pada hari mereka dibangkitkan kelak.²⁸

Allah menjelaskan kepada hambanya bahawa balasan syurga itu adalah suatu janji yang pasti akan ditunaikan. Orang-orang yang taat sentiasa memohonnya daripada Allah s.w.t.

Di dalam suatu hadis saih ada diceritakan tentang perbuatan antara Malaikat dengan Allah s.w.t. tentang tingkah-laku segolongan manusia yang sentiasa beribadat dan memohon perlindungan serta balasan syurga daripada Allah s.w.t.:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَسْأَلُهُمْ عَنْ عِبَادَتِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ رَحْمَةً فَيَقُولُونَ: أَئْتَنَاكُمْ مِنْ عِنْدِكُمْ
عِزَّةٌ وَجَلَّ وَهُلْ رَأَوْتُمْ؟ فَيَقُولُونَ: لَا، بَارِبَ، مَا رَأَوْكُمْ فَيَقُولُونَ:
عِزَّةٌ وَجَلَّ كَيْفَ لَوْرَأَوْتُمْ؟ فَيَقُولُونَ: لَوْرَأَوْنَ لِخَانُوكَ أَسْتَرَ
تَسْبِيدًا، قَالُوا: بَارِبَ يَسْأَلُونَكَ حِينَتِكَ فَيَقُولُ: هَلْ رَأَوْهَا؟
فَيَقُولُونَ: لَا وَعَزَّتِكَ مَا رَأَوْهَا، فَيَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْرَأَوْهَا؟
فَيَقُولُونَ: لَوْرَأَوْهَا لَكَانُوكَ أَسْتَدَ طَلَباً، قَالُوا: وَيَسْتَغْفِرُونَ
لَكَ مِنَ النَّاسِ فَيَقُولُ: عِزَّةٌ وَجَلَّ وَهُلْ رَأَوْهَا؟ فَيَقُولُونَ:
لَا حِينَتِكَ مَا رَأَوْهَا! فَيَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْرَأَوْهَا؟ فَيَقُولُونَ:
لَوْرَأَوْهَا لَكَانُوا أَسْتَدَ عَنْهَا نَفْرَيَا، فَيَقُولُ: إِنَّ أَسْتَهْدِكُمْ إِنَّ
قَدْ نَفَرْتُ لَهُمْ وَأَعْطَيْتُهُمْ مَا سَأَلُوا وَأَعْذَرْتُهُمْ مِمَّا اسْتَرْدَادُوا،

Bermaksud;

Bahawa Allah Taala bertanya tentang hambanya yang Dia lebih tahu perihal mereka itu, maka mereka pun berkata; "Kami kembali dari tempat hamba-hamba yang sedang bertahlil, bertakbir, ber tahmid dan memuji-mujimu!" Allah ber-

tanya, Adakah mereka itu melihatku? Mereka menjawab; Tidak pernah mereka itu melihatmu. Allah berfirman; Bagaimana kalau mereka itu melihatku? Mereka menjawab; Tentulah mereka itu lebih banyak lagi memuji-mujimu! Kemudian mereka berkata; Wahai Tuhan! Mereka itu memohon syurgamu. Tuhan bertanya; Adakah mereka itu melihat syurga? Tidak, demi kebesaranmu mereka itu tidak melihatnya. Jawab Malaikat. Allah berkata; Bagaimana kiranya mereka itu melihatnya? Mereka berkata; Jikalau mereka itu melihatnya sudah tentu mereka memohon lebih kuat lagi. Seterusnya Malaikat berkata; Dan mereka itu memohon perlindungan dari api neraka. Allah pun bertanya; Adakah mereka itu melihatnya? Tidak, demi kebesaranmu mereka itu tidak pernah melihat. Allah bertanya lagi, bagaimana kalau mereka itu melihatnya? Jawab mereka; Kalau mereka itu melihatnya tentulah lebih kuat lagi mereka itu hendak lari dari api neraka. Sampai di sini Allah pun berfirman, maksudnya; Sesungguhnya aku menjadikan kamu saksi bahawa aku telah mengampuni dosa-dosa mereka itu, aku kurniakan segala yang dipohon dan aku pelihara mereka itu dari segala yang dipohon perlindungan.²⁹

Sebenarnya, di sana terdapat suatu perselisihan faham antara 'ulama' Islam dengan ahli Sufi tentang orang-orang yang menyembah Allah semata-mata bertujuan untuk mendapatkan balasan syurga. Hamba seperti ini dikatakan mementingkan tujuan dan

²⁹ Al-Qardhawi, op.cit, hal. 42.

bahagian dirinya sedangkan cinta kepada Allah yang sebenar bertentangan dengan yang demikian kerana orang yang bercinta tiada bahagian baginya disamping yang dicintai. Melakukan sesuatu dengan berharap untuk mendapatkan balasan adalah menunjukkan ianya tidak ikhlas.

Persoalan ini Insyaallah akan dijawab di dalam bab yang seterusnya semasa membincangkan tentang ibadat menurut Ilmu Tassawwuf. Sebenarnya, inilah salah satu intipati yang ingin penulis huraikan. Semoga perbincangan seterusnya memberi jawapan ke pada persoalan tadi.

3. Ruanglingkup Ibadat

Seperti yang dinyatakan terdahulu, ibadat membawa pengertian yang amat luas. Ia merangkumi segala perbuatan dan gerak-kerja yang dilakukan oleh manusia untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t. Ibadat juga merupakan suatu 'rentetan' daripada keimanan dimana ianya merupakan pembuktian terhadap keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Dalam hal ini keimanan merupakan asas atau tunjang di dalam mengerjakan ibadat.

3.1 Pembahagian Secara Umum

Untuk menjelaskan ruang-lingkup ibadat dengan tepat, penulis merasakan sesuatu yang agak sukar. Ini adalah kerana terdapat berbagai-bagai penafsiran terhadap ruang-lingkup abadat

yang dikemukakan oleh 'ulama' Islam dan cendikawan baik zaman lampau atau masa kini. Hal ini berlaku adalah kerana mereka ('ulama') memandang ibadat dari sudut yang berlainan. Hasilnya terdapatlah kepelbagaiannya dalam menentukan ruang lingkup yang sebenar.

Di sini penulis akan mengemukakan beberapa pembahagian yang dilakukan oleh para 'ulama' dan cendikiawan Islam. Pembahagian secara umum ialah, ibadat merangkumi tiga prinsip asas ia-
30
itu;

i. Aqidah ; yang merangkumi :-

- kepercayaan kepada Allah
- kepercayaan kepada Kitab
- kepercayaan kepada Malaikat
- kepercayaan kepada Rasul
- kepercayaan kepada Akhirat
- kepercayaan kepada Qadha dan Qadar

ii. Syari'ah; yang merangkumi antaranya :-

- Mu'amalat (perekonomian)
- Munakahat (perkahwinan)
- Mujānayah (jenayah)

30 Syahminan Zaini, Drs., Mengapa Manusia Harus Beribadat, Al-Ikhlas, Surabaya, t.t., hal. 20.

- Khilafiyah (pemerentahan)
- C aqdiyyah (perjanjian)

iii. Akhlak ; yang merangkumi antaranya :-

- hubungan dengan Allah
- hubungan sesama manusia
- hubungan sesama Muslim
- hubungan sesama makhluk
- mengenai diri sendiri

Menurut Badran Abu Al-Ainain Badran di dalam bukunya Al-Ibadah Al-Islamiyyah, ibadat merangkumi tiga aspek iaitu;³¹

- i. Ibadat tubuh badan seperti sembahyang
- ii. Ibadat harta benda seperti zakat
- iii. Ibadat yang merangkumi kedua-duanya seperti haji

Beliau menegaskan bahawa sembahyang adalah merupakan pokok segala ibadat dimana ia jaya ajalah tanda keimanan dan keislaman seseorang, hubungan langsung antara manusia dengan Allah, dan jalan bagi orang mukmin untuk kebahagiaan dunia dan akhirat.³²

³¹ Badran Abu Al-Ainain Badran, Al-Ibadah Al-Islamiyyah Muqārahan ala Al-Mazahib Al-Arba-ah, Muassasah Syabab, Al-Jamiah, t.t. hal. 3.

³² Ibid.

Muhammad Syaltut pula menegaskan bahawa ibadat merangkumi lima kategori iaitu;³³

- i. Berhubung dengan Allah
- ii. Berhubung sesama manusia
- iii. Berhubung sesama Muslim
- iv. Berhubung dengan alam
- v. Berhubung dengan kehidupan

Kesemua penafsiran yang dikemukakan di atas adalah merupakan suatu penafsiran yang dibuat secara umum.

3.2 Pembahagian Secara Khusus

Terdapat juga dikalangan 'ulama' yang memandang ibadat dari sudut yang lebih khusus sepetimana yang dikemukakan oleh Dr. Rufat Fauzi. Beliau menyatakan ibadat menurut istilah Fiqhiyyah meliputi rukun Islam yang lima iaitu;³⁴

- i. Pengakuan dua kalimah syahadah
- ii. Sembahyang
- iii. Zakat
- iv. Puasa
- v. Haji

³³ Syaminan Zaini, op.cit, hal. 19.

³⁴ Rufat Fauzi, Dr., Al-Ibadah Ahkamuha Wabiyānu Asaruha Bi Bināj Mujtamāi Islami, cet. I, 1979, hal. 8.

Beliau mengaitkannya dengan sebuah hadis Rasulullah s.a.w yang menyebutkan;

قال الرسول صل الله عليه وسلم بنى الإسلام على
حسن: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا
رسول الله واقم الصلاة وإيتاد الزكاة وصوم
رمضان وحج البيت من استطاع إليه سبيلا

Bermaksud;

Islam itu terbina di atas lima perkara iaitu penyaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan bahawasanya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa dibulan Ramadhan dan menunaikan fardhu haji bagi mereka yang berkemampuan. 35

Dengan ini dapatlah penulis membuat suatu kesimpulan bahawa ruang-lingkup ibadat adalah meliputi segala tindak – tanduk manusia yang dilakukan demi mencapai keredhaan Allah s.w.t. berlandaskan syari'at Allah dan Sunnah Rasulnya dan diqasaskan perbuatan tersebut semata-mata kerana Allah Taala. Secara ringkasnya dapatlah penulis membahagikan ibadat di dalam Islam kepada dua bahagian iaitu;

Pertama :

Ibadat khusus iaitu sesuatu yang telah ditetapkan dan

diperentah menunaikannya samada secara wajib atau pun sunat, seperti menunaikan sembahyang, puasa, zakat dan haji. Juga termasuk di dalamnya sembahyang sunat, puasa sunat, bersedekah, zikir dan lain-lain.

Demikian juga dikatakan ibadat apabila meninggalkan sesuatu yang telah diperentahkan supaya jangan melakukannya seperti tidak mencuri, tidak berzina, tidak makan atau minum benda-benda yang haram dan lain-lain perkara yang dilarang.

Kedua

Ibadat Umum; iaitu semua perkara kebaikan yang dianjur dan digalakkan oleh Islam yang mendatangkan manfaat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Ibadat umum ini adalah seperti berderma, tolong-menolong, ziarah-menziarahi, bersyukur, memperbaiki kelemahan diri sendiri dan lain-lainnya.

Demikian pula sebaliknya, meninggalkan perkara-perkara yang buruk, menjauhi tempat-tempat yang kotor, membersihkan diri dari sifat-sifat yang keji (mazmumah) dan lain-lain lagi adalah ibadat dan diberi pahala. Inilah antara ciri-ciri ibadat dalam Islam.

BAB KETIGA

BAB KETIGA

1. TASAWWUF

1.1 Pengenalan Tasawwuf

'Tasawwuf' merupakan salah satu cabang ilmu daripada berbagai-bagai ilmu yang terdapat di dalam Islam. Berbeza dengan ilmu-ilmu yang lain, Tasawwuf amat menitik-beratkan soal-soal keronhanan. Maka dengan sebab itulah Tasawwuf dianggap sebagai 'Ilmu Rohani'. ←

Tasawwuf ibarat 'permata' bagi mereka yang mencari kebenaran. Di dalamnya terkandung berbagai-bagai hikmat dan rahsia yang amat berharga. Sesuai dengan ketinggian nilainya itu, maka ia agak sukar untuk difahami. Akhirnya jadilah tasawwuf sebagai suatu ilmu yang diketepikan, yang hanya diceburi oleh sebilangan kecil umat Islam sahaja.

Pencinta Tasawwuf adalah dianggap pencinta kebenaran. Melalui tasawwuf mereka mendapat kesempurnaan rohani. Dunia rohani merupakan suatu dunia yang tidak dapat ditanggapi oleh panca indera manusia sebaliknya ia hanya dapat dirasai dengan kelazatan perasaan yang amat halus yang lebih dikenali dengan 'zaug'.

Seseorang itu tidak akan memahami tasawwuf kecuali sesudah roh dan jiwanya menjadi kuat sehingga ia dapat melepaskan dirinya dari keindahan lahiriah yang diamati oleh pancaindera-nya. Apabila jiwa seseorang itu menjadi matang dan meningkat lebih tinggi serta lebih sempurna dalam menilai, maka kesemua keindahan lahiriah itu ditinggalkan demi memikirkan suatu keindahan yang sesuai dengan perkembangan kekuatan dan kebersihan roh serta jiwa.

Dengan ini tasawwuf pada zatnya, seperti mana kata Imam Al-Ghazali merupakan suatu 'perpindahan' dari alam kebendaan kepada alam kerohanian, iaitu suatu alam yang amat aneh lagi penuh nikmat serta melazatkan.¹

1.2 Asal-Usul Perkataan Tasawwuf

Dalam hal menentukan asal-usul perkataan tasawwuf, 'ulama' memberi pendapat yang berbeza. Ini adalah kerana perkataan tasawwuf hanya baru dicipta sedangkan amalannya wujud sejak zaman Nabi Muhammad lagi. Di sini penulis akan mengemukakan pendapat-pendapat tersebut.

i. Perkataan tasawwuf berasal dari Ash-Shuf (صوف) yang bererti 'bulu'. Hal ini sesuai dengan orang-orang Sufi

¹ Al-Ghazali, Al-Munqidh Minal Al-Dhalal, Darul Kutub Al-Hadisah, cet. VII, 1972, hal. 57-59.

yang pada umumnya memakai pakaian daripada bulu iaitu pakaian yang murah dan sesuai dengan kezuhudan Ahli Sufi.²

Di dalam sebuah Hadis ada diterangkan tentang perkataan Ash-Shuf iaitu;

كُنَّ الْأَنْبِيَاءُ يَحْبُّونَ أَنْ يَلْبِسُوا الصُّوفَ
وَيَحْلِبُوا الْغَنْمَ وَيَرْكِبُوا الْحِمَارَ .

Bermaksud;

Adalah para Nabi suka memakai pakaian dari bulu, suka memerah susu kambing dan mengenderai himar.³

Pepatah Arab juga ada menyebut;

تَصُوفُ الرَّجُلِ إِذَا لَبِسَ الصُّوفَ

Bermaksud;

Seseorang itu bertasawwuf apabila ia memakai pakaian daripada bulu.⁴

Reynold A Nicholson di dalam buku terjemahannya 'The Kash Al-Mahjub' menyatakan;

² Miqdad Yaljan, Dr., Falsafah Al-Hayah Ar-Rūhiyyah Manābi'uhā Wa-Masyāribuhā Wa-Nash-atuhā Wa-Nash-atut Tasawwuf Wat-Turuq As-Sūfiyyah, Darul Asy-Syar, cet. I. 1985, hal. 71.

³ Sahilun A Nasir, Dr., Prinsip-Prinsip Tasawwuf Islam, Yogyakarta, Nur Cahaya, cet. II. 1983, hal. 19.

⁴ Ibid.

"The Sufi is so called because he wears the woollen garment.⁵

ii. Berasal dari Ash-Shuffah (الشوفة) iaitu nama bagi serambi Masjid Nabawi di Madinah yang diduduki oleh orang-orang fakir dari golongan Muhajirin dan Ansor.

Dalam satu riwayat yang lain golongan ini (ahli Shuffah) datang dari pelbagai pergunungan. Mereka datang untuk menganut agama Islam. Mereka terdiri daripada fakir miskin. Nabi menyediakan suatu tempat khusus bagi mereka iaitu di 'serambi masjid'. Golongan ini ialah seramai empat ratus orang. Dari sinilah di kata kan munculnya perkataan sufi.⁶

Terdapat riwayat yang menyatakan Shuffah merupakan suatu tempat yang disediakan untuk para sahabat yang aktif dalam bidang ilmiah. Mereka adalah sahabat-sahabat yang miskin tetapi kuat imannya. Makan minum mereka ditanggung oleh golongan yang mampu. Diantaranya yang pernah tinggal di sini ialah Abu Darda', Abu Zar

⁵ Reynold A Nicholson, The Kash Al-Mahjub, Delhi, Taj Company, 1982, hal. 30.

⁶ Hj. Zainal Ariffin Abbas, Ilmu Tasawwuf, Pustaka Aman, cet. II, 1984, hal. 51.

dan Abu Hurairah.⁷

Shuffah juga dikatakan tempat tinggal sementara yang disediakan kepada golongan Muhajirin. Tempat ini terletak di serambi Masjid Nabawi di Madinah.⁸

iii. Berasal dari Ash-Shufah (الصوفة) iaitu suatu gelaran kepada seorang anak Arab (Haush Bin Muur) yang mengasingkan diri dan tinggal dekat Kaabah.

Dr. Yusof Noor dalam bukunya 'Ikhtisar Ilmu Tasawwuf' menyatakan ianya berasal dari nama seorang lelaki yang disepanjang hidupnya beribadat di Baitullah Al-Haram. Jadi, sesiapa yang mengikuti jejak langkahnya disebut 'Sufi' sempena namanya.⁹

iv. Berasal dari Ash-Shafa' (الشفاء) yang bererti suci dan berhati-hati (الطهارة والعفاف) dari larangan Allah. Ini adalah kerana orang-orang tasawwuf menganggap diri mereka adalah suci. Abdul Fathi Al-Basthy

⁷ Samudi Abdullah, Analisa Kritis Terhadap Tasawwuf, Singapura, Pustaka Nasional, cet. I, 1987, hal. 3.

⁸ Yunasril Ali, Drs., Pengantar Ilmu Tasawwuf, Jakarta, Pedoman Ilmu Jaya, cet. I, 1987, hal. 4.

⁹ Yusof Noor, Dr., Ikhtisar Ilmu Tasawwuf, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. II, 1984, hal. 3.

menyatakan;

التصوف من الصنادلِ مدار على التصفيق

Bermaksud;

Tasawwuf itu berasal dari kata Shafa' kerana kriterianya ialah kebersihan hati.¹⁰

Shafa' (kesucian) ini juga dinisbahkan kepada Ahli Sufi kerana diri mereka dianggap telah suci dan murni dari segala kekotoran dunia.

V. Berasal dari Ash-Shifah (الشفاه) bererti sifat.

Ini adalah kerana Ahli Tasawwuf lebih mementingkan sifat Mahmudah (محمودة) dan meninggalkan sifat Mumah (مذمومة).¹¹

Vi. Berasal dari Ash-Shaf (الشف) bererti barisan, kerana orang tasawwuf dikatakan sering berada di barisan hadapan ketika sembahyang.¹²

¹⁰ Sahilun A Nasir, Drs., Prinsip-Prinsip Tasawwuf Islam, Yogyakarta, Nur Cahaya, cet. II, 1983, hal. 19.

¹¹ Sahilun A Nasir, op.cit. hal. 20.

¹² Yunasril Ali, log.cit, hal. 3.

vi. Berasal dari perkataan Shaufanah iaitu sejenis buah-buahan kecil yang berbulu yang banyak tumbuh di padang pasir.¹³

Kesimpulan

Daripada berbagai-bagai pendapat yang dikemukakan di atas, pendapat pertama yang menyatakan bahawa perkataan tasawwuf berasal dari Ash-Shuf, yang bererti bulu adalah lebih diterima umum sepetimana yang dinyatakan oleh Muhammad Mustafa Helmi di dalam bukunya 'Al-Hayat Ar-Ruhiyyah Al-Islam'. Pendapat ini juga disetujui oleh Ibn Khaldun. Ini jelas melalui ungkapannya;

يَعْدُ عَرْضُ وَحْرَاتِ النَّظَرِ وَالْأَطْهَرِ أَنْ قَلَ
بِالْإِسْتِئْدَاقِ إِذَا مِنَ الصِّرْفِ وَهُمْ فِي الْعَالَبِ
خَتَّصُونَ بِلِبْسٍ لَمَّا كَانُوا أَعْلَمُهُ مِنْ مُخَالَفَةِ
النَّاسِ فِي لِبْسٍ فَاحِرِ التَّيَابِ إِلَى لِبْسِ الصُّوفِ

Bermaksud;

Jelaslah sekiranya dikatakan bahawa perkataan tersebut (tasawwuf) berasal dari Ash-Shuf (الصوف). Merupakan kebiasaan mereka pada pakaian tersebut untuk membezakan diri mereka dari kebanyakan manusia yang suka memakai pakaian yang membanggakan.¹⁴

¹³ Yunasril Ali, op.cit. ha. 3.

¹⁴ Ibn Khaldun, Mugaddimah Ibn Khaldun, hal. 392.

1. 3 Pengertian Tasawwuf

Sebagaimana terjadinya perbezaan pendapat tentang asal-usul perkataan tasawwuf, maka terjadilah pula perbezaan pendapat tentang definisinya.

Menurut Abu Hamid Al-Hariry, tasawwuf ialah;

التصوف مراقبة الأحوال ونوم الأدن

Bermaksud;

Tasawwuf ialah selalu menjaga keadaan ingat kepada Allah dan beradab.¹⁵

Menjaga 'keadaan' di sini bermaksud berusaha setiap waktu agar ibadatnya semakin bertambah dan tidak berkurangan. Beradab kepada Allah bermaksud menunaikan segala perentahnya dan menjauhkan segala larangannya, samada ketika keseorangan atau pun ketika bersama orang ramai.

Abu Bakar Muhammad Bin Ali Bin Jaafar Al-Kattani pula menyatakan tasawwuf ialah;

التصوف صفاء ونقاء

Bermaksud;

Tasawwuf ialah kebersihan hati dan bermusyahadah kepada Allah.¹⁶

¹⁵ Sahilun A Nasir, Drs., Prinsip-Prinsip Tasawwuf Islam, Yogyakarta, Nur Cahaya, cet. II, 1983, hal. 21.

¹⁶ Ibid

Abu Said Ahmad Al-Kharraz pula mendefinisikan tasawwuf sebagai;

من صفي ربه قلبه فامتلاه قلبه نوراً ومن
دخل في عين اللذة بذكر الله

Bermaksud;

Sufi ialah orang yang hatinya telah dibersihkan oleh Allah dan dipenuhkan dengan nur dan orang yang masuk di dalam hakikat lazatnya berzikir kepada Allah.¹⁷

Tasawwuf juga didefinisikan sebagai;

هو علم يبحث فيه أحوال القلب من حيث
تصفيته عن غير الله والصعود بالروح
إلى عالم التقديس بأخلاق العبودية لله وحده

Ertinya;

Tasawwuf adalah ilmu yang membahas tentang keadaan hati dari segi membersihkannya dari penyembahan selain daripada Allah dan meningkatkan roh (jiwa) manusia kealam kesucian dengan mengikhlaskan pengabdian hanya kerana Allah semata mata.¹⁸

¹⁷ Ibid. hal. 23.

¹⁸ Ibid. hal. 24

Abu Muhammad Al-Jariri mendefinisikan tasawwuf sebagai;

الدخول في كل خلق سني
بالخروج من كل خلق دني

Bermaksud;

Memasukkan diri (beramal) dengan akhlak yang baik dan mengeluarkan diri (meninggalkan) akhlak yang buruk.¹⁹

Manakala Al-Ma'ruf Al-Kurhi pula menyatakan tasawwuf ialah;

التصوّف الأخذ بالحقائق واليأس
صافٍ أيـدـاـلـاتـ

Bermaksud;

Berpegang kepada hakikat dan tidak mengharapkan dengan apa yang ada pada tangan makhluk.²⁰

Kesimpulan

Daripada berbagai-bagai definisi yang dikemukakan, penulis dapat membuat suatu kesimpulan bahawa tasawwuf menganungi beberapa prinsip asas iaitu;

- i. Merupakan Ilmu kerohanian yang mementingkan kebersihan hati dan jiwa manusia supaya sentiasa mengingati

¹⁹ Miqdad Yaljan, Dr., Falsafah Al-Hayah Ar-Ruhîyyah, Darul Syark, cet. I, 1985, hal. 72.

²⁰ Ali Shaliq, Dr., Al-Aqlu As-Sufi Fi Al-Islam, Darul Maddy, Beirut, Lubnan, cet. I, 1985, hal. 18.

Allah s.w.r.

- ii. Menyeru supaya melakukan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya.
- iii. Mementingkan Allah (الخالق) lebih dari yang lainnya (المخلوق)
- iv. Meninggalkan segala kehendak nafsu yang bersifat keduniawan (الفناد) dan mendekati sifat-sifat suci kerohanian yang lebih kekal.
- v. Merupakan jalan menuju kepada mengenal Allah s.w.t (معرفة الله) dan jalan bagi mencari kebenaran dan kebahagiaan yang hakiki.

Al-Junaid ada menegaskan;

التصوف تصفية القلب عن موافقة الدية ومقارفة الأخلاق الطبيعية وإهتمام الصفات البشرية ومحانة الروحاني النفسية ومنازلة الصفات الروحانية والتعليق بالعلوم الحقيقة واستعمال ما هو أولى على الأئدية والنصح لجميع الأمة والوعاء لله على الحقيقة واتباع الرسول في التصريعة .

Bermaksud;

Tasawwuf ialah membersihkan hati daripada apa yang mengganggu perasaan kebanyakkan makhluk, berjuang meninggalkan pengaruh budi yang asal (instinct), memadamkan sifat-sifat kelemahan sebagai manusia, menjauhi segala seruan dari hawa nafsu, mendekati sifat sifat suci kerohanian, bergantung kepada ilmu-ilmu hakikat, menggunakan (mengutamakan) sesuatu yang lebih utama dan kekal, menaburkan nasihat kepada semua manusia, memegang teguh janji kepada Allah dalam hal hakikat dan mengikuti contoh Rasulullah dalam hal syari'at.^c 21.

²¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad, Rhaudhatu At-Talibin Wa-Cumdatu As-Salikin, Beirut, Lubnan, Darul Nahdhah Al-Hadisah, t.t. hal. 29.

Bermaksud;

Tasawwuf ialah membersihkan hati daripada apa yang mengganggu perasaan kebanyakkan makhluk, berjuang meninggalkan pengaruh budi yang asal (instinct), memadamkan sifat-sifat kelemahan sebagai manusia, menjauhi segala seruan dari hawa nafsu, mendekati sifat sifat suci kerohanian, bergantung kepada ilmu-ilmu hakikat, menggunakan (mengutamakan) sesuatu yang lebih utama dan kekal, menaburkan nasihat kepada semua manusia, memegang teguh janji kepada Allah dalam hal hakikat dan mengikuti contoh Rasulullah dalam hal syari'at.²¹

²¹ Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad, Rhaudhatu At-Talibin Wa-Cumdatu As-Salikin, Beirut, Lubnan, Darul Nahdah Al-Hadisah, t.t. hal. 29.

1.4 Sejarah Tasawwuf

Untuk menentukan sejarah bermulanya tasawwuf merupakan suatu yang agak sukar. Ini adalah kerana amalan tasawwuf wujud sebelum wujudnya perkataan tasawwuf itu sendiri. Dengan lain perkataan tasawwuf hanya dikenali setelah amalannya berlaku bertahun-tahun sebelumnya.

Terdapat percanggahan pendapat tentang apakah tasawwuf merupakan unsur luaran yang meresap masuk kedalam Islam atau merupakan unsur dalaman yang datang dari Islam itu sendiri.

Pendapat Orientalis Barat (Marls) menyatakan bahawa tasawwuf sebenarnya merupakan suatu 'aliran kerahiban Syam' رهبانية Syria yang meresap masuk kedalam Islam. Seorang lagi Orientalis Barat iaitu John, menyatakan bahawa tasawwuf berasal dari Plato Yunani Baru (أفلاطونية اليونان الجديدة) ²². Sepintas lalu pendapat di atas ada benarnya bila kita melihat kepada unsur-unsur tasawwuf itu sendiri dimana ianya telah diketahui ada sebelum datangnya Islam lagi. Unsur-unsur ini ternyata dalam sifat sifat zuhud dan pengasingan diri dari kemewahan hidup. Ramai yang memilih cara hidup seperti ini malah ianya berterusan hingga ke zaman Rasulullah s.a.w tetapi mereka tidak terikat dengan sistem

²² Abdul Rahman Umairah, Dr., At-Tasawwuf Al-Islāmi Manhaj Wa-Sulukan, Maktabah Al-Kulliyyah Al-Azhariyyah, t.t. hal.30.

yang tertentu dan tidak pula dikenali dengan nama yang tertentu.

Bagaimana pun, Nicholson (نیکولسون) menyatakan bahawa pendapat yang menyatakan tasawwuf suatu aliran luar yang masuk ke dalam Islam adalah tidak betul. Menurut beliau, sejak lahirnya Islam, pemikiran-pemikiran yang berunsur tasawwuf telah tumbuh di hati jamaah-jamaah Islam melalui tilawah Al-Quran dan Hadis²³ Rasulullah s.a.w.

Dalam hal menentukan bilakah tasawwuf mula diamalkan, penulis berpegang kepada pendapat para 'ulama' Islam yang menyatakan bahawa tasawwuf yang sebenar (tasawwuf Islam) muncul setelah datangnya Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Sungguhpun sebelumnya terdapat unsur-unsur seperti zuhud dan mengeneplikan diri dari kemewahan hidup, namun ianya lebih merupakan amalan mistik kerahiban. Tasawwuf yang sebenar hanyalah yang bersumberkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Sungguhpun tasawwuf telah diamalkan sejak kedatangan Islam lagi namun ianya tidak dikenali dengan nama tasawwuf. Istimah tasawwuf hanya dikenali dizaman kemudiannya. Golongan yang mengamalkan unsur-unsur tasawwuf ini tidak berhajat kepada suatu nama untuk menyifatkan mereka sebagai 'ahli taqwa' sebaliknya

²³ Ibid, hal. 30.

mereka lebih dikenali dengan nama 'sahabat'.²⁴

Tentang bermulanya penggunaan istilah tasawwuf atau sufi, terdapat 'ulama' yang menyatakan bahawa ianya merupakan istilah jahiliah yang dikenali oleh orang-orang Arab sebelum datangnya Islam lagi.²⁵

Dr. Sheikh Mustafa Abdul Raziq pula menyatakan bahawa lafaz 'sufi' telahpun digunakan sejak tahun 110 Hijrah oleh Sufian As-Sauri (صَفِيَانُ التَّوْرَى) manakala L. Massignon berpendapat ianya mula digunakan pada tahun 210 Hijrah, iaitu suatu gelaran yang diberikan kepada lelaki Arab.²⁶

Ibn Khaldun di dalam Muqaddimahnya berpendapat lafaz tasawwuf atau sufi ini tidak dikenali di dalam Islam kecuali pada kurun yang kedua dan selepasnya yang mana ianya dinisbahkan kepada golongan yang berzuhud.²⁷

Abu Nasr Abdullah Bin Ali As-Siraj At-Tusi di dalam kitabnya Al-Luma' (اللُّمَاء) menegaskan pendapat yang menyatakan

²⁴ Massignon & Mustafa Abdul Raziq, At-Tasawwuf, Lubnan, Darul Kitab, cet. I, 1984, hal. 51.

²⁵ Ibid. hal. 52.

²⁶ Ali Shaliq, Dr., Al-Aqlu As-Sufi Fi Al-Islam, Darul Maddi, Beirut, Lubnan, cet. I, 1985, hal. 12-13.

²⁷ Massignon & Mustafa Abdul Raziq, op.cit. hal. 54.

perkataan tasawwuf telahpun diperbincangkan oleh orang-orang Baghdad adalah mustahil kerana pada masa Hassan Al-Basri, (meninggal 110 H/ 728 M) telahpun dikenali perkataan tasawwuf. Hassan Al-Basri menyifatkan para sahabat Rasul dalam satu riwayat nya;

رَأَيْتُ صُوْبِيَّاً الطَّوَافَ قَاعِدَنِي سَيِّدًا فَلَمْ يَأْتِهِ
وَقَالَ مَعِي أَنْ بَعْدَ دَوَانِقَ فَلَعِنِي مَا هُوَ

Bermaksud;

Aku melihat seorang Sufi yang sedang bertawaf maka aku memberi mereka se-suatu tetapi mereka tidak mengambilnya seraya berkata; saya sudah mempunyai empat 'dawanik'²⁸ maka ianya sudah mencukupi untuk saya.²⁹

Daripada berbagai-bagai pendapat yang dikemukakan di atas, pendapat Hassan Al-Basri adalah lebih kukuh kerana ia nya disertakan dengan dalil yang khusus. dan ianya dipakai oleh 'ulama' Islam.

28 Dawanik di sini bermaksud 1/6 dirham.

29 Abul 'ala' Afifi, Dr., At-Tasawwuf As-Saurah Ar-Ruhiyah Fi Al-Islam, Darul Ma'arif, 1963, hal. 27.

1.5 Sumber Tasawwuf

Di dalam membicarakan sumber tasawwuf, terdapat berbagai-bagai pendapat yang dikemukakan. Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tasawwuf sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan ajaran Kristian. Sifat zuhud di dalam Kristian dikatakan pengaruh dari pada cara-cara hidup rahib-rahib Kristian yang meninggalkan kehidupan dunia mereka.³⁰

Pendapat lain pula menyatakan bahawa tasawwuf mempunyai hubungan dengan ajaran Hindu, terutama di dalam hal-hal ketuhanan. Di dalam tasawwuf terdapat ajaran tentang hulul, ittihad, dan wahdatul-wujud. Demikian juga di dalam agama Hindu dimana terdapat ajarannya yang mendorong manusia meninggalkan dunia dan mendekati tuhan untuk mencapai 'persatuan' antara jiwa manusia 'Atman' dengan tuhan 'Brahman'.³¹

Kemudian ajaran tasawwuf juga dikatakan mempunyai persamaan dengan ajaran Buddha. Ajaran Fana' di dalam tasawwuf untuk mencapai maqam ittihad dikatakan ada persamaan dengan 'nirwana' di dalam agama Buddha.

³⁰ Samudi Abdullah, Analisa Kritis Terhadap Tasawwuf, Singapura, Pustaka Nasional, cet. I, 1987, hal. 25.

³¹ Ibid. hal. 26.

Pendapat-pendapat ini sebenarnya mengelirukan pemikiran kita malah mampu memesongkan keilmuan kita tentang kesucian ajaran tasawwuf Islam itu sendiri. Persamaan-persamaan yang terdapat di dalam ajaran agama yang lain itu sebenarnya merupakan persamaan kulit semata-mata sedangkan intipati serta hakikatnya terlalu jauh berbeza.

Tasawwuf di dalam Islam (Tasawwuf Islam) adalah bersumberkan kepada sumber utama ajaran Islam itu sendiri iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber asas di dalam Islam yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w kepada umat manusia sebagai panduan supaya sentiasa berada di atas jalan yang benar dan lurus (صِرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ). Rasulullah s.a.w sendiri ada bersabda;

تَرَكْتُ عَلَيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضُلُّوْا مَا مَنَّاهُمْ
بِهَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ رَسُولِ اللَّهِ
عَلَيْهِ سَلَامٌ

Bermaksud;

Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat buat selama-lama nya sekiranya kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya, iaitulah Kitab Allah ³² (Al-Quran) dan Sunnah Rasulnya (Al-Hadis).

³² Hadis riwayat Imam Malik dari Abu Hurairah.

1.5.1 Al-Quran

Sungguhpun dikatakan perkataan tasawwuf tidak wujud di dalam Al-Quran, namun banyak sekali ayat-ayat Al-Quran yang menceritakan tentang sesuatu yang menjadi ajaran dan amalan di dalam tasawwuf. Umpamanya terdapat ayat yang menceritakan tentang kasihkan Allah, Allah sebagai prilaku yang mutlak, Wahdatul-Wujud Wahdatush-shuhud, taubat, sabar, tawakkal, zuhud dan sebagainya. Di sini penulis akan mengemukakan ayat-ayat yang menceritakan perkara-perkara yang tersebut di atas tadi sebagai bukti wujudnya unsur-unsur tersebut di dalam Al-Quran.

i. Kasihkan Allah (أَكْبِرْ)

Firman Allah Taala;

عَلَيْكُمْ نَحْنُ مَنْ حَبَبْنَا اللَّهُ فَإِنْتُمْ عَنْنَا بَرْبَرٌ اللَّهُ
وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Bermaksud;

Katakanlah, jika kamu benar-benar menyintai Allah, ikutlah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Allah maha pengampun lagi maha penyayang. 33

Firman Allah Taala;

³³ Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 31.

فَسُوْخِيَّاْنِ اللَّهِ يَقُومُ بِكُلِّهِمْ وَيَجْبُونَهُ

Bermaksud;

Maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun menyintainya.³⁴

ii. Allah sebagai prilaku mutlak

Firman Allah ^cTaala;

وَمَا رَهِيْتَ إِذْ رَهِيْتَ وَلَكَ اللَّهُ الْحَرَىْ

Bermaksud;

...Dan bukan kamu yang melimpar ketika kamu melimpar tetapi Allah lah yang melimpar.³⁵

Firman Allah ^cTaala;

وَلَهُ الْأَسْتَقْ وَالْمَغْرِبُ فَإِنَّمَا تَلَوُّ فَتَمْ
وَجْهَ اللَّهِ

Bermaksud;

...Dan kepunyaan Allahlah timur dan barat, maka kemana pun kamu menghadap disitulah wajah Allah.³⁶ Sesungguhnya Allah maha luas (rahmatnya) lagi Maha mengetahui.³⁷

³⁴ Al-Quran, Surah Al-Maidah, ayat 54.

³⁵ Al-Quran, Surah Al-Anfal , ayat 17.

³⁶ Wajah Allah bermaksud kekuasaan Allah yang meliputi seluruh alam. Sebab itu di mana sahaja manusia berada, Allah mengetahui perbuatannya.

³⁵ Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 115.

iii. Wahdatul-wujud dan Wahdatush-shuhud

Firman Allah Ta^cala;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ مَرَأَكُم مِّنْ دِينِهِ فَلَا يُسْعِفُ
 يَا أَيُّهَا الَّذِي لَقَدْ بَعَثْنَا لَكُمْ إِنَّمَا يَحْبِبُنَّهُ أَذْلَةُ عَلَى
 الْمُؤْمِنِينَ أَغْرِيَهُمْ عَلَى الْكُفَّارِ إِنَّمَا يَحْمَدُونَ فِي سَبِيلِ
 اللَّهِ وَلَا يُخَافُونَ لَوْمَةً لِمَنْ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يَوْمَئِذٍ
 مَنْ يَسْتَأْنِدُ وَاللَّهُ وَاسْعَ عَلَيْمٌ

Bermaksud;

Hai orang-orang yang beriman, barang siapa diantara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintainya, yang bersikap lemah-lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang yang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan yang tidak takut pada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurnian Allah yang diberikan kepada siapa dikehendakinya, dan Allah Maha luas(pemberiannya) lagi Maha mengetahui.³⁶

iv. Taubat

Firman Allah Ta^cala;

تَوَبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا إِنَّمَا لَعْنَكُمْ تَفْلِحُونَ

Bermaksud;

...Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah hai orang-orang yang

³⁶ Al-Quran, Surah Al-Maidah, ayat 54.

beriman supaya kamu beruntung.³⁷

Firman Allah Ta^cala;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَوبُوا إِلَى اللَّهِ لَهُ يَعْلَمُ نَصْوَحَا

Bermaksud;

Hai orang-orang yang beriman, ber-taubatlah kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya. ³⁸

v. Sabar

Firman Allah Ta^cala;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Bermaksud;

Hai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaranmu dan tetaplah bersiap sedia (diperbatasan negerimu) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beruntung. ³⁹

. Firman Allah Ta^cala;

إِنَّمَا يُنَزَّلُ فِي الصَّابِرِينَ أَجْرُهُمْ بَغْرِيْبٌ حِسَابٌ

³⁷ Al-Quran, Surah An-Nur, ayat 31.

³⁸ Al-Quran, Surah At-Tahrim, ayat 8.

³⁸ Al-Quran, Surah Āli-Imrān, ayat 200.

Bermaksud;

Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.³⁹

vi. Tawakkal

Firman Allah Ta^cala;

وَعَلَى اللَّهِ تَحْتَلُّ الْمُؤْمِنُونَ .

Bermaksud;

...Dan hanya kepada Allah sahaja orang-orang yang beriman berta - wakkal.⁴⁰

Firman Allah Ta^cala;

يَا أَيُّهَا الْمُتَّقِينَ إِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ

Bermaksud;

Maka apabila kamu ber^cazam (ber-tekad) hendaklah kamu bertawakkal kepada Allah. Sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang bertawakkal kepadanya.⁴⁰

³⁹ Al-Quran, Surah Az-Zumar, ayat 10.

⁴⁰ Al-Quran, Surah Ibrahim, ayat 11.

⁴¹ Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 109.

vii. Zuhud

Firman Allah Ta^cala;

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعْبٌ وَهُوَ وَرِينَهٗ وَتَفَاحِزٌ
بِسَكَمٍ وَنَكَاثٍ فِي الْأَقْوَالِ وَالْأُولَادِ كَمَّلَتْ حَيْثُ أَبْحَبَ
الْكُفَّارَ نِيَّاتُهُمْ يَهْجِجُ خَرْبَهُ مَصْفَرًا ثُمَّ يَكُونُ حَطْلًا
وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ سَتِيدٌ وَمَغْرِيَّةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ
وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مُتَاعٌ الْغَرْوَسُ .

Bermaksud;

Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan sesuatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta serta anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian ianya menjadi hancur. Dan diakhirat (nanti) ada azab yang keras dan keampunan dari Allah serta keredhaannya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanya-lah kesenangan yang meripu.⁴²

Dengan ini jelas kepada kita bahawa unsur-unsur tasawwuf memang terdapat di dalam Al-Quran walaupun perkataan tasawwuf tidak disebut.

⁴² Al-Quran, Surah Al-Hadid. ayat 20.

1.5.2 As-Sunnah

Di-samping Al-Quran, tasawwuf Islam juga bersumberkan kepada As-Sunnah . Di dalam hal ini Al-Junaid ada menjelaskan melalui ungkapannya;

مذهبنا هذا مقيد بأصول الكتاب والسنة

Bermaksud;

Mazhab kita di dalam tasawwuf berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah.⁴³

Di dalam ungkaparnya yang lain beliau ada menyebutkan;

الطريق كطريق مسدودة على الخلق إلا من اقتضى أمر الرسول عليه الصلاة والسلام .

Bermaksud;

Jalan tasawwuf semuanya tertutup bagi makhluk kecuali bagi orang yang mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w. ⁴⁴

Al-Quran sendiri ada menjelaskan bahawa perlunya manusia berpegang kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. Ini adalah kerana Sunnah Rasulullah menjelaskan apa-apa yang kurang jelas yang terdapat di dalam Al Quran.

⁴³ Al-Qusyairi, Ar-Risalah, hal.20.

⁴⁴ Ibid.

Firman Allah Ta³ala;

وَمَا تَكُمْ الرَّسُولُ خَذُوهُ وَمَا زَرَأْتُمْ عَنْهُ خَانِثُوهُ

Bermaksud;

...Dan apa-apa perkara yang dibawa (diperentahkan) oleh Rasulullah hendaklah kamu mengambilnya (menerimanya) dan apa-apa yang ditegahkan kepada kamu daripada melakukannya maka hendaklah kamu menjauhkannya.⁴⁵

1.5.3 Ilham Daripada Allah Kepada Hambanya Yang Saleh

Di samping kedua-dua sumber utama di atas, terdapat satu lagi sumber iaitu ilham para ḥārīfin ṣālihin yang dikurniakan oleh Allah s.w.t sebagai memuliakan mereka. Sungguhpun demikian, ianya tetap juga bersandarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah Hal ini ada dijelaskan di dalam Ar-Risālah dimana Al-Junaid ada menyebutkan;

عِبَادَاتٍ مُّنْقَعِّدَةٍ فِي نَفْسِ النَّذِيرَةِ مِنْ نَكَتِ الْقَوْمِ خَلَّا
أَقْبَلَ مِنْهُ إِلَّا بِسَرِّ حَارِثَةِ عَدْ لِتِينَ الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ

Bermaksud;

Kadang-kadang sampai kepadaku beberapa faedah dari ahli tasawwuf, maka aku tidak langsung menerimanya kecuali dengan adanya dua saksi yang adil iaitu Al-Qur'an dan Sunnah Rasulnya.⁴⁶

⁴⁵ Al-Quran, Surah Al-Khasyr, ayat 7.

⁴⁶ Al-Qusyairi, Ar-Risālah, hal.16.

1.6 Objektif Tasawwuf

Sebagaimana dengan ilmu-ilmu yang lain, ilmu tasawwuf juga mempunyai objektifnya yang tersendiri. Objektif tasawwuf iaitu 'mengenal Allah Ta^cala' (مَعْرِفَةُ اللَّهِ تَعَالَى) melalui menyucian hati dan jiwa manusia agar dengannya manusia akan terus mengabdikan diri kepada Allah dengan sebenar-benar pengabdian dan kasihkan Allah melebihi segala-galanya sehingga setiap sesuatu yang dilakukan adalah semata-mata kerana Allah s.w.t. Untuk mencapai mārifat yang dimaksudkan ini, ianya melalui dua peringkat asas iaitu;

i. Lahiriah : membersihkan diri dari segala sifat yang tercela dengan jalan 'pembersihan hati' dan mengamalkan budipekerti yang mulia dan luhur.

ii. Batiniah : mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Setelah hati manusia bener-benar suci dan bersih barulah ia akan dapat mengenal Allah dengan sebenar-benarnya. Ketika inilah manusia akan mencintai Allah lebih dari segala-galanya.

1.6.1 Jalan Mengenal Allah

Menurut tasawwuf terdapat dua jalan (cara) untuk mengenal Allah Ta^cala (مَعْرِفَةُ اللَّهِ تَعَالَى) iaitu;

i. Dengan jalan pembuktian yang dapat diterima oleh akal

Melalui jalan ini manusia diseru agar memerhatikan se-gala bentuk kejadian alam ini dengan berbagai-bagai perubahan yang berlaku kepadanya termasuk perubahan siang dan malam semoga dengannya manusia dapat menerima hakikat adanya pencipta yang Maha Esa. Di dalam Al-Quran sendiri ada dijelaskan melalui firman Allah Ta^cala;

إِنَّهُ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَالْخَلَقَ لِلنَّارَ
لَا يَرَى نَفْعًا لِأَنَّ الظَّاهِرَاتِ الَّذِينَ يَذْكُرُ عَنِ اللَّهِ قِيَامًا وَقَعْدًا
وَعَلَى جَنَاحِيهِمْ وَيَتَعَذَّرُ عَنْهُمْ فِي خَلَقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
رَبُّنَا مَا خَلَقَ هَذَا بِأَطْلَاسِ سَجَانَكُمْ فَتَعْذِيبُ النَّاسِ

Bermaksud;

Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal, (iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri dan duduk dan dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata); Ya Tuhan kami tiadalah engkau menciptakan ini dengan sia-sia, maha suci engkau maka peliharakan kami dari seksa api neraka.⁴⁷

⁴⁷ Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 190-191.

ii. Dengan mata hati (عَيْنَ الْبَصِيرَةِ)

Untuk mengenal Allah dengan jalan ini manusia semestinya melalui beberapa peringkat iaitu;

- Meningkatkan amalan Lahiriah dengan membanyakkan ibadat disamping berpaling daripada kesenangan dunia.

Dalam hal ini amalan lahiriah yang mempunyai pengaruh besar terhadap jiwa ialah sembahyang. Sembahyang dapat menghilangkan rasa risau, kesedihan, putus asa dan sebagainya, sebagaimana diterangkan di dalam surah Al-Mā'arij;

إِنَّ الْإِنْسَانَ خَلُقَ هَلُوْعًا إِذَا سَمِعَ النَّبَرَ
جَزُوعًا وَإِذَا سَمِعَ الْخَيْرَ مُنْوِعًا إِلَّا
الْمُصْلِينَ الَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ

Bermaksud;

Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir, dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir kecuali orang-orang yang mengerjakan Salat, yang mereka itu 'tetap' mengerjakan Salatnya.⁴⁸

- Meningkatkan amalan batin dengan bermujahadah melawan nafsu. Ini adalah kerana nafsu merupakan musuh yang amat sukar untuk diperangi. Manusia seringkali tewas

⁴⁸ Al-Quran, Surah Al-Mā'arij, ayat 19 - 23.

bila berhadapan dengan nafsu. Oleh sebab itulah manusia seharusnya berhati-hati di dalam melakukan sesuatu perbuatan agar ianya tidak dilakukan atas dasar nafsu atau demi memenuhi kehendak nafsu.

c. Berkedaan fana' kepada Allah. Dalam hal ini Ibn Uthailah ada mengungkapkan;

فَالْعَارِفُونَ فِنْ أَبَانٍ لَمْ يَشْهُدُوا
شَيْئاً سُوِّى الْمُتَكَبِّرُ الْمُتَعَالُ وَرَاوِيَا
سُوَاءٌ عَلَى الْحَقِيقَةِ هَالَّا كَافِ المَال
وَالْمَاضِي وَالْإِسْتَقْبَالِ .

Bermaksud;

Orang-orang 'arif itu fana'
mereka tidak menyaksikan
sesuatu selain Yang Maha
Besar lagi Maha Tinggi.
Mereka berpendapat bahawa
Hakikat sesuatu selain
daripadanya itu pasti han-
cur punah samada waktu
sekarang, masa lampau dan
akan datang. ⁴⁹

⁴⁹ Sahilun A Nasir, Drs., Prinsip-Prinsip Tasawwuf Islam,
Nur Cahaya, yogyakarta, cet. II, 1986, hal. 31.

Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa objektif tasawwuf ialah 'hati dan jiwa manusia' kerana apa yang dibahaskannya ialah pembersihan dan penyucian hati serta jiwa manusia dari segala sifat yang tercela dan mengisinya dengan sifat yang terpuji sehingga dapat mencapai m^crifat yang sebenar.

1.7 Pentingnya Tasawwuf Dalam Kehidupan

Hujjatul Islam Al-Imam Al-Ghazali berpendapat bahawa mempelajari ilmu tasawwuf adalah 'fardhu ain' kerana tanpanya manusia tidak akan terlepas daripada keaiban diri dan penyakit-pe nyakit hati kecuali mereka yang dipelihara oleh Allah yang terdiri dari para Nabi-nabi dan Rasulnya.⁵¹ Tasawwuf amat mengambil berat tentang hati manusia dalam mengerjakan ibadat kepada Allah. Keikhlasan hati amat diutamakan malah ianya merupakan pokok yang akan menentukan natijah bagi amalan tersebut. Dalam hal ini Sheikh Ibn Uthailah ada menyebut;

الْعَمَالُ الظَّاهِرُ صَفَرٌ قَائِمَةٌ إِلَى كُلِّ شَهَادَةٍ الَّتِي لَا يُسْتَحِبُّ ارْجَاعُهُ
فَلَا تَقْعُدْ بِرْبَاطِ وَارْبَاطِ حَرَبٍ إِلَى بِرْبَاطِ وَتَقْعُدْ بِأَوْجُورِ السُّرُورِ
الْإِخْلَاصُ أَمْ أَسْرُهُ هُوَ الْإِخْلَاصُ فِيهِ - وَالْإِخْلَاصُ يَخْتَلِفُ
بِالْخِتَالِ فِي النَّاسِ - فَالْإِخْلَاصُ الْعِبَادَةُ سَلَامَةُ أَعْمَالِهِ

⁵¹ Muhammad Fakhi, At-Tasawwuf Hayah Wa-Suluk, Al-Qahirah, 1989, hal. 18.

من الرياء الحالى والمحفى وكل ما يزيد خطه للنفس فلا يعلمون العمل
 الا لله تعالى طلب للثواب وهو با من العقاب مع نسبة العمل
 المضمون والاعتماد عليه في تحصيل ما ذكر
 والاخلاص محبين هو العمل لله اجلالا وتقديرها لانه تعالى
 اهل لذلك لا لقصد ثواب ولا هرب من عقاب ولذا قال
 رابعة العدويه ما يعبدك خوفا من نارك ولا طمعا في جنتك
 والاخلاص العارفين لشهودهم انقار الحق يحرر لكم
 وتسكينهم من عذاب الله يسوا لأنفسهم في ذلك حولا ولا قوة
 خلا يعلمون العمل الا بالله لا بحولهم ولا فتوتهم وهذا
 ارفع مما قبله

Bermaksud;

Perbuatan lahir itu merupakan rangka yang berdiri tegak atau umpama pokok yang tiada padanya nyawa (roh), tidak ada kemanfaatan darinya sedangkan roh (jiwa) nya yang menyebabkan hidup, dan manfaatnya ialah adanya rasa keikhlasan; iaitu rasa ikhlas pada awal perbuatan tersebut. Ikhlas itu berbeza-beza mengikut perbezaan pendapat orang. Adapun ikhlas orang-orang yang ^cabid ialah selamatnya amal perbuatan dari sifat 'riya' samaada terang mahupun samar dan segala sesuatu yang bersifat menguntungkan peribadi. Mereka itu (^cabid) tidak beramal melainkan kerana Allah dengan mengharapkan pahala darinya dan takut dari siksaan api neraka, serta mengisbatkan amal perbuatan itu kepada dirinya dan berpegang teguh kepada amalan itu dalam menghasilkan apa-apa yang dihajati.

Adapun ikhlas orang yang 'Muhibbin' ialah beramal kerana Allah serta mengagongkannya, sebab Allah adalah

Zat yang berhak diagongkan. Mereka tidak bermaksud memperolehi pahala dan tidak kerana takut akan siksa.

Seorang Sufi wanita (rabiatul-Adawiyah) menyatakan aku beribadat ke padamu (Allah) tidak kerana takut nerakamu atau mengharapkan balasan syurga.

Adapun ikhlas orang yang 'arifin' ialah persaksiannya dalam mengesakan Allah dalam keadaan gerak mahu pun diam. Yang demikian itu tanpa memandang dirinya terhadap daya dan kekuatannya sendiri. Tingkatan yang terakhir inilah yang lebih tinggi daripada tingkatan-tingkatan yang lain.⁵²

Dari ungkapan di atas jelas membuktikan bahawa keikhlasan adalah amat penting di dalam mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Ikhlas merupakan jiwa kepada sesuatu ibadat. Ikhlas inilah yang amat dituntut oleh ilmu tasawwuf kerana ia merupakan intipati dalam beribadat kepada Allah. Firman Allah Ta^cala;

وَمَا أُرِيكُوا لِرَبِّهِمْ إِلَّا مَا شِئْنَا لَهُمْ

Bermaksud;

Mereka tidak disuruh kecuali menyembah Allah dengan ikhlas, kerana Allah semata-mata.⁵³

52 Sahilun, op.cit, hal. 44-45.

53 Al-Quran, Surah Al-Bayyinat, ayat 5.

Di dalam tasawwuf, bukan hanya berusaha memenuhi syari'at sahaja tetapi berusaha memperolehi pengalaman-pengalaman batin dengan jalan 'sofa' (pembersihan hati) dan mujahadah. Dengan membersihkan hati daripada sifat-sifat tercela disamping kesungguhan dalam beribadat, itulah yang menjadi perjuangan ahli-ahli tasawwuf.

Sungguhpun demikian perlu diingat bahawa disamping memberi perhatian terhadap tasawwuf, jangan sekali-kali kita menge nepikan ilmu 'feqah yang merupakan syarat untuk mempelajari ilmu tasawwuf. Feqah amat penting di dalam kehidupan seharian malah kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain. Hanya melalui kedua-duanya lah sahaja kita akan dapat menuju kepada hakikat kebenaran. Ini jelas dapat kita lihat melalui kata-kata Imam Malik yang berbunyi;

مَنْ تَصْوِيْفَ عِلْمَ يَقِيْنَةٍ فَقَدْ تَرَنَّمَ
وَمَنْ تَرَنَّمَ لِمَ يَصْوِيْفَ فَقَدْ تَفَسَّقَ
وَمَنْ تَفَسَّقَ لِمَ يَعْلَمَ حَقَّ

Bermaksud;

Barang siapa yang bertasawwuf dan tidak bertafaqquh maka ia akan menjadi kafir zindiq, dan barang siapa bertafaqquh dan tidak bertasawwuf maka ia akan jatuh fasisik, dan barang siapa mengumpulkan kedua duanya maka ia akan sampai kepada hakikat.⁵⁴

⁵⁴Kata-kata Imam Malik.

2. Mengenal Allah (ma^crifatullah)

C'ulama' Salaf dan Khalaf bersepakat menyatakan bahawa awal agama itu ialah mengenal Allah Ta^cala (Ma^crifatullah). Ajaran Islam sendiri merangkumi tiga aspek pokok iaitu 'aqidah, syari'at dan akhlak. Ketiga-tiga ini bermula dengan ma^crifatullah. Ma^crifat inilah yang diistilahkan sebagai 'aqidah Islamiyyah yang tersimpul dalam 'aqidah Tauhid'. 'aqidah merupakan asas dan teras dalam binaan Islam seluruhnya. Tanpa 'aqidah sudah pasti tidak akan terbina 'Dinul-Islam'.

Di dalam tasawwuf ma^crifatullah atau ringkasnya ma^crifat merupakan kemuncak dan cita cita yang sentiasa dirindui dan diidam-idamkan oleh ahli sufi. Ma^crifat adalah matlamat yang hendak dicapai oleh mereka dengan segala jihad mujahadahnya, pengorbanan dan perjuangan. Jalan untuk mencapai matlamat tersebut adalah melalui 'pembersihan hati' dan kemudiannya dijelmakan melalui akhlak yang mulia. Ianya merupakan asas dalam perjalanan mengharungi perjuangan menuju ma^crifatullah. Bagi mereka yang telah mencapai maqam ini (ma^crifatullah), akan wujud di hati mereka rasa cintakan Allah. Mereka inilah orang-orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa dan bagi mereka tidak ada sesuatupun yang menyamai kelebihan, kedudukan dan ketinggian cintakan Allah dan Rasulnya.

2.1 Peringkat Ma^crifat Didalam Tasawwuf

Di dalam tasawwuf, ma^crifat mempunyai peringkatnya yang tertentu. Peringkat-peringkat ini sebenarnya bergantung kepada sejauh mana keilmuan, keyakinan serta keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Ianya berbeda antara seseorang dengan seseorang yang lain. Menurut ilmu tasawwuf terdapat tiga peringkat ma^crifat iaitu Ilmu-Yakin, Aynul-Yakin dan Haqqul-Yakin.

2.2 Ma^crifat Dalam Tahap Ilmu-Yakin

Tauhid yang tersimpul di dalamnya iman yang merupakan pegangan (^Caqidah) umat Islam hanya diakui sah dan selamat apabila ia dilandaskan kepada keyakinan. Dalam hal ini Al-Quran ada menjelaskan di mana Allah berfirman;

إِنَّمَا الْمُفْعِنُ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ تَحْمِلُهُمْ يَرْبَابُوا وَجَاهِدُوا
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فَسَبِيلُ اللَّهِ أَوْلَئِكُمُ الصَّابِرُونَ

Bermaksud;

Sesungguhnya orang-orang yang beriman kehanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasulnya kemudian mereka tidak ragu-ragu (yakin) dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah, mereka itu lah orang-orang yang benar.55

Keyakinan yang minima sebagai syarat sah dan selamatnya ^caqidah ialah keyakinan yang berdasarkan ilmu kerana tabiat ilmu itu menunjukkan kepada kebenaran dan kebenaran itu pula tabiat - nya akan menghasilkan keyakinan. Ilmu yang dimaksudkan di sini ialah ilmu yang didapati melalui bukti, dalil dan hujjah (burhan) samada bukti itu berdasarkan kepada kelogikan ^cakal ataupun ilmiah. ^Caqidah atau keimanan yang berasaskan kepada keyakinan yang diasaskan kepada ilmu inilah yang dikenali dengan ma^crifah dalam tahap 'Ilmu Yakin'.

Walaupun ma^crifatullah dalam tahap yang minima ini diakui sah dan selamat namun ianya masih belum dapat memberikan rasa 'tama^cninah' atau rasa kedamaian hati kerana masih lagi timbul persoalan dan pertanyaan untuk memuaskan daya dan tuntutan akal nya. Ini amat jelas sepertimana yang berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s yang diabadikan di dalam Al-Quran melalui firman Allah Ta^cala

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمَ رَبِّنِي كَيْفَ كَيْفَ الْمَوْتُ قَالَ أَوْلَمْ يَعْمَلْ مَنْ قَالَ
بِلِي وَلَكَ لِيَطْهَئَ قَلْبِي قَالَ خَذْ أَرْبَعَةً مِنَ الظِّرِفَاتِ هَذَهُ إِلَيْكَ
نَحْمَ اجْعَلْ عَلَىٰ طَلْ جَبَلَ مِنْهُنْ حَزِيرًا ثُمَّ إِدْعُونَ بِأَنْتِكَ سَعِيدًا
وَأَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ غَرِيبُ حَكْمِي .

Bermaksud;

... Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata; 'Ya Tuhan! perlihatkanlah kepadaku bagaimana engkau menghidupkan orang-orang mati'. Allah berfirman; Apakah kamu belum percaya?.

Ibrahim menjawab; Saya telah percaya akan tetapi agar bertambah tetap hati saya. Allah berfirman; Kalau demikian ambillah empat ekor burung lalu jinakkanlah burung-burung itu kepadamu, kemudian letakkan tiap-tiap seekor daripadanya di atas tiap-tiap bukit. 56 Sesudah itu panggillah ia, nescaya ia akan datang kepadamu dengan segera, dan ketahuilah bahawa Allah Maha perkasa lagi Maha bijaksana.57.

⁵⁶ Menurut Abu Muslim Al-Ashfahani pengertian ayat di atas ialah bahawa Allah memberi penjelasan kepada Nabi Ibrahim a.s. tentang cara dia menghidupkan orang yang mati. Disuruhnya Nabi Ibrahim mengambil empat ekor burung lalu memeliharanya dan menjinakkannya sehingga burung itu dapat datang seketika bilamana dipanggil. Kemudian burung-burung yang sudah pandai itu diletakkan berasingan di atas tiap-tiap bukit lalu burung-burung itu dipanggil dengan satu tepukan atau seruan nescaya burung-burung itu akan datang dengan segera walaupun tempatnya terpisah-pisah dan berjauhan. Maka demikian pula Allah menghidupkan orang-orang yang mati yang tersebar di mana-mana. Dengan satu kalimah cipta 'hiduplah kamu semua' pastilah mereka itu hidup kembali. Sebahagian ahli Tafsir menggantikan kata 'jinakkanlah' dalam pengertian di atas dengan kata 'potong-potonglah' dan kata tiap-tiap ekor mereka ganti dengan 'tiap-tiap bahagian' dari burung yang telah dipotong itu. Kerana dalam ayat ini terdapat kata 'Shur' (شر) yang dalam bahasa Arab membawa pengertian 'Jinakkanlah atau potong-potonglah'.

⁵⁷ Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 260.

2.3 Ma^crifat Dalam Tahap Aynul-Yakin

Walaupun Islam telah membataskan daya kemampuan akal dalam daerahnya yang tabi^ci atau sesuai dengan sifat ketabi^ciannya, namun demikian ia tidak menutup pintu untuk mencapai ma^crifatullah di tahap yang lebih tinggi iaitu tahap 'Aynul-Yakin'. Tetapi jalannya bukanlah melalui daya kemampuan akal sebaliknya melalui jantung 'hati' atau 'rasaan rohani'. Itulah yang diistilahkan sebagai 'zauq' (ذائق). Hati yang dapat merasakan ma^crifatullah dalam tahap Aynul-Yakin ini hanyalah hati yang telah dibersihkan dari ke^caiban (لعيوب) atau kerosakan (العَيْبَات) yang menjadi dinding penutup kepada hati untuk merasakan ma^crifat yang sebenar. Hati yang benar-benar bersih inilah yang mempunyai daya rasa (ذائق) yang dapat merasa hakikat ketuhanan dan hakikat alam ghaib seperti yang digambarkan di dalam Al-Quran.

Dengan rasaan hati yang bersih dan jernih melalui tazkiah seperti yang dituntut oleh Al-Quran dan As-Sunnah itu, seseorang hamba akan merasa yakin kepada hakikat-hakikat yang disebut tadi iaitu yakin yang berdasarkan kepada Aynul-Yakin atau yakin yang benar-benar dirasa. Keyakinan inilah yang menghasilkan rasa tamakninah (tenang) kerana ianya benar-benar dirasai.

Ma^crifat Dalam Tahap Haqqul-Yakin

Ma^crifat dalam tahap Aynul-Yakin dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi iaitu ke tahap Haqqul-Yakin. Inilah kemuncak ma^crifat di dalam ilmu tasawwuf dan ianya merupakan cita-cita serta matlamat bagi ahli sufi. Ma^crifat dalam peringkat ini dapat menyaksikan hakikat tauhid serta iman seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran. Firman Allah Ta^cala;

سَمْدِ اللَّهُ أَنْهَا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأُولُو الْعِلْمُ حَاكِمًا بِالْقُسْطِ

Bermaksud; —

Allah menerangkan (kepada sekalian makhluknya dengan dalil dan bukti) bahwasanya tiada tuhan melainkan dia, begitu juga (pengakuan) Malai-kat dan orang-orang yang berilmu.⁵⁸

Di dalam Hadis juga ada diterangkan;

أَنْ تَعْبُدُ اللَّهَ كَذَنْكَ تَرَاهُ

Bermaksud;

Hendaklah engkau menyembah Allah ⁵⁹ seolah-olah engkau melihatnya.

⁵⁸ Al-Quran, Surah Ali-Imran, ayat 18.

⁵⁹ Hadis riwayat Ibnu Umar.

Sebenarnya, untuk menerangkan tentang ^carifat dalam tahap Haqqul-Yakin ini merupakan sesuatu yang amat sukar. Ianya hanya layak digambarkan oleh golongan yang mengharunginya sahaja iaitu para Sufi. Hanya mereka lah sahaja yang layak menggambarkan kepada kita betapa hebat jihad dan mujahadahnya, perjuangan serta pengorbanannya yang telah menelan daya dan tenaga serta cita-cita hidup mereka seperti yang diungkapkan oleh tokoh-tokoh Sufi yang terkenal antaranya;

Al-Junayd ada menyebut;

لَا يَصِرُ الْعَارِفُ عَلَى حَاتِيٍّ بَلْ كَانَ أَرْضُ بَطْأَهُ الْبَرُّ وَالْفَاحِرُ

Bermaksud;

Tidaklah orang yang ^carif (mengetahui) itu mengetahui sehinggalah ianya menjadi seperti yang menghimpun padanya kebaikan dan keburukan.⁶⁰

Manakala Abdullah Sahl Al-Tustari menyatakan;

لَا تُشْرِقُ الشَّمْسُ وَلَا تَغْرِبُ عَلَى أَحَدٍ إِلَّا وَصَوْجَاهُ لَهُ
مِنْ أَثْرٍ إِلَّا مَعَنْ نَفْسِهِ وَرِوحِهِ وَحَالِهِ وَمَسْتَقْبَلِهِ

Bermaksud;

Tidaklah matahari itu menyinari atau menyurami (suram) seseorang melainkan ianya (seseorang itu) jahil tentang kekuasaan Allah Ta^cala ke atas dirinya, ⁶¹ rohnya, keadaannya dan masa depannya.

⁶⁰ Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, Mengenal Ilmu Tasawwuf, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, cet. I. 1986. hal. 48.

Sebenarnya, untuk menerangkan tentang ma'rifat dalam tahap Haqqul-Yakin ini merupakan sesuatu yang amat sukar. Ianya hanya layak digambarkan oleh golongan yang mengharunginya sahaja iaitu para Sufi. Hanya mereka lah sahaja yang layak menggambarkan kepada kita betapa hebat jihad dan mujahadahnya, perjuangan serta pengorbanannya yang telah menelan daya dan tenaga serta cita-cita hidup mereka sepetimana yang diungkapkan oleh tokoh-tokoh Sufi yang terkenal antaranya;

Al-Junayd ada menyebut;

لَا يَصِرُ الْعَارِفُ عَنْ قَاتِلٍ كَمَا لَرَضَ بِظَاهِرِهِ الْبُرُورُ الْفَاجِرُ

Bermaksud;

Tidaklah orang yang carif (mengetahui) itu mengetahui sehinggalah ia janya menjadi seperti yang menghimpun padanya kebaikan dan keburukan.⁶⁰

Manakala Abdullah Sahl Al-Tustari menyatakan;

لَا تُشْرِقُ السَّمْسَأُ وَلَا تَغْرِبُ عَلَى أَحَدٍ إِلَّا وَهُوَ جَاهِلٌ مَالَهُ
مِنْ أَثْرِ الْأَنْدَلُسِ عَلَى نَفْسِهِ وَرُوحِهِ وَحَالِهِ وَمُسْتَقْبِلِهِ

Bermaksud;

Tidaklah matahari itu menyinari atau menyurami (suram) seseorang melainkan ia janya (seseorang itu) jahil tentang kekuasaan Allah Ta'ala ke atas dirinya, rohnya, keadaannya dan masa depannya.⁶¹

⁶⁰ Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, Mengenal Ilmu Tasawwuf, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, cet. I, 1986, hal. 48.

⁶¹ Ibid

Ketiga-tiga m^c rifat yang disebutkan di atas merupakan darjat-darjat m^c rifatullah di dalam ilmu tasawwuf. Dengan ini m^c rifat pada tahap Ilmu Yakin ibarat seseorang yang melihat ke pulan asap dari jauh tetapi tidak melihat apinya. Maka yakinlah ia bahawa di sana ada api melalui dalil adanya asap.

M^c rifat pada tahap Aynul-Yakin ibarat seseorang yang pergi melihat api itu sendiri bukan sekadar melihat asapnya dari jauh. Maka yakinlah ia bahawa api itu benar-benar wujud.

M^c rifat pada tahap Haqqul-Yakin pula ibarat seseorang yang menyentuh dan merasa sendiri kepanasan api itu, bukan sekadar melihat asap serta apinya. Sentuhan pada api tersebut memberikan pengalaman serta rasa kemuncak akan kepanasan api tadi. Begitulah juga di dalam m^c rifatullah. Apabila seseorang itu sudah sampai ke kemuncaknya (Haqqul-Yakin) ia akan dapat merasakan pengalaman yang amat menakjubkan.

2.5 Hubungan Tasawwuf Dengan Syari'at

Hubungan antara tasawwuf dengan syari'at merupakan suatu hubungan yang sangat erat. Tasawwuf merupakan salah satu cabang ilmu di dalam Islam yang mengkhususkan pembicarannya tentang 'pengabdian diri' kepada Allah dengan sebenar-benarnya. Hakikat pengabdian diri inilah yang menjadi matlamat serta cita-cita tasawwuf. Untuk mencapai hakikat ini tasawwuf mempunyai jalannya

yang tersendiri. Jalan di dalam tasawwuf disebut sebagai 'Tarikat' (طريق). Tarikat merupakan wasilah untuk sampai kepada hakikat.

Tarikat (jalan) di dalam tasawwuf merupakan jalan yang hak (benar) dan lurus, yang menjamin seseorang untuk sampai kematlamatnya. Pada hakikatnya jalan yang sedemikian hanyalah jalan Allah. Jalan Allah ialah wahyunya. Wahyu Allah ialah Al-Quran yang diturunkan kepada Rasulnya Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian Rasulullah menjelaskannya melalui perkataan, perbuatan, diam dan ahwalnya. Kedua-duanya Al-Quran dan As-Sunnah diakui sebagai syari'at di dalam Islam.

Dengan ini syari'at merangkumi tarikat dan hakikat. Syari'at merupakan pintu gerbang yang umum untuk dimasuki oleh semua yang menjalani perjalanan menuju Allah s.w.t sementara tarikat merupakan pintu bagi jalan yang lebih khusus atau lebih menjurus dalam perjalanan menuju Allah. Dengan ini jelaslah bahawa jalan yang khusus dan lebih menjurus di dalam perjalanan menuju Allah itu tidak terkeluar dari lingkungan syari'at.

Dari penjelasan di atas dapatlah disimpulkan bahawa tarikat (tasawwuf) tidak terpisah sama sekali dari syari'at. Syari'at itulah yang mengukur istiqamahnya setiap tarikat tasawwuf. Tanpa syari'at sudah pasti tarikat itu tidak benar bahkan sesat.

lagi menyesatkan. Dalam hal ini Imam Abd. Karim Bin Hawazin Al-Qusyairi ada menegaskan;

"Syari'at ialah iltizam dengan ubudiyyah, dan hakikat ialah mesyahadah rububiyyah. Setiap syari'at yang tidak diperkuuhkan oleh hakikat tidak diterima. Setiap hakikat yang tidak terikat dengan syari'at tidak akan terhasil."⁶²

Al-Arif Al-Sayyid Ali Al-Hiti pula menegaskan;

"Syari'at yang membawa taklif dan hakikat yang menghasilkan ta'rif. Maka syari'at diperkuatkan dengan hakikat dan hakikat terikat dengan syari'at. Setiap syari'at tanpa hakikat adalah kosong dan sia-sia. Setiap hakikat tanpa syari'at adalah bid'ah dan sesat."⁶³

Imam Malik pula ada meriwayatkan;

"Sesiapa yang bersyari'at tanpa bertasawwuf adalah fasik, sesiapa yang bertasawwuf tanpa bersyari'at adalah zindiq, tetapi orang yang bersyari'at kemudian bertasawwuf adalah orang yang akan mencapai hakikat."⁶⁴

⁶² Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, Mengenal Ilmu Tasawwuf, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, cet. I, 1986, hal.64.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Kata-kata Imam Malik Bin Anas.

3. Tasawwuf Dan Tarikat

Tarikat adalah suatu istilah di dalam tasawwuf yang lahir selepas zaman permulaan Islam. Tarikat dalam pengertian asasnya adalah sebagai 'perjalanan kepada Allah Ta^cala'. Di dalam Al-Quran Allah berfirman;

عَنِ الْأَنْبَابِ

Bermaksud;

Maka segeralah kembali kepada
(mentaati Allah).65

Menurut Al-Quran usia hidup manusia di dunia ini adalah perjalanan menuju Allah Ta^cala. Setiap makhluk pasti akan kembali kepada Allah. Perjalanan menuju Allah merupakan suatu pengembalaan yang amat jauh, yang penuh dengan rintangan dan halangan. Untuk sampai kepadanya (Allah) dengan selamat, maka perlu ada jalan tertentu. Bagi golongan Sufi, alian tersebut ialah 'tarikat'. Tarikat di dalam tasawwuf adalah sebagai wasilah untuk sampai kepada natijahnya iaitu 'haqiqat'.

3.1 Pengertian Tarikat

Mengikut pengertian bahasa, tarikat ialah 'jalan. Jalan yang dimaksudkan disini ialah 'jalan yang menuju kepada Allah

⁶⁵ Al-Quran, Surah Az-Zariyat, ayat 50.

Ta^cala sepertimana yang dinyatakan oleh Dr. Abdul Rahman Umairah di dalam kitabnya At-Tasawwuf Al-Islami Manhajan Wa-Sulukan iaitu;

الطريقة وصيغة السعى إلى الله تعالى

Bermaksud; Tarikat ialah suatu jalan (perjalanan) kepada Allah Ta^cala. 66

Menurut istilah tasawwuf, tarikat secara umumnya ialah beramal mengikut jalan syari^cat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan menjauhi segala larangan Allah samada zahir atau batin. 67

Tarikat dalam pengertian yang lebih khusus ialah;

الطريقة وصيغة المختصة بالصالحين إلى الله تعالى مع قطع النازل والرُّفِي في المقامات

Bermaksud;

Tarikat ialah perjalanan yang khusus bagi para salikin (yang menjalani perjalanan) menuju Allah Ta^cala dengan melalui beberapa peringkat dan menaiki beberapa maqam. 68

66 Abdul Rahman Umairah, Dr., At-Tasawwuf Al-Islami Manhajan Wasulukan, Maktabah Al-Kulliyyah Al-Azhariah, t.t. hal 15.

67 Hj. Said Hj. Ibrahim, Tarikat Dan Permasalahannya Dilihat Dari Sudut Aqidah Dan Syari^cat, Kertas Kerja Seminar Tasawwuf Islam Peringkat Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

68 Mohd Sulaiman Yasin, op.cit. hal. 56.

Ianya memerlukan penumpuan usaha yang lebih khusus yang diistilahkan di dalam tasawwuf Islam sebagai riadah dan mujahadah. Riadah ialah latihan untuk membersihkan hati (تَطْهِيرُ الْفَلَقِ) dan menyucikan nafsu (تَرْكِيَّةُ النَّفَسِ) dari sifat-sifat keji (الْمَذْمُومَةِ). Di dalam tasawwuf ia juga lebih dikenali sebagai 'At-Takhalli' (الْخَلْلِ).

Mujahadah (المُجَاهِدَةِ) pula ialah berjuang dan berkorban menanamkan dalam hati dengan sifat-sifat terpuji. Mereka yang bermujahadah akan tertanam di dalam hati-hati mereka sifat-sifat mulia antaranya ikhlas, taubat, muraqabah, tajwa, wara^c, zuhud, sabar, khauf, raja', syukur, tawakkal, ridha, maktabah, yakin, tamakniah, istiqaman, dan sebagainya. Inilah tatanan jalan yang dilalui oleh para Sufi untuk mencapai matlamat yang dituju.

3.2 Beberapa Contoh Tarikat

Kurun ketiga merupakan zaman kesedaran tasawwuf Islam semasa dari segi ilmu atau amalnya dengan kelahiran tokoh-tokoh Sufi yang bukan sahaja memberikan pengajaran, penjelasan dan pemahaman malah memberi dan memimpin murid-murid dalam menuju ke jalan Allah. Oleh kerana itu muncullah berbagai-bagai tarikat yang kesemuanya bertujuan menuju kepada Allah s.w.t. Antara yang termasyhur ialah;

- i. Al-Qadiriyyah yang diasaskan oleh Imam Abdul Qadir Al-Jailani (470 -561 H).
- ii. Ash-Syadhaliyyah yang diasaskan oleh Imam Ali Bin Abdullah Al-Jabbar (593 -659 H)
- iii. Al-Qalandariyyah dinisbahkan kepada seorang Arab Andalus (andalusی). Muncul di Damsyik pada tahun 610 H.
- iv. Al-Baktashiyyah yang diasaskan oleh Haji Bakhtash As-Sufi, dilahirkan di Naisabur.
- v. Al-isawiyyah yang diasaskan oleh Sheikh Muhammad Bin Isa.
- vi. Ash-Shabiyyah yang diasaskan oleh Sheikh Ahmad Bin Makhluf.
- vii. At-Taijaniyyah yang diasaskan oleh Abi Abbas Ahmad Bin Muhammad Ash-Syarif Al-Husni At-Taijani.
- viii. Ar-Rahmaniyyah yang diasaskan oleh Sheikh Muhammad bin Abdul Rahman.

ix. As-Sanusiyah yang diasaskan oleh Muhammad Bin Sanusi Al-Khutbi Al-Husaini Al-Idrisi (1202 - 1272 H).

x. Al-^Calawiyyah yang diasaskan oleh Sheikh Ahmad Bin Mustafa Al-Alawi (1291 - 1353H).

xi. Al-Naqsyabandiyah yang diasaskan oleh Sheikh Bahauddin Muhammad Bin Muhammad Al-Bukhari yang lebih dikenali dengan nama Syah Naqsyabandi (618 - 791 H).

3.3 Kedudukan Tarikat Di dalam Tasawwuf

Menurut ahli Sufi, tasawwuf mengandungi dua sudut iaitu wasilah (jalan) dan Ghayah (matlamat). Wasilah yang dimaksudkan oleh 'ulama' tasawwuf ialah 'tarikat' manakala ghayah pula ialah 'hakikat'. Tarikat di dalam tasawwuf merupakan jalan (wasilah) yang mesti dilalui dan ditempuhi oleh setiap ahli Sufi untuk mencapai natijahnya iaitu hakikat yang merupakan kemuncak dan matlamat yang ingin dicapai oleh ahli Sufi. Dengan ini tarikat merupakan 'sesuatu' yang mesti dilalui oleh setiap ahli Sufi. Tanpa melalui tarikat, seseorang itu belum lagi boleh dianggap sebagai ahli Sufi yang sebenar.

3.4 Hubungan Antara Tarikat - Hakikat - Syari'at

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa tasawwuf mengandungi dua sudut iaitu tarikat dan hakikat. Tarikat adalah merupakan jalan yang dilalui dan ditempuhi oleh ahli Sufi manakala hakikat pula adalah sebagai tempat berakhirnya perjalanan mereka , atau dengan lain perkataan hakikat merupakan matlamat terakhir yang ingin dicapai. Syari'at pula merupakan 'landasan' kepada tarikat dalam perjalanan menuju hakikat. Tarikat tanpa syari'at adalah batil.

Tarikat (jalan) Sufi merupakan jalan yang benar, lurus dan haq (الحق) kerana ianya adalah berlandaskan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w. dan Al-Quran. Ini jelas seperti mana yang ta
dinyakan sendiri oleh seorang 'ulama' Sufi yang terkenal iaitu Al-Junaid melalui kata-katanya;

مَذْهِبُنَا مُقِيدٌ بِأَصْوَلِ الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ

Bermaksud;

Mazhab kita di dalam tasawwuf berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah.⁶⁹

Di dalam kenyataannya yang lain beliau menegaskan;

وَرِبِّيْنَاقَعُ فِي لَفْنِي النَّكَةِ مِنْ نَكَتِ الْعَوْمَ

⁶⁹ Al-Qusyairi, Ar-Risalah, hal.20.

خلاًمْ أَقْبَلَ مِنْهُ الْإِسْنَارُ دَيْنَ الْكَتَانِ وَالسَّنَةِ

Bermaksud;

Kadang-kadang sampai kepadaku beberapa faedah dari Ahli Tasawwuf maka aku tidak langsung menerimanya kecuali dengan adanya dua saksi yang adil iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasulnya.⁷⁰

Dengan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hubungan antara tarikat, hakikat dan syari'at adalah amat erat dan berkait rapat antara satu sama lain. Bermula daripada syari'at, kemudian muncullah tarikat dan berakhir dengan hakikat. Dengan ini syari'at merupakan asas dimana di dalamnya mengandungi tarikat dan hakikat.

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

1. Ibadat Menurut Ilmu Tasawwuf

Di dalam bab-bab yang lalu penulis telah pun membincangkan tentang ibadat serta matlamat-matlamatnya menurut pengertian umum yang dikemukakan oleh para 'alim 'ulama' dan para Fuqaha'. Kemudian penulis mengemukakan pula tentang Ilmu Tasawwuf serta pembicaraan yang terdapat didalamnya. Di dalam bab ini penulis akan mengkhususkan pembicaraan tentang ibadat yang dilihat dari sudut tasawwuf atau dengan lain perkataan 'suatu konsep ibadat menurut ilmu tasawwuf'. Bab ini adalah lebih menjurus kepada tajuk yang sebenar dan merupakan intipati kepada penulisan tesis ini.

Tasawwuf mempunyai pendekatan yang berlainan khususnya terhadap ibadat kerana ianya menitik-beratkan soal hati yang merupakan sumber asas terhadap setiap amalan yang dilakukan. Didalam tasawwuf, ikhlas amat dipentingkan. Ini adalah kerana keikhlasan itulah yang akan menentukan natijah terhadap ibadat yang dilakukan. Di dalam Al-Quran Allah Ta^cala menjelaskan melalui firmannya;

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْدُوا إِلَهٌ خَلَقُوهُ إِلَهٌ لِهِ الْدِينُ

Bermaksud;

...Dan tidaklah mereka disuruh selain untuk menyembah Allah dengan ikhlas kepadanya dalam menjalankan agama.¹

Di dalam ayat yang lain Allah berfirman;

الَّذِينَ تَابُوا وَاصْحَحُوا وَاعْتَصَمُوا بِاللَّهِ وَالْخُلُصُادِينَ حَمَلَهُ

Bermaksud;

...Kecuali orang-orang yang kembali bertaubat, mengadakan pemberian, berpegang erat kepada Allah dan tulus ikhlas kerana Allah semata-mata dalam agamanya.²

Al-Ghazali di dalam Ihya'nya bila memperkatakan tentang ikhlas beliau menyebut;

"Ikhlas (kebersihan) itu berlawanan dengan isyarak (persekuatan). Maka siapa yang tidak ikhlas dia itu menyekutukan. Hanya kesekutuan itu bertingkat-tingkat. Maka ikhlas pada tauhid itu berlawanan dengan persekuatan (taslyrik) pada ketuhanan dan kesekutuan itu sebahagiannya tersembungi dan sebahagiannya terang. Demikian juga ikhlas. Maka ikhlas dan lawannya itu datang mendatangi kepada hati. Dan tempatnya itu hati. Dan adalah yang demikian itu pada maksud dan niat.³

¹ Al-Quran, Surah Al-Bayyinat, ayat 5.

² Al-Quran, Surah An-Nisa', ayat 146.

³ Imam Al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, terjemahan, Kuala Lumpur, Victory Ajensi, jilid 8, cet. I, 1988, hal. 54.

Ikhlas sepetimana yang dijelaskan oleh Al-Ghazali adalah bersumberkan hati. Maka hati manusia itu amat perlu dijaga agar ianya sentiasa bersih dari sebarang gangguan yang boleh membawa kepada menyekutukan Allah seterusnya menyebabkan hilangnya keikhlasan. Keikhlasan yang datang dari hati inilah yang menjadi neraca timbang terhadap amalan seseorang. Sabda Rasulullah s.a.w.;

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ
وَإِنَّمَا يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبَكُمْ وَأَعْمَالَكُمْ

Bermaksud;

Bahawa Allah Ta^cala tidak memandang kepada rupamu dan hartamu, sesungguhnya ia memandang kepada hati dan amal perbuatanmu. 4

Beramal tanpa keikhlasan hati adalah amat merugikan. Ini adalah kerana segala amalan tersebut adalah tertolak dan ianya tidak dikira sebagai amalan. Dalam hal ini Allah Ta^cala ada menjelaskan melalui firmannya;

قُلْ هُلْ نَسْئَلُكُمْ بِمَا لَا تُحْسِنُنَّ أَعْمَالًا الَّذِينَ صَنَعُوكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَمْ كَسَبْتُمْ أَنْتُمْ كَسَنْتُونَ صَنَعًا

Ertinya;

Katakanlah, apakah akan kami beritakan kepadamu tentang orang-orang yang paling rugi dalam pekerjaannya? Iaitulah orang-orang yang terbuang sahaja

⁴ Hadis riwayat Muslim dari Abu Hurairah.

usahaanya dalam kehidupan dunia sedangkan mereka mengira bahawa mereka melakukan usaha-usaha yang baik. ⁵

Maka untuk menjadikan setiap amalan yang dilakukan itu tidak sia-sia dan mendapat ganjaran yang dijanjikan, manusia perlu menjaga niatnya yang bersumberkan di hati agar ianya sentiasa ikhlas dan suci dari sebarang persekutuan terhadap Allah s.w.t. Hal ini menjelaskan kepada kita akan kepentingan niat. Untuk itu niat amat perlu dijaga dan diperbetulkan agar ianya beriringan dengan keikhlasan sepetimana yang dikehendaki.

1.1 Pengertian Niat

Niat menurut istilah syara^c ialah; mengerjakan atau menggerakkan sesuatu amal atau perbuatan kerana menurut perentah Allah s.w.t. ⁶

Al-Ghazali menyebut;

المراد بالنية عزم القلب

Ertinya;

...Yang dimaksudkan dengan niat ialah kehendak hati yang kuat (azam) untuk melakukannya. ⁷

⁵ Al-Quran, Surah Al-Kahfi, ayat 103-104.

⁶ Abdullah Al-Qari, Kedudukan Niat Dan Ikhlas Dalam Islam, Kelantan, Pustaka Asa, cet. I, 1988, hal. 44.

⁷ Ibid.

Imam Nawawi pula menyebut;

الْبَيْنَةُ الْعَصْدُ هُوَ حِلْمَهُ الْقُلُوبُ

Bermaksud;

Niat itu ialah qasad iaitu
ke azaman hati. ⁸

Asy-Sheikh Mansur Ali Nasif di dalam kitabnya At-Tajul
Jami^c Lil-Usuli Fi Ahadis Ar-Rasul ada menyebut;

المقصود من البينة وهو غير العبادة

Ertinya;

Niat itu dimaksudkan untuk membezakan
perbuatan ibadat dari adat. ⁹

Dengan ini niat bolehlah disimpulkan sebagai kehendak dan
ke^cazaman yang kuat yang timbul dari hati untuk melakukan sesua-
tu perbuatan atau amalan.

1.2 Kepentingan Niat

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu, niat amat penting
di dalam melakukan sebarang pekerjaan. Niat tersebutlah yang akan
menentukan samada sesuatu pekerjaan yang dilakukan itu menjadi

⁸ Ibid.

⁹ Ibid.

ibadat atau sebaliknya.¹⁰ Kepentingan niat jelas tergambar di dalam suatu peristiwa semasa berlakunya penghijrahan Rasulullah s.a.w. dari Mekah ke Madinah.

Ketika Rasulullah s.a.w. melakukan penghijrahan ke Madinah demi mengembangkan ajaran Islam yang maha suci, setelah mendapat penentangan hebat dari kaum musyrikin Mekah, maka ramailah umat Islam turut serta di dalam penghijrahan tersebut. Mereka juga tidak sanggup lagi menerima penyiksaan demi penyiksaan yang dilakukan ke atas mereka oleh kuffar Mekah. Penghijrahan mereka membawa harapan semoga Islam diterima di Madinah dan mereka bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa sebarang gangguan.

Dikalangan sahabat yang berhijrah itu, terdapat seorang daripada mereka yang berhijrah untuk berkahwin dengan wanita Madinah yang dicintainya. Beliau ingin sama-sama turut serta dalam rombongan Rasulullah dengan harapan apabila sampai ke Madinah, beliau dapat mengahwini wanita tersebut. Apabila berita itu dikhabarkan kepada Rasulullah s.a.w beliau lalu bersabda;

10 Ibadat yang dimaksudkan di sini ialah dalam kontek umum, kerana setiap pekerjaan yang baik merupakan ibadat jika ianya diniatkan semata-mata mencari keredhaan Allah Ta'ala.

إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لَهُ أَمْوَالٌ إِمَّا مَالٌ حَلَّ إِلَيْهِ فَنَحْرَثُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ
حَرَثَةً لِدُنْيَا يَصْبِرُ أَوْ امْرَأٌ يَنْكِرُهَا فَنَحْرَثُهُ إِلَيْهِ

Ertinya;

Sesungguhnya segala amal perbuatan itu adalah dengan niat. Dan bagi setiap manusia itu apa yang diniatkannya. Maka siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya. Dan siapa yang hijrahnya kepada dunia yang akan diperolehinya atau wanita yang akan dikahwininya, maka hijrahnya kepada apa yang ia berhijrah kepadanya.¹¹

Kenyataan yang dikemukakan oleh Rasulullah ini sudah cukup jelas untuk menerangkan kepada kita akan kepentingan niat. Niat seseorang itulah yang akan menentukan natijahnya. Jika niat itu adalah untuk mencapai keredhaan Allah maka keredhaan Allahlah yang ia perolehi.

Untuk menjelaskan lagi tentang hal ini di sini penulis mengemukakan beberapa Hadis Rasulullah s.a.w . Sabda baginda;

مَنْ هُمْ يَحْسَدُونَ وَلَمْ يَعْمَلُوا لَهُنَّ لِحَمْدًا

Bermaksud; Barang siapa bercita-cita dengan kebaikan dan tidak dikerjakannya (oleh sebab-sebab tertentu) nescaya ditulis kebaikan baginya,¹²

¹¹ Hadis Imam Bukhari dan Muslim dari Umar.

¹² Hadis Imam Bukhari dan Muslim.

Sabda Rasulullah s.a.w.

لَا يَقْبِلُ اللَّهُ كَوْلًا إِلَّا بِالْعَمَلِ
وَلَا يَقْبِلُ فَوْلًا وَلَا فَعْلًا إِلَّا بِاللَّهِ

Bermaksud;

Tidaklah diterima Allah perkataan melainkan diikuti dengan amalan dan ti-
lah diterima perkataan dan amalan me-
lainkan dengan niat.¹³

Sabdanya lagi;

لَا حَرَمَنَ لَا نَيْتَهَ لَهُ

Bermaksud;

Tiadalah pahala bagi siapa yang
tiada berniat.¹⁴

Golongan Salaf sendiri pernah menyebut;

"Banyaklah amalan yang kecil dibesarkan oleh niat,
dan banyaklah amalan yang besar dikecilkan oleh
niat.¹⁵

¹³ Abdullah Al-Qari, Kedudukan Niat Dan Ikhlas Dalam Islam,
Kelantan, Pustaka Asa, cet. I, 1988.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Al-Ghazali, Thya Ulumiddin, op.cit. hal. 9.

Daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku yang digambarkan melalui Hadis Rasulullah s.a.w ini jelas membuktikan kepada kita akan betapa pentingnya niat. Al-Ghazali sendiri ketika menyebut tentang niat beliau menegaskan;

" Maka tugas pertama atas setiap hamba yang berkehendakkan akan mentaati Allah Ta^cala ialah; bahawa pertama-pertama ia mempelajari niat supaya berhasil m^crifat. ¹⁶

Niat, bukanlah sesuatu yang boleh dipermudahkan. Mempermudahkan niat tanpa mengambil berat tentang keikhlasan hati adalah amat merugikan. Oleh yang demikian, sejajarlah setiap umat Islam sentiasa mengambil berat soal niat yang merupakan pokok yang akan menghasilkan buah di dalam mengerjakan ibadat kepada Allah. Semoga setiap amalan yang dilakukan itu mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t seperti yang dijanjikan. Janganlah ia nya menjadi seperti yang digambarkan oleh Allah Ta^cala di dalam Al-Quran melalui firmannya;

وَعَدْنَا إِلَيْكُم مَا عَمِلْتُمْ إِنَّمَا مِنْ حَلَالٍ حَبَائِبٌ مُنْتَهٰى

Bermaksud;

...Dan kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan, lalu kami jadikan amal itu (bagaikan) debu yang berterbangan. ¹⁷

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Al-Quran, Surah Al-Furqan, ayat 23.

Firman Allah Ta^cala;

فَلَهُمْ نِسْكٌ بِالْأَحْسَنِ إِمَّا الَّذِينَ ضَلَّلَ سُبُّرُهُمْ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسِبُونَ أَنَّهُمْ كَافِرُونَ صَنَعُوا

Bermaksud;

Katakanlah, apakah akan kami beritakan kepadamu tentang orang-orang yang paling rugi dalam pekerjaannya?. Iaitu lah orang-orang yang terbuang sahaja usahanya dalam kehidupan dunia sedangkan mereka mengira bahawa mereka melakukan usaha-usaha yang baik.¹⁸

1.3 Ikatan Antara Niat Dengan Hati

Di dalam suatu Hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda;

إِنَّمَا الْعَمَالُ بِالْإِنِّيَاتِ

Bermaksud;

Sesungguhnya segala amal perbuatan itu adalah dengan niat.¹⁹

Melihat kepada maksud Hadis ini, niat memainkan peranan yang amat penting. Ianya menjadi tunggak kepada setiap perbuatan atau amalan yang dilakukan. Hasil perbuatan tersebut adalah bergantung kepada apa yang diniatkan. Oleh yang demikian niat amat perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

¹⁸ Al-Quran, Surah Al-Kahfi , ayat 103 - 104.

¹⁹ Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Umar.

Sebelum memberi perhatian kepada niat, maka kita perlu terlebih dahulu memberi perhatian kepada tempat datangnya niat iaitu hati (**القلب**). Hati inilah yang merupakan sumber segala niat yang akhirnya membawa kepada berlakunya perbuatan atau sesuatu amalan.

Hati inilah yang perlu dijaga supaya ia sentiasa bersih dari sebarang gangguan penyakit seperti riya', takabbur, dengki, sujud dan sebagainya. Andainya hati ini bersih maka bersihlah segala amalan yang dilakukan tetapi sebaliknya jika hati ini kotor maka rosaklah segala amalan tersebut. Hal ini dijelaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadisnya;

نَفْيُ الْجِنَانِ مُمْكِنٌ إِذَا صَدَحَ الْجِنَانُ طَلْعَهُ
وَإِذَا فَسَدَتْ حَسَنَاتُهُ لَأَوْهَى الْقَلْبُ

Bermaksud;

Sesungguhnya dalam jasad manusia itu ada segumpal daging yang bila keadaannya baik maka baiklah pula seluruh anggotanya dan bila ia rosak, rosaklah pula seluruh anggota badannya. Perhatikanlah bahawa gumpalan itu ialah hati.²⁰

Sesungguhnya, hati amat sukar untuk dijaga. Seringkali ia dihinggapi oleh penyakit. Apabila hati telah dihinggapi penyakit maka bukanlah suatu perkara yang mudah untuk mengobatinya. Al-Hazali ada menyebut;

²⁰ Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Nu'man Bin Mayir.

"Sesungguhnya mengobati hati itu sukar, sebab ianya ghaib dari penglihatan, tapi dengan tidak disangka engkau telah terkena penyakit hati sehingga perlu sekali engkau mengamat-amatinya dengan sepenuh perhatian dan dengan latihan yang banyak.²¹

Untuk itu manusia perlu mengawasi hatinya daripada terkena penyakit yang boleh merosakkan segala amalan yang dilakukannya.

2. Pembahagian Hati Manusia

Manusia, sungguhpun diciptakan dalam bentuk dan rupa-paras yang sama, namun ianya mempunyai 'nilaian hati' yang berbeza. Hati di sini bukanlah bermaksud segumpal darah yang terletak pada dada sebelah kiri manusia kerana hati tersebut bukan sahaja ada pada manusia tetapi pada haiwan-haiwan yang lain.

Hati yang dimaksudkan di sini ialah; yang halus (*ذهب*), ketuhanan (*ربانية*), dan kerohanian (*روحانية*). Yang halus itulah hakikat manusia. Dialah yang merasa dan mengetahui. Dia lah yang ditujukan dengan pembicaraan, yang diseksa dan dicaci.²²

²¹ Iman Al-Ghazali, Minhājul abidin, Selangor, Klang Book Centre, cet. I, 1988, hal. 135.

²² Imam Al-Ghazali, Ihya' Ulimiddin, terjemahan oleh Prof. T.K.H. Ismail Yakub SH. MA., Kuala Lumpur, Victory Ajensi, jilid 4, cet. I, 1988, hal. 7.

Mustapha Muhammad Al-Jiasi di dalam bukunya Ramuan Ilmu Tasawwuf membahagikan hati manusia kepada dua jenis iaitu hati yang sihat dan hati yang berpenyakit.²³ Hati yang sihat hanyalah hati orang mukmin, yang beriman kepada Allah dengan sebenar-benarnya manakala hati yang berpenyakit ialah hati yang menyekutukan Allah.

Sabda Rasulullah s.a.w;

قَلْبُ الْمُؤْمِنِ أَحْرَدٌ فِيهِ سَرَاجٌ يَرْمِي وَقَلْبُ الْكَافِرِ
أَنْتَوْدٌ مَنْكُوسٌ

Bermaksud;

Hati orang mukmin itu bersih, padanya pelita yang bercahaya dan hati orang kafir itu hitam terbalik.²⁴

2.1. Hati Yang Sihat

Hati yang sihat ialah hati yang suci bersih dari sifat-sifat yang tercela dan hanya disaluti dengan sifat yang terpuji. Ia sentiasa mendorong ke arah kebaikan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t serta ikhlas di dalam pengabdianya tanpa menyekutukaninya.

²³ Mustapha Muhammad Al-Jiasi, Ramuan Ilmu Tasawwuf, Kota Bharu, Kelantan, Pustaka Aman Press, cet. II, 1985, hal. 44 - 48.

²⁴ Hadis riwayat Ahmad dan Ath-Thabrani dari Abi Said Al-Khudry.

Hati ini mempunyai tugas untuk ilmu, hikmat, ma^crifat seterusnya menyintai Allah Ta^cala dengan mengabdikan diri kepada nya. Ia merasa lazat dengan menyebut nama Allah dan sentiasa akur dengan kekuasaan Allah.²⁵ Inilah hati orang-orang yang benar benar beriman sepetimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran;

أَنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجْهَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تَلَيْتَ عَلَيْهِمْ آيَاتَهُ ذَادُوا رَحْمًا إِيمَانًا وَعَلَى سِرَّبِهِمْ يَنْتَظِرُونَ

Ertinya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka dan apabila dibaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) kepada mereka bertambahlah iman mereka dan kepada tuhan mereka, mereka bertawakkal.²⁶

Hati ini juga sentiasa berada dibawah pengawasan Allah s.w.t melalui malaikat-malaikat yang diperentahkan untuk menjaganya dengan rahmat darinya. Rasulullah s.a.w ada menyebut tentang hal ini melalui sabdanya;

فِي الْقُلُوبِ لِمَنْ أَنْشَأَ مِنَ الْمَلَكُ أَبْعَادُ بِالْحَيْزِ وَتَصْدِيقُ بِالْحَقِّ فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلَيَعْلَمْ أَنَّهُ مِنَ اللَّهِ سَبَّاحَنَهُوَعَالِيٌّ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَمَّا مِنَ الْعَدُوِّ، أَبْعَادُ بِالسُّثُرِ وَتَكْذِيبُ بِالْحَقِّ وَنَزَى
عَنِ الْحَيْزِ، فَمَنْ وَجَدَ ذَلِكَ فَلَيُسْتَعْذِدَ بِاللَّهِ مِنَ السُّتْرِ طَافِ

الرَّحْمَم

²⁵ Imam Al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, jilid, 4, hal. 166-167.

²⁶ Al-Quran, Surah Al-Anfāl, ayat 2.

Bermaksud;

Di dalam hati itu ada dua gerakan; satu gerakan dari malaikat, iaitu menyeru hati seseorang supaya berbuat baik dan membenarkan barang yang haq, maka siapa-siapa yang mendapat demikian iyu hendaklah ia ketahui bahwasanya ia daripada Allah s.w.t dan hendaklah ia memuji Allah. Dan satu gerakan lagi daripada musuh (syaitan) iaitu menghasut hati seseorang supaya berbuat jahat dan mendustakan barang yang haq dan menegah barang kebaikan, maka siapa-siapa yang mendapat demikian hendaklah ia memohon perlindungan kepada Allah daripada syaitan yang direjam.²⁷

Di dalam Hadisnya yang lain Rasulullah s.a.w bersabda;

لَوْلَا أَنَّ الشَّيَاطِينَ يَحْمُونُ عَلَى قُلُوبِ
بَنِي آدَمْ لَنَظَرُوا إِلَى مَلَكُوت السَّمَاوَاتِ

Bermaksud;

Jikalau tidaklah syaitan-syaitan itu mengelilingi hati-hati anak Adam (manusia) nescaya mereka dapat memandang ke alam malakut yang tinggi.²⁸

2.2 Hati Yang Berpenyakit

Di dalam Al-Quran Allah berfirman;

27 Hadis Riwayat At-Tarmidzi dari Ibnu Mas'ud.

28 Hadis riwayat Ahmad dari Abu Hurairah.

في فلوجهم مرض

Ertinya;

Dalam hati mereka ada penyakit. 29

Maka, bagaimana pula tanda-tanda penyakit hati itu? Untuk menerangkan hal ini penulis mengemukakan di sini pendapat yang diutarakan oleh Hujjatul-Islam Imam Al-Ghazali di dalam Ihyanya. Al-Ghazali, di dalam menerangkan hal ini beliau mengaitkannya dengan firman Allah Ta'ala;

فَلَمَّا كَانَ أَبْيَأُكُمْ وَابْنَائُكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ وَأَنْزَلْنَا جُنُمْ
وَعَشَرَتِكُمْ وَأَمْوَالَ اقْرَبَخَمْوَهَا وَبَحَارَةَ
يَخْشَونَ لِسَادَهَا وَسَاسَكُنْ تَرَضَعُنْهَا الْجُبُ الْيَكْمُ مِنْ
اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِرَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَصُوا حَتَّى يَأْتِي
اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَرْهُدُ إِلَيْهِ الْقَوْمُ إِلَّا سَيِّئَاتِهِ

Ertinya,

Katakanlah; Jika bapa-bapa, anak-anak saudara-saudaramu perempuan-perempuanmu, kaum keluargamu, kekayaan yang kamu perolehi, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasulnya dan (dari)berjihad dijalannya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusannya. Dan Allah tidak memberi pertunjuk kepada orang-orang fasik. 30

29 Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 10.

30 Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 24.

Berdasarkan firman Allah ini Al-Ghazali menyatakan sesia-
pa yang ada padanya sesuatu yang lebih dicintai daripada Allah
maka hati orang itu sakit. Maka inilah tanda-tanda hati yang
sakit.³¹ Oleh itu menurut beliau, hati manusia semuanya sakit ke-
cuali yang dikehendaki oleh Allah s.w.t (untuk tidak sakit). Ha-
nya diantara penyakit-penyakit itu ada yang tidak diketahui oleh
si pesakit. Kerana itu maka dilengahkan dan kalau diketahui nes-
caya sukarlah ia bersabar di atas kepahitan ubatnya, kerana ubat
itu berlawanan dengan keinginan hawa nafsu.³²

Hati yang sakit inilah akhirnya membawa manusia menuju
kepada menyintai dunia dan kepada amal perluatan yang zahirnya
ibadat akan tetapi pada batinnya hanyalah ajar kebiasaan dan mem-
perlihatkan kepada orang ('riya').³³

³¹ Imam Al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, op-cit, hal. 167.

³² Ibid.

³³ Ibid. hal. 168.

3. Mengubati Penyakit Hati

Untuk mengubati penyakit hati bukanlah suatu perkara yang mudah. Ianya memerlukan usaha yang sungguh-sungguh disamping ber mujahadah melawan segala kehendak hawa nafsu. Langkah pertama yang perlu diambil ialah mengetahui punca penyakit tersebut. Al-Ghazali, ketika menerangkan penyakit yang dialaminya beliau menyebut;

"Begitulah berlanjutnya jeritan hatiku yang amat menggegarkan jantung dan terus melerat hingga membarah kedalam jiwa. Aku cuba mengubatinya dengan sedaya upaya tapi sia-sia belaka, kerana untuk mengubati keraguanku ini mestilah menggunakan dalil yang berbentuk ungkapan dari pengetahuan tanggapan pacaindera dan tanggapan akal yang aksioma (first principles) sedangkan semuanya itu aku meragui kebenarannya.³⁴ Maka dengan sendirinya ungkapan dalil yang hendak disusun itu tak mungkin dilaksanakan. Inilah yang menyebabkan aku jatuh sakit. Semakin hari semakin tenat rasanya. Ham-pir dua bulan lamanya aku terumbang-ambing hidup dalam keraguan, skeptik atau sofis.³⁵

Menurut Al-Ghazali, penyakitnya beransur sembuh setelah mendapat pertolongan dari Allah s.w.t. Ini jelas melalui ungkapannya yang berbunyi;

³⁴ Aksioma bererti kenyataan yang benar dan jelas tanpa memerlukan bukti atau alasan. Contohnya; sepuluh lebih banyak daripada tiga, tiap yang lebih daripada tiga adalah banyak, maka sepuluh adalah banyak.

³⁵ Sofis iaitu golongan yang berfahaman bahawa hakikat se-gala sesuatu itu adalah bergantung kepada individu itu sendiri.

" Sekarang Allah menyembuhkan penyakit yang aku hadapi selama ini. Maka aku pun kembali menjadi sihat sihat seperti biasa. Jiwaku sudah tidak ragu lagi akan kebenaran segala aksioma dan hukum akal tanggapan pancaindera dan tanggapan akal. Semuanya ini boleh dipercayai dan diyakini tapi bukanlah hasil dari dalil atau pembuktian ungkapan yang sistematis, malah dengan cahaya yang disuluhkan Allah kepadaku.³⁶

Dalam suatu riwayat, Rasulullah s.a.w apabila ditanya mengenai kalimah Ash-Sharah (الستوح) yang terkandung di dalam ayat;

فَنِرَاللهُ أَنْ يَهْدِيهِ يَسْتَحْصِرُهُ الْاسْلَامُ

Bermaksud;

Barang siapa yang dikehendaki Allah mendapat pertunjuknya nescaya terbuka lah dadanya menerima Islam.³⁷

Baginda menjawab;

هُوَ نُورٌ يَعْزِزُهُ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُلُوبِ يَسْتَحْصِرُهُ الْمُصْلِمُ

Bermaksud;

Ia cahaya yang disuluhkan oleh Allah Ta'ala ke dalam hati, maka dengan itu lapanglah dada rasanya.

Apabila ditanya lagi tentang apakan alamatnya?. Baginda menjawab;

³⁶ Al-Ghazali, Penyelamat Dari Kesesatan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. II, 1985, hal 11.

³⁷ Al-Quran, Surah Al-An'am, ayat 125.

التحافي عن دار العز و الدناءة الى دار الحلو

Ertinya;

Merenggangkan diri dari maya keduniaan yang penuh dengan tipudaya ini dan menuju ke alam yang kekal. 38

Berdasarkan kenyataan Al-Ghazali dan jawapan terhadap persoalan yang dikemukakan kepada Rasulullah ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa untuk menyembuhkan penyakit hati memerlukan per tolongan serta 'Nur' daripada Allah s.w.t dan disamping itu manusia hendaklah berusaha menuju ke arah itu iaitu menjauhkan diri dari tarikan diniawi yang penuh dengan tipudaya dan kepalsuan atau dengan lain perkataan iaitu berzuhud dari dunia.

3.1 Zuhud

Di dalam suatu Hadis, Rasulullah s.a.w bersabda;

مَنْ زَهَدَ فِي الدُّنْيَا أَدْخَلَ اللَّهُ الْجَنَّةَ قَلِيلٌ فَإِنْظَفَرَ بِالسَّانَةِ
وَعُرِفَهُ دَاءُ الدُّنْيَا وَدَوَاهُ مَا وَأَخْرَجَهُ مِنْ حَسَانَاتِهِ إِلَى دَارِ
السَّلَامِ .

Ertinya;

Barang siapa zuhud didunia, nescaya dimasukkan oleh Allah ilmu hikmah dalam hatinya. Maka ia menuturkan dengan ilmu hikmah itu lidahnya. Ia memperkenalkan kepadanya penyakit dunia dan ubatnya, dan ia mengeluarkannya dari dunia dengan selamat sejahtera ke Syurga Darus-Salam. 39

38 Al-Chazali, Penyelamat Dari Kesesatan, op.cit. hal. 11.

39 Hadis riwayat Ibnu Musayyab dari Abi Dzaar.

Dalam Hadisnya yang lain beliau bersabda;

إِنَّهُ مَنْ لَمْ يَرَهُ فَلَا يُحِبُّهُ
فَمَنْ لَمْ يُحِبْهُ فَلَا يَرَاهُ

Bermaksud;

Zuhudlah didunia nescaya engkau disayangi oleh Allah dan zuhudlah pada apa yang ada dalam tangan manusia, nescaya engkau disayangi manusia. 40

Maka apakah pengertian zuhud yang sebenar?. Di dalam mem-
beri pengertian zuhud, terdapat berbagai-bagai ta^crif yang di-
kemukakan. Abu Sulaiman Ad-Darani menyatakan zuhud ialah;

" Meninggalkan setiap sesuatu yang menyibukkan
engkau daripada mengingati Allah Azza Wa-Jalla. 41

Al-Fudlail pula menyatakan ;

" Zuhud didunia ialah qana^cah (iaitu merasa
cukup dengan apa yang ada). 42

Al-Hasan Al-Basri ketika menggambarkan orang yang berzu-
hud beliau menyatakan;

⁴⁰ Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ath-Thabrani.

⁴¹ Al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, op.cit. hal. 238.

⁴² Ibid. hal. 236.

" Apabila malam, mereka berdiri di atas tapak kaki mereka, bertikar dengan muka, air mata mereka mengalir di atas pipi, mereka bermunajat (berbicara denga berbisik) dengan tuhan dalam belahan leher mereka. Apabila mereka berbuat amal yang baik, nescaya mereka membiasakan diri mensyukurinya. Mereka memohon kepada Allah supaya menerima nya. Apabila mereka berbuat sesuatu yang buruk nescaya menggundahkan hati mereka. Mereka memo hon kepada Allah untuk mengampuninya. 43

Di sini, dapat dibuat suatu kesimpulan di mana zuhud ia-
lah meninggalkan segala kemewahan dan kemegahan dunia yang se-
mentara (demi menjaga hati agar tidak terpengaruh dengannya) dan
menumpukan ke alam akhirat yang lebih kekal dan abadi. Perlu ber-
sifat qana'ah iaitu berpada dengan apa yang ada, rendah diri dan
banyak bermunajat kepada Allah dengan mengerjakan amal ibadat.

Zuhud dari sudut hukum, pada asasnya terbahagi kepada dua iaitu wajib dan sunat. Hukum wajib berzuhud adalah ke atas perkara-perkara yang haram manakala berzuhud daripada perkara-perkara yang halal adalah sunat.

Hal ini jelas sepertimana yang dinyatakan oleh Al-Muha-
sibi apabila ditanya kepada beliau tentang hukum berzuhud dari-
pada dunia , lalu beliau menjawab;

" Allah memfardhukan (mewajibkan) ke atas hambanya supaya berzuhud daripada perkara-perkara haram

43 Ibid. hal. 229.

dan mensunatkan zuhud di dalam perkara-perkara halal untuk mencapai kelebihan.⁴⁴

Walau bagaimana pun Al-Ghazali di dalam Ihya'nya membahagikan hukum zuhud kepada tiga bahagian iaitu;⁴⁵

i. Fardhu - iaitu zuhud daripada perkara yang haram.

ii. Sunat - iaitu zuhud daripada perkara yang halal.

iii. Selamat - iaitu zuhud daripada perkara-perkara syubhah (iaitu perkara yang diragukan tentang halal atau haramnya).

Di dalam Al-Quran sendiri terdapat banyak ayat-ayat yang menerangkan tentang tercelanya dunia dan perlunya memberi perhatian kepada akhirat yang kekal abadi. Diantaranya ialah, firman Allah Ta^cala;

اعْلَمُوا اثْنَا عَشَرَةِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِعِبْدٍ وَلِرَهْوَةِ زِينَةٍ وَتَفَاحِزٍ
سِنَمٍ وَنَكَاثَرٍ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمْ لَغَتَتِ ابْجَبُ
الْكَفَّارُ بِنَاهَهُ ثُمَّ يَرْجِعُ فِتْنَهُ مَصْفَا ثُمَّ يَكُونُ
خَطَامًا فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ سَهِيدٌ وَمَغْرِبَةٌ مِنَ اللَّهِ

⁴⁴ Al-Harith Bin Asad Al-Muhasibi, Al-Masail Fi A'mal Al-Qulub Wal-Jawarikh Wal-Makasib Wal-Aql, Al-Qahirah, alim Al-kutub, t.t. hal. 43.

⁴⁵ Al-Ghazali, Ihya' Ulumiddin, op.cit. hal. 238.

ورضوان وما الحياة الدنيا الامتناع العروض

Bermaksud;

Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah permainan dan sesuatu yang melalaikan, perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta dan anak, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning kemudian ia menjadi hancur. Dan diakhirat (nanti) ada azab yang keras dan keampunan dari Allah serta keredhaannya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang menipu. ⁴⁶

Firman Allah Ta^cala;

قَلْ مِنَاعُ الدِّينِ بِالْخَلِيلِ

Ertinya;

Katakanlah, kesenangan dunia ⁴⁷
itu hanyalah sebentar.

Firman Allah Ta^cala;

وَلَا تَمْدُنْ كَيْنِيْكَ إِلَى مَا مَتَعَبَّهُ أَنْتُمْ جَاهِنْمُ زَرَّهُ
الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَنْفَتَرُّهُ فِيهِ وَنَرْفُرُكُ خَرْوَأَيْقَنْ

⁴⁶ Al-Quran, Surah Al-Hadid, ayat 20.

⁴⁷ Al-Quran, Surah An Nisa', ayat 77.

Ertinya:

...Dan janganlah engkau tujukan peman-dangan engkau kepada kesenangan sebagai bunga kehidupan dunia yang telah kami berikan kepada beberapa golongan diantara mereka, kerana kami hendak me-nuguji mereka dengan itu, sedang rezki (pemberian) dari tuhan engkau lebih ba-ik dan lebih kekal.⁴⁸

Firman Allah Ta^cala;

مَنْ كَانَ يَرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزَّلَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يَرِيدُ
حَرْثَ الدُّنْيَا نَوَّتْهُ مِنْ بَأْرَامِهِ فِي الْآخِرَةِ مَنْ رَضِيَ

Bermaksud:

Barang siapa yang ingin kepada keuntungan hari akhirat, akan kami berikan tambahan kepada keuntungan itu, dan barang siapa yang ingin kepada keuntu-nungan di dunia ini, akan kami berikan keuntungan itu kepada-nya tetapi ia tidak mempunyai bahagian lagi pada hari akhirat.⁴⁹

Kesimpulannya, zuhud merupakan salah satu cara yang paling berkesan di dalam mengubati penyakit hati atau jiwa. Orang yang berzuhud akan mendapat ketenangan daripada Allah Ta^cala. Ini ada-lah kerana ia tidak lagi dilalaikan oleh keduniaan yang hanya ber-sifat sementara. Ia lebih suka mengabdiikan diri kepada Allah de-ngan melakukan amal ibadat yang diperentahkan. Hatinya sentiasa

⁴⁸ Al-Quran, Surah Thā-hā, ayat 131.

⁴⁹ Al-Quran, Surah Ash-Shūra, ayat 20.

tenang di dalam menjalani perentah tersebut. Inilah tanda-tanda hati orang yang beriman yang mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Allah s.w.t. Mereka dijanjikan dengan balasan pahala dan syurga. Firman Allah Ta^cala;

إِنَّ اللَّهَ اسْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ
وَأَمْوَالُهُمْ بَيْنَ لِحْمِ الْجِنَّةِ

Bermaksud;

Sesungguhnya Allah telah membeli diri dan harta orang-orang mukmin dengan memberi-syurga untuk mereka.⁵⁰

3.2 Mujahadah

Mujahadah di dalam kontek ini ialah berjihad menentang segala kehendak hawa nafsu yang seringkali melalaikan manusia daripada mengingati Allah s.w.t kerana tabiatnya yang suka menyeru kepada keburukan. Firman Allah Ta^cala;

إِنَّ النَّفْسَ لَذِمَّةٌ بِالسَّوْءِ

Ertinya;

Sesungguhnya nafsu itu suka menyuruh melakukan yang buruk.⁵¹

⁵⁰ Al-Quran, Surah At-Taubah, ayat 20.

⁵¹ Al-Quran, Surah Yūsuf, ayat 53.

Rasulullah sendiri pernah meriwayatkan bahawa;

" Jiwa itu, jika diikutkan nafsu buasnya dan diturutkan kehendak jahatnya nescaya ia akan mencelanya esok. Baginda ditanya apakah ianya itu? Jawabnya; Hawa nafsu kamu yang berada diantara kedua rusuk kamu. 52

Sufian Ath-Thauri pernah berkata;

" Tiada sesuatu yang aku rawati lebih sukar daripada nafuku sendiri, satu ketika aku mengalahkannya dan ketika yang lain ia mengalahkan aku. 53

Oleh yang demikian, nafsu perlu dipelihara agar ianya tidak melewati batas-batas yang ditegah oleh syariah^c Islam. Dalam hal ini, timbul persoalan bagaimanakah caranya untuk memelihara nafsu tersebut?. Maka tidak ada jalan lain kecuali berjihad menghadang kehendak-kehendaknya yang menyalahi batas-batas syariah^c.

Melawan hawa nafsu adalah perkara yang mulia dan ianya adalah termasuk di dalam amalan jihad. Dalam satu Hadis yang di

⁵² Abu Said Al-Kharraz, Masalah Sufi Atau Jalan Menuju Kebada Allah, Singapura, Pustaka Nasional, cet. I, 1981, hal. 31.

⁵³ Imam Al-Ghazali, Penyakit-Penyakit Hati, saringan oleh Muhd. Labib Ahmad, Kelantan, Syarikat Dian Sdn. Bhd. cet. I, 1979, hal. 86.

riwayatkan oleh Tarmizi, Rasulullah s.a.w bersabda;

الحادي من حمد لغدو

Bermaksud;

Orang yang berjihad itu ialah yang berjihat menentang nafsunya.⁵⁴

Di dalam berjihad melawan hawa nafsu, Yahya Bin Mu^caz Ar-Razi menjelaskan, antara caranya yang terbaik ialah riadhah ke atas empat perkara. Ini jelas melalui ungkapannya;

"Berjihadlah menentang nafsunu dengan bersenjatakan riadhah empat perkara iaitu; makanan yang sedikit, tidur yang sedikit, bercakap ketika perlu dan bersabar menanggung derita.⁵⁵

Maka, perkara-perkara yang dinyatakan oleh Ar-Razi ini sewajarnyalah diberi perhatian oleh setiap hamba di dalam berjihad melawan hawa nafsu. Bagi mereka yang berjaya, Allah menjanjikan kebahagiaan yang abadi ia tulah balasan syurga. Firman Allah Ta^cala;

وَامْنَأْنَى خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَرَفِيْقَ النَّفْسِ
عَنِ الرَّصْوِ فَإِنَّ الْجِنَّةَ هُنَّ الْمُأْوَى

Bermaksud;

Adapun orang yang takut dihadapan

⁵⁴ Hadis riwayat At-Tarmidzi.

⁵⁵ Imam Al-Ghazali, Penyakit-Penyakit Hati, op.cit. hal. 88.

kebesaran tuhannya dan menahan jiwanya daripada hawa nafsunya maka sesungguhnya syurga itu adalah Takhta kediamannya.⁵⁶

3.3 Uzlah

Uzlah juga merupakan antara jalan yang dianjurkan oleh ahli Sufi di dalam mengubati penyakit hati. Uzlah menurut Al-Ghazali mempunyai dua pengertian iaitu;⁵⁷

- i. Uzlah dari manusia dengan jalan tidak mencampuri, tidak ikut dan tidak memasuki urusan mereka.
- ii. Bersama mereka dalam mengerjakan sembahyang Jumaat, berjemaah serta memperbanyakkan syiar Islam.

Di dalam suatu Hadis Rasulullah s.a.w. bersabda;

"Kerahiban umatku ialah duduk-duduk di Masjid!"⁵⁸

Daripada kedua-dua kenyataan di atas, penulis dapat membuat suatu kesimpulan bahawa uzlah bukanlah semata-mata mengasingkan diri dari manusia ramai sepetimana yang difahami oleh kebanyakan umat Islam sekarang, akan tetapi uzlah lebih merupakan

⁵⁶ Al-Quran, Surah An-Nazi'at, ayat 40 - 41.

⁵⁷ Imam Al-Ghazali, Minhajul Abidin, terjemahan, Selangor,

Klang Book Centre, cet. I, 1988, hal. 94.

⁵⁸ Ibid. hal. 93.

kan suatu tindakan mengenepikan segala kepentingan dunia dan menumpukan sepenuh perhatian kepada soal-soal ibadat demi mencapai ketenangan jiwa seterusnya mendapat kedudukan yang mulia disisi Allah s.w.t.

Ibrahim Bin Adham ada menyebut;

كُنْ وَاحِدًا جَامِعًا
وَمِنْ رِبِّكَ دَا اَنْسٌ
وَمِنَ النَّاسِ وَحْشَيَا

Bermaksud;

Menyendirilah engkau sambil berkumpul dan merasa tenteram dengan tuhanmu dan merasa kesepian dengan manusia.⁵⁹

Di dalam Al-Quran sendiri terdapat banyak ayat-ayat yang menyebut tentang perkataan-perkataan 'uzlah' antaranya, Firman Allah Ta^cala;

وَاعْتَزِلْكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَارْجُو
رَبِّي عَسِيَ الْأَكْوَنْ بِدُعَاءِ رَبِّي شَفِيَا .

Bermaksud;

Dan aku akan menjauhkan diri daripadamu dan daripada apa yang kamu seru selain dari Allah, dan aku akan berdoa kepada tuhanku, mudah-mudahan aku tidak akan

⁵⁹ Ibid. hal. 93 - 94.

kecewa dengan berdoa kepada tuhanku.⁶⁰

Di dalam Surah Al-Kahfi Allah berfirman;

وَإِذَا أَعْزَلْتَهُمْ وَمَا يَعْدُونَ إِلَّا إِلَهٌ
غَاوٍ إِلَى الْكَهْفِ يُنْتَرِكُمْ بِرَبِّكُمْ مِنْ حَمْدٍ

Bermaksud;

...Dan apabila kamu meninggalkan mereka
dan apa yang mereka sembah selain Allah
maka carilah tempat berlindung kedalam
gua itu nescaya tuhanmu akan melimpah
kan sebahagian rahmatnya kepadamu.⁶¹

3.4 Berpegang Kepada Tarikat

Tarikat dalam pengertian asasnya merupakan suatu 'perjalanan' kepada Allah atau perjalanan menuju Allah s.w.t.⁶² Al-Sayyid Al-Jurjani dalam memberi pena^crifan terhadap tarikat menyebut;

الطَّرِيقَةُ السَّيِّرَةُ الْخَصَّةُ بِالسَّالِكِينَ
إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مَعَ قَطْعِ الْمَنَازِلِ وَالرُّغْبَى لِلْقَلْمَاتِ

Bermaksud;

Tarikat ialah perjalanan yang khusus bagi para Salikin (yang menjalani perjalanan) menuju Allah Ta'ala dengan melalui beberapa peringkat dan menaiki beberapa maqam.⁶³

⁶⁰ Al-Quran, Surah Maryam, ayat 48.

⁶¹ Al-Quran, Surah Al-Kahfi, ayat 16.

⁶² Mohd. Sulaiman Yasin, Mengenal Ilmu Tasawwuf, op.cit.

hal. 49.

⁶³ Ibid. hal. 56.

Mengamalkan Tarikat bererti ~~beraksi~~ menjalani peribadatan dengan jalannya yang khusus. Ianya memerlukan penumpuan usaha yang lebih khusu yang diistilahkan di dalam tasawwuf Islam sebagai ria dhah dan mujahadah. Riadhah ialah latihan untuk membersihkan hati (نَطْهُرِ النَّفْس) dan menyucikan nafsu (نَطْهُرِ النَّفْس) dari sifat-sifat keji. (مَذْمُومَة) manakala mujahadah pula ialah berjuang dan berkorban menanamkan dalam hati dengan sifat-sifat terpuji. Melalui amalan tarikat ini seseorang itu akan mendapat beberapa faedah antaranya :

- i. Dapat menghindarkan diri daripada sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan yang tercela seperti takabbur, riak, bermegah-megah, suka mencaci dan memfitnah orang dan lain-lain.
- ii. Dapat mengukuhkan iman dengan pembersihan jiwa daripada sifat kekufuran dan kesyirikan kepada Allah s.w.t.
- iii. Berterusan di dalam mengerjakan ibadat.

Di sini, penulis dapat membuat satu kesimpulan bahawa dengan bertarikat seseorang itu akan lebih kekal di dalam mengerjakan ibadat dan ibadat yang dilakukannya itu lebih menepati kepada hakikat ibadat yang sebenar seperti yang dikehendaki oleh Allah s.w.t.

4. Maqam Ibadat Manusia

Menurut ilmu tasawwuf, setiap amal ibadat yang dilakukan oleh setiap manusia mempunyai darjat atau maqamnya yang tersendiri. Maqam-maqam ini secara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; ⁶⁴

4.1 Magam Syari'at; iaitu amal ibadat yang dilakukan dengan memenuhi rukun-rukun serta syarat-syaratnya yang tertentu dan iaanya dikira sah mengikut hukum syara^c.

Ibadat ini adalah ibadat kebanyakannya orang awam.

4.2 Maqam Tarikat; iaitu amal ibadat yang dilakukan oleh seseorang bukan sahaja memenuhi rukun serta syarat yang diperlukan malah dengan hati yang penuh ikhlas, khusyu^c, tawaddu^c, mengharap kepada keredhaan Allah disamping mendapat hidayah serta petunjuk daripada Allah s.w.t. Ibadat ini hanya boleh dicapai oleh mereka yang benar-benar suci hatinya kepada Allah Ta^cala. Sembahyang pada darjat inilah yang dimaksudkan oleh Allah yang dapat mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar sebagaimana firmannya;

64 Mustapha Muhammad Al-Jiasi, Ramuan Ilmu Tasawwuf, Kelantan, Pustaka Aman Press, cet. II, 1985, hal. 30.

أَنَّ الصَّلَاةَ تَنْهِيُ عَنِ الْحَسْدِ وَالْمُنْكَرِ

Bermaksud;

Sesungguhnya sembahyang itu dapat mencegah daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar.⁶⁵

4.3 Macam Hakikat : iaitu amal ibadat yang apabila dilakukan nescaya tercapai di dalamnya suatu perasaan yang lazat dengan rasa zauq hakikat. Perasaan yang dirasakan oleh mereka yang mencapai maqam ini amat sukar untuk digambarkan melalui perkataan dan ianya hanya diketahui oleh mereka yang merasainya sahaja. Ibadat pada peringkat ini hanya boleh dicapai oleh para Rasul-rasul, Nabi nabi, Wali-wali dan orang-orang Sufi.

5. Tercapainya Ilmu Laduni

Menurut Al-Ghazali di dalam kitabnya Ar-Risalah Al-Ladunniyah (الرسالة اللادنية), ilmu laduni merupakan penyerapan nur ilham yang terjadi selepas penyempurnaan jiwa.⁶⁶ Untuk sampai kepada penyempurnaan jiwa ini Al-Ghazali mengemukakan dua syarat iaitu;

⁶⁵ Al-Quran, Surah Al-Ankabut, ayat 54.

⁶⁶ Al-Ghazali, Ar-Risalah Al-Ladunniyah, terjemahan oleh Abdullah Bin Muhammad, Pustaka Aman Press, cet. III, 1983, hal.110.

⁶⁷ Ibid.

i. Mempelajari dasar-dasar semua ilmu kemudian mengambil sebahagian yang lebih besar dari kebanyakannya.

ii. Latihan yang benar (الرياضۃ والصلوۃ) dan Muraqabah (الراقبۃ). Latihan yang benar di sini bermaksud beramal sambil membersihkan jiwa daripada segala gangguan duniaawi, segala hubungan badani, mengurangkan makan dan tidur dan mengasingkan diri dari makhluk dan lainnya. Latihan ini hendaklah mengikut kaedah tasawwuf yang benar yang tidak bertentangan dengan ^csyari'at. Muraqabah (الراقبۃ) pula bermaksud penumpuan yang berterusan dengan mata hati (عين البصیرة) terhadap Al-lah Ta^cala.

Bagi mereka yang mencapai ke tahap ini, mereka akan mengalami suatu keadaan yang juga dikenali sebagai 'halah' iaitu suatu keadaan dimana mereka tenggelam dalam diri sendiri dan terpisah dari kawalan daya pancaindera dan melihat bermacam-macam keadaan (halah) yang tiada persamaannya dengan segala tanggapan

akal. Hal ini hanyalah anugerah Allah kepada ahli ibadat.

Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya ada menyebut;

مَنْ عَمِلَ بِمَا لَمْ يَعْلَمْ أُوْرَثَهُ اللَّهُ الْعِلْمَ بِمَا لَمْ يَعْلَمْ

Bermaksud;

Sesiapa yang ber^camal dengan apa yang ia telah ketahui, Allah akan mempusakai nya ilmu mengenai apa yang ia tidak ketahui.⁶⁸

Dalam Al-Quran Allah berfirman;

عَلَّصَنَا عَنْكَ نُظُرَكَ فِي صَدَقَتِكَ لِيَوْمِ حَدِيدٍ

Bermaksud;

Kami bukakan tutup daripada engkau maka adalah pemandangan engkau amat tajam pada hari itu.⁶⁹

Kepada orang-orang yang dikurniakan ilmu laduni ini, berlaku berbagai-bagai keramat (kemuliaan yang Allah berikan yang menyalahi adat kebiasaan) terhadap mereka. Hal ini digambarkan oleh Allah sendiri di dalam Al-Quran ketika menceritakan tentang Maryam melalui firmanya;

وَهُنَّ إِلَيْكُمْ بِجَذْعِ الْخَلْقِ سَاقِطُوا عَلَىٰكُمْ رَطْبَانِنَا

68. Mustapha Muhammad Al-Jiasi, Ramuan Ilmu Tasawwuf,

op.cit.hal. 34.

69. Al-Quran, Surah Qaaf, ayat 22.

Bermaksud;

...Dan goyanglah pangkal pohon kurma itu kearahmu, nescaya pohon itu akan menggurkan buah kurma yang masak kepadamu. (pada hal ketika itu bukan musim pokok kurma berbuah). 70

Begitulah tingginya kurniaan yang Allah berikan kepada hamba-hambanya yang benar-benar bertaqwa kepadanya. Betapa besarnya kurniaan Allah ini, sepatutnyalah manusia berlumba-lumba memperolehinya. Namun, apa yang kita dapat, manusia tetap lalai dengan keduniaannya. Sampai bilakah ianya akan berlanjutan ?. Hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Semoga Allah menyegerakan pertunjuk dan hidayahnya kepada hamba-hambanya yang lalai ini, Insyaallah.

Ya Allah ya tuhanku! Kepadamulah sahaja kami memohon, berikanlah pertunjuk dan hidayahmu, agar dengannya nanti dapat kami jadikan benteng di dalam melawan segala kehendak nafsu yang tidak terbatas ini. Semoga kami dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepadamu. Seterusnya agar kami dapat menyintaimu lebih dari segala-galanya. Sesungguhnya, hanya engkau sahaja yang layak kami cintai. Āmin, Ya Rabbal 'Alamin.

BAB KELIMA

PENUTUP

BAB KELIMA

(PENUTUP)

Kesimpulan

Hasil daripada kajian dan penelitian yang dilakukan, di sini penulis dapat merumuskan beberapa perkara seperti berikut;

1. Mendalami Ilmu Feqah adalah amat perlu dan mustahak sebelum menceburkan diri di dalam bidang Ilmu Tasawwuf kerana iaanya merupakan asas serta landasan yang mesti dipatuhi lebih-lebih lagi di dalam soal mengerjakan ibadat kepada Allah s.w.t. Feqah memberikan penumpuan yang khusus terhadap ibadat samada dari sudut hukum-hakam ataupun cara-cara melakukannya. Sah atau tidaknya ibadat yang dikerjakan itu juga adalah ditimbang mengikut neraca "feqah". Memahami feqah secara mendalam juga dapat menyempurnakan lagi segala amal ibadat yang dilakukan itu. Mempelajari Ilmu Tasawwuf dengan mengenepikan Ilmu Feqah akan membawa seseorang itu kepada zindiq atau mulhid (^cwaliyazubillah).

2. Ilmu Tasawwuf merupakan suatu ilmu yang turut membicarakan persoalan ibadat kepada Allah s.w.t. Sungguh pun demikian, tasawwuf mempunyai pendekatan yang berbeza.

Disamping mengutamakan soal rukun serta syarat yang telah ditetapkan, tasawwuf amat menitik-beratkan soal kerohanian demi mencapai kesempurnaan jiwa yang sebenar di dalam mengerjakan ibadat.

3. Ilmu Tasawwuf meletakkan hati sebagai sumber terhadap segala amal ibadat yang dilakukan. Hati yang dimaksudkan disini ialah 'keikhlasan' terhadap Allah di dalam mengerjakan ibadat. Menurut Tasawwuf, keikhlasan tersebutlah yang sebenarnya akan menentukan ganjaran yang akan diperolehi oleh seseorang di dalam mengerjakan ibadat. Oleh sebab itulah tasawwuf amat menitik-beratkan soal keikhlasan hati yang menjadi neraca timbangan amal ibadat manusia.

4. Menurut Ilmu Tasawwuf, hati manusia boleh dijangkuti oleh berbagai-bagai penyakit yang boleh merosakkan segala amal ibadat yang dilakukan. Antara penyakit-penyakit tersebut ialah 'ujub' (merasa kagum terhadap diri sendiri), 'riak' (melakukan amal ibadat dengan tujuan untuk menunjuk-nunjukkan kepada orang lain), takabbur atau besar diri, memeningkan kehidupan dunia sehingga melalaikan diri dalam mengerjakan ibadat dan sebagainya. Penyakit-penyakit ini yang akan menjadikan setiap amal ibadat yang dilakukan itu sia-sia dan tidak mendapat apa-apa ganjaran dari pada Allah s.w.t.

5. Untuk mengubati penyakit hati yang merosakkan segala amal ibadat yang dikerjakan itu, tasawwuf menyarankan beberapa cara antaranya bersifat zuhud daripada kemewahan dunia yang seringkali melalaikan, qanaah iaitu merasa cukup dengan apa yang ada, bermujahadah melawan segala kehendak nafsu, beruzlah, mengamalkan tarikat dimana tengannya seorang itu dapat berkekalan di dalam mengerjakan ibadat disamping dapat memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap ibadat yang dilakukan itu.

6. Ibadat yang dilakukan oleh manusia menurut Ilmu Tasawwuf mempunyai maqamnya yang tersendiri. Maqam-maqam tersebut bergantung kepada kesungguhan di dalam mengerjakan ibadat, disamping keikhlasannya kepada Allah s.w.t serta nur hidayah yang dikurniakannya. Maqam yang tertinggi hanya boleh dicapai oleh para Rasul-rasul, Nabi-nabi, Wali wali dan Ahli Sufi.

7. Ahli-ahli ibadat yang mencapai maqam tertinggi inilah yang akan dikurniakan Allah ilmu pengetahuan yang luar biasa yang diistilahkan di dalam Ilmu Tasawwuf sebagai 'Ilmu Laduni'. Ilmu ini hanya anugerah Allah Ta^cala dan ianya tidak boleh dipelajari atau dituntut seperti ilmu-ilmu lain.

8. Jalan yang terbaik bagi seorang hamba di dalam mengerjakan ibadat ialah berpegang kepada kedua-dua ilmu ini iaitu Ilmu Fiqah dan Ilmu Tasawwuf, yang mampu membawa seseorang untuk sampai kepada hakikat ibadat yang sebenar.

Saranan-Saranan

Sebagai mengakhiri penulisan ini, penulis mengemukakan beberapa saranan yang dirasakan perlu untuk difikirkan bersama demi mencapai ketinggian rohaniah yang sebenar di dalam menjalani amal ibadat kepada Allah s.w.t. Untuk mencapai ketinggian rohani itu, seseorang abid hendaklah melalui beberapa tahap, seperti mana yang disarankan oleh Al-Ghazali iaitu;

Tahap I. Halangan Ilmu dan Ma^crifat

Seseorang itu mula-mula sekali hendaklah menempuh halangan ini dengan mempelajari Ilmu Tauhid dari 'ulama' yang berwibawa dalam bidang tersebut, yang dianggapnya sebagai 'ulama' al-akhirat. Selagi halangan ini tidak diatasi, maka seseorang itu tidak akan sampai kepada ma^crifatullah yang sebenar-benarnya. Sesudah mengetahui ma^crifat Allah hendaklah pula bersungguh-sungguh mempelajari Ilmu Fiqah; bagaimana cara beribadat, tentang hukum wuduq, salat dan sebagainya. Dengan adanya pengetahuan tentang hukum fiqah ini, barulah seseorang

itu dapat mengerjakan ibadat dengan betul.

Tahap II. Bertaubat

Kesan daripada ibadat yang dikerjakan dengan betul itu, akan timbul rasa keinsafan bahawa dirinya banyak dosa, banyak kesalahan dan maksiat. Justeru itu hendaklah ia bertaubat mengikut syarat-syarat nya sehingga mencapai taraf taubat yang sebenar - benarnya. Hasil dari taubat yang sedemikian itu barulah timbul kerinduan untuk meningkat ketahap yang lebih tinggi lagi dalam perlaksanaan ibadat-nya. Untuk mencapai tahap tersebut, hendaklah pu-la ia mengatasi empat halangan iaitu;

1. Dunia
2. Makhluk
3. Syaitan
4. Nafsu

Untuk mengatasi halangan ini, Al-Ghazali menyaran-kan empat perkara iaitu;

1. Hendaklah ia bertajarrud ^Canid Dun-ya, ia-itu membulatkan hati sehingga tidak terpe-sona dan terperangkap di bawah tipuan dunia.

2. Hendaklah ia memelihara diri daripada pengaruh manusia supaya tidak dapat ia menyesatkannya.

3. Hendaklah ia mengisytiharkan perang terhadap syaitan. Kalau tidak, syaitan tetap akan terus berusaha untuk menghalangnya.

4. Hendaklah menguasai nafsu diri, dan menurut Al-Ghazali inilah yang paling sukar.

Selain daripada rintangan-rintangan tersebut, menurut Al-Ghazali terdapat empat lagi rintangan yang muncul sekali-sekala yang boleh mengganggu kebulatan hati untuk beribadat. Rintangan-rintangan itu ialah;

1. Rezaki

Kadang-kadang timbul di dalam hati, bagaimanakah tentang makan minum, pakaijan, perbelanjaan dan sebagainya untuk diri sendiri dan keluarga. Sedangkan pada peringkat awal tadi ia telahpun mengambil sikap Tajarrud ^C anid Dun-ya. Munculnya kebimbangan ini menunjukkan nafsu dirinya masih cuba mengganggu perjalanan ibadatnya.

2. Perasaan Takut Terhadap Berbagai Bahaya

Rintangan kedua ialah timbul perasaan takut kepada

macam-macam lahaya baik dari sesuatu yang ditakutinya mahupun dari sesuatu harapan, keinginan atau sesuatu yang dibencinya. Ia tidak mengetahui apakah yang baik baginya dalam hal ini. Perasaan ini mengganggu hatinya dan ia bimbang kalau-kalau terjerumus dalam kerossakan atau kebinasaan.

3. Kesusahan Dan Kepayahan

Berbagai-bagai dugaan datang menimpanya dari segenap penjuru. Sedang dalam peringkat awalnya ia sudah pun berazam menjadi seorang yang lain dari yang lain. Ia juga sudah mengambil sikap memerangi syaitan, tetapi syaitan tersebut berusaha untuk menumpaskannya. Ia juga sudah bertekad untuk menguasai nafsunya, tetapi dalam peringkat ini, nafsunya sudah bersedia untuk menawaskannya.

4. Qada' Dari Allah

Rintangan keempat ialah qada' dari Allah Ta^cala dimana ada yang manis dan ada yang pahit. Ketika menerima qada' itu, nafsumya begitu cepat meradang dan segera pula hendak tergoda.

Untuk mengatasi rintangan-rintangan di atas maka Al-Ghazali menyarankan pula empat perkara iaitu;

1. Bertawakkal Kepada Allah

di dalam soal rezeki, jalan mengetasinya ialah penuh bertawakkal kepada Allah Ta^cala.

2. Berserah Kepada Allah

Di dalam soal mara bahaya hendaklah menyerahkannya kepada Allah Ta^cala.

3. Bersabar

Ketika ditimpa kesusahan, hendaklah penuh bersabar.

4. Redha

Ketika menerima qada' Allah, hendaklah redha di atas segala-galanya.

Demikianlah saranan-saranan serta panduan yang dapat penulis kemukakan berdasarkan pandangan-pandangan Al-Ghazali dalam kitabnya *Minhajul C⁻abidin* untuk mencapai tahap kerohanian yang tinggi.

Menurut Al-Ghazali, inilah sistem atau cara yang boleh menyampaikan seseorang itu keperingkat rohaniah yang tinggi dalam melaksanakan amal ibadat kepada Allah Ta^cala. Beliau menggaskan inilah jalan ibadat yang diilhamkan oleh Allah kepadanya. Sesiapa yang mengamalkannya Insyaallah akan memperolehi kejayaan yang tinggi dalam bidang rohaniah. Wallahu a'lam.

FAKULTI
USULUDDIN

Malaya, Lembah Pantai, 59100
KUALA LUMPUR



جامعة
الملك عبد الله
الإسلامية
UNIVERSITI MALAYA

AKADEMI ISLAM

Alamat KAWAT: UNIVSEL
TELEFON: 03-7571066
03-7571238

Bil. Kami: FU/11.03

Tarikh: 18hb. Julai 1989

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan

SURAT AKUAN

Ini adalah untuk memperkenaikan kepada tuan bawah Sdr./Sdri.

ABDUL MALIK BIN HJ. MAJID

No. K/P: A 0097179

adalah pelajar Semester VII (Tahun 4) Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya yang sedang membuat penyelidikan berhubung dengan Kertas Projeknya.

Saya amat berterima kasih kiranya dapat pihak tuan memberikan apa-apa bantuan kepada beliau bagi membolehkan beliau menjalankan penyelidikannya.

Di atas kerjasama yang tuan berikan saya dahului dengan berbanyak terima kasih.

Yang benar.

JOHARI BIN MAT

Dekan
Fakulti Usuluddin
Universiti Malaya

Yng.

FAKULTI
USULUDDIN



الحمد لله

Malaya, Lembah Pantai, 59100
KUALA LUMPUR

جامعة ماليزيا
الإسلامية
AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

Alamat KAWAT: UNIVSEL
TELEFON: 03-7571066
03-7571238

Al. Kami: FU/11.03

Tarikh: 18hb. Julai 1989

kepada Sesiapa Yang Berkenaan

Surat Akuan

Saya amat berterima kasih kiranya dapat pihak tuan membenarkan Saudara/

saudari ABDUL MALIK BIN HJ. MAJID

No. K/P: A 0097179

pelajar Semester KETUJUH (Tahun AKHIR) Fakulti Usuluddin, Akademi

Islam Universiti Malaya untuk menggunakan Perpustakaan tuan untuk membuat
perujukan.

Patas kerjasama tuan membenarkan pelajar tersebut menggunakan Perpustakaan

dan saya dahului dengan berbanyak terima kasih.

ting benar,

GHARI BIN M.T)
skan,
Fakulti Usuluddin.

**SENARAI
BIBLIOGRAFI DAN LAMPIRAN**

BIBLIOGRAFI

1. Al-Qur'an Al-Karim
2. Abdurrahman, Muhammad Muhammad Ismail, Al-Cibadah Fi Al-Islam, Mesir,
Maktabah Wahbah, cet. I, t.t.
3. Abdul Halim Mahmud, Al-Cibadah Ahkam Wa-Asrar, Beirut, Darul
Kitab Al-Banāni, juzuk I, t.t.
4. Abdul Rahman Umairah, Dr., At-Tasawwuf Al-Islāmi Manhaj
Wa-Sulukan, Maktabah Al-Kulliyat, Al-Azhariyyah, t.t.
5. Abdul Qadir Mahmud, Dr., Al-Falsafah As-Sūfiyyah Fi Al-Islam,
Darul Fikri Al-Cārabi, t.t.
6. Al-Qardhawi, Prof. Dr., Yusuf, Al-Cibadah Fi Al-Islam, Beirut,
Muassasah Arrisalah, cet. 17, 1985.
7. Ali Shalīq, Dr., Al-Aqlu As-Sūfi Fi Al-Islam, Darul Maddi,
cet. I, 1985.
8. Al-Kalabadzi, At-Ta'arruf Li-Mazhab Ahli Tasawwuf, terjemahan
Thinker's Library Sdn. Bhd. cet. I, 1986.

9. Al-Qabbāni, Sheikh Muhammad Rasyid, Mukāsyafatul-Qulub, Beirut, Darul Ihya Al-^Culum, cet. I, 1983.
10. Ash-Syaibi, Dr., Kamil Mustafa, Al-Illat Bainal At-Tasawwuf Wa- At-Tasvri^C, Beirut, Darul Andalus, cet. III, 1982.
11. Abu Al-^Cala' ^Cafifi, Fusus Al-Ahkam, Beirut, Darul Kutub Al-^Carabi, t.t.
12. Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad, Raudhatut At-Talibin Wa-^Cumdatu As-Salikin, Beirut, Darul Nahdah Al-Hadisan, t.t.
13. Al-Ghazali, Ar-Risalah Al-Ladunniah, terjemahan, Kota Bharu, Pustaka Aman Press, cet. III, 1983.
14. Al-Ghazali, Minhajul ^Cabidin, terjemahan, Selangor, Klang Book Store, cet. I, 1988.
15. Al-Ghazali, Ihya' ^Culumiddin, terjemahan, Kuala Lumpur, Victory Agency, cet. I, 1988.
16. Al-Ghazali, Menyingkat Rahsia Kebahagiaan, Singapura, Pustaka Nasional Pte. Ltd. cet. II, 1986.
17. Al-Ghazali, Al-Munqidh Minal Adh-Dhalal, terjemahan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. II, 1985.

18. Al-Ghazali, Menundukkan Nafsu, terjemahan, Kuala Lumpur, Darul Fikir, cet. I, 1987.
19. Al-Ghazali, Kimia Kebahagiaan, terjemahan, Thinker's Library, Sdn. Bhd. cet. I, 1986.
20. Al-Ghazali, Penyakit-Penyakit Hati, Kelantan, Syarikat Dian Sdn. Bhd. cet. I, 1979.
21. Al-Kharraz, Abu Said, Masalah Sufi Atau Jalan Menuju Kepada Allah, Singapura, Pustaka Nasional, cet. I, 1981.
22. Al-Muhasibi, Haris Bin Asad, Al-Masa'il Fi-A'mal Al-Qulub Wa-Al-Jawārikh Wa Al-Makāsib Wa Al-Aqhl, Al-Qahirah C-alamul,t.t.
23. Arberry, A.J., Pasang Surut Aliran Tasawwuf, Al-Mizan, cet. I, 1985.
24. Arberry, A.J., The Doctrine Of Sufis, England, The Cambridge University Press, 1966.
25. Ansāri, Muhammad Abdul Haq, Sufisme And Syari'ah - A Study Of Shaykh Sirhindis, Effort To Reform Sufisme, The Ilmamic Foundation, 1986.

26. Al-Handāni, S.A. Sanggahan Terhadap Tasawwuf Dan Ahli Sufi,
Bandung, Al-Ma'arif, cet. III, 1982.
27. Allamah Sayyid Abdullah Haddad, Tariqat Menuju Kebahagiaan,
Bandung, Penerbit Mizan, cer. I, 1986.
28. Ash-Shiddieqy, Prof. T.M. Hasbi, Kulliyah Cibādat, Jakarta,
Bulan Bintang, cet. IV, 1968.
29. Al-Qardhawi, Prof. Dr. Yusof, Cibadah Di-Dalam Islam, ter-
jemahan, Yayasan Da'wah Islamiyyah Malaysia, cet, IV, 1988.
30. Al-Qardhawi, Prof. Dr., Yusof, Matlamat Dan Tujuan Cibadat
Di-Dalam Islam, Yayasan Da'wah Islamiyyah Malaysia, cet. III,
1986.
31. Al-Qusyairi, Abi Qasim, Ar-Risālah Al-Qusyairiyah, Pakistan,
t.t.
32. Al-Ghazali, Al-Munqidh Minal Al-Dhalal, Darul Kutub Al-Hadīsah,
cet. VII, 1972.
33. Al-Ash'āri, Ahmad Bin Muhammad Bin Abdul Malik, Siraj Al-
Qulub, Qahirah, Darul Nahdah Al-Carabiyyah, 1977.
34. Badran Abu Al-Ainain Badran, Dr., Al-Cibādah Islamiyyah
Mugāranah Cala Al-Mazāhib Al-Arba'ah, Iskandariah, Muassasah
Syabab Al-Jam'i'ah, 1985.

35. Hj. Zainal Arifin Abbas, Ilmu Tasawwuf, Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., cet. II, 1984.
36. Hj. Abu Bakar Aceh, Pengantar Sejarah Sufi Dan Tasawwuf, Pustaka Aman Press, cet. I, 1977.
37. Harun Nasution, Filsafat Mistisisme Dalam Islam, Jakarta, Bulan Bintang, cet. III, 1983.
38. Ibrahim Basyuni, Dr., Nasy-ah At-Tasawwuf Al-Islāmi, Mesir, Darul Ma^carif, t.t.
39. Ibrahim Hallal, Wilāyatullah At-Tariq Ilaiha, Qahirah, Darul Kutub Al-Hadisah, t.t.
40. Muhammad Sulaiman Hj. Yasin, Mengenal Ilmu Tasawwuf, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, cet. I, 1986.
41. Miqdad Yaljan, Dr., Falsafah Al-Hayah Ar-Rūhiyyah Wa-Manābi^c uha Wa-Masyāribuha Wa-Nasy-atuha Wa-Nasy-atut At-Tasawwuf Wat-Turuq As-Sūfiyyah, Darul Syuruk, cet. I, 1985.
42. Muhammad Jalaluddin Syawaf, Dirāsat Fi At-Tasawwuf Al-Islāmi, Darul Al-Fikri Al-Jami^c, t.t.

43. Mustafa Zahri, Dr., Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf, Subaraya,
Penerbit Bina Ilmu, t.t.
44. Muhammad Sulaiman Yasin, Pengantar Filsafat Islam, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. I, 1982.
45. Massignon & Mustafa Abdul Rariq, At-Tasawwuf, Lubnan, Darul Kitab, cet. I, 1984.
46. Muhammad Faqhi, At-Tasawwuf Hayah Wa-Suluk, Qahirah, 1972.
47. Mustafa Muhammad Al-Jiasi, Ramuan Ilmu Tasawwuf, Pustaka Aman Press Sdn Bhd. cet. II, 1985.
48. Othman Ismail Yahya, Kitab Hatm Al-Auliya', Beirut, Al-Kasuki likiah, t.t.
49. Ruf^cat Fauzi, Drs., Al-^Cibādat Ah-Kāmuha Wa Bayānu Āsāruha Fi Banā-i Mūjtama^Cie Al-Islāmi, cet. I, 1979.
50. Sya^cban Muhammad Ismail, Dr., Al-^Cibādah Fi Al-Islām Mafhūmuha Wa-Khasāisuhā, Qahirah, Maktabah Al-Kulliyyah Al-Azhariyyah, cet. I, 1980.
51. Sayyid Sābiq, Islāmunā, Beirut, Darul Kitab Al-^Carabi, t.t.

52. Syahminan Zaini, Drs., Mengapa Manusia Harus Bei ibadat,
Surabaya, Al-Ikhlas, t.t.
53. Sahilun A.Nasir, Drs., Prinsip-Prinsip Tasawwuf Islam,
Yogyakarta, Nur Cahaya, cet. II, 1983.
54. Sheikh Annuar, Tasawwuf Al-Haq, Singapura, t.t.
55. Samudi Abdullah, Analisa Kritis Terhadap Tasawwuf, Singapura,
Pustaka Nasional, cet. I, 1987.
56. Syamin ^C atifuddin, As-Sūfiyyah Fi Nazari Al-Islāmi, Darul
Kitab Al-Misri, cet. III, 1985.
57. Sirdad Iqbal Ali Shah, Islamic Sufisme, Delhi, India, Idarah
Adabiyyah Delli, cet. II, 1979.
58. Said Hawa, Al-Mustakhlis Fi Tazkiyat Al-Anfus, Beirut ,
Darul As-Salam, cet. II, 1984.
59. Umar Faruh, Dr. At-Tasawwuf Fi Al-Islam, Beirut, Darul Kitab
^C Al-arabi, 1981.
60. Reynold A. Nicholson, The Kash Al-Mahjub, translated, Delhi,
Taj. Company, 1982.

61. Yunasril Ali, Drs., Pengantar Ilmu Tasawwuf, Jakarta, Pedoman Ilmu Jaya, cet. I, 1987.
62. Yusof Noor, Dr. Ikhtisar Ilmu Tasawwuf, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. II, 1984.
63. Yunasril Ali, Drs., Memberishkan Tasawwuf Dari Syirik, Bid-ah Dan Khurafat, Jakarta, Yayasan Al-Amin, t.t.
64. Jawatankuasa Penyelidikan Buku Manusia Dan Islam, oleh Dr. Harun Din, Ustaz Sulaiman Yasin, Ustaz Hassan Salleh, Dr. Sidi Ghazalba, Polis Diraja Malaysia, cet. II, 1987.

Kertas Kerja Seminar

1. Kertas Kerja Seminar Imam Al-Ghazali Dan Sumbangannya, Anjuran Akademi Islam Universiti Malaya Dan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, bertarikh 23- 25 hb. Sept. 1988.
2. Kertas Kerja Seminar Taswwaf Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1985.

Majalah-majalah

1. Majalah Dakwah, Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, Jun, 1986.
2. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Mac, 1986.
3. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Mei, 1986.
4. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, April, 1985.
5. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Ogos, 1986.
6. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, September, 1988.
7. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Februari, 1986.
8. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, Mei, 1980.
9. Al-Islam, Utusan Melayu Malaysia Berhad, April, 1988.
10. Majalah Ruhāniyyat, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, september, 1989.
11. Majalah Ruhāniyyat, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, disember, 1989.

Akhbar-Akhbar Tempatan

1. Berita Harian, Ahad, 12 Mac 1989.
2. Berita Harian, Jumaat, 10 Mac 1989.
3. Berita Minggu, Ahad, 9 April 1989.

KONSEP IBADAH DALAM ISLAM

Oleh: PROF. DR. ISMAIL IBRAHIM Universiti Islam Antarabangsa

BAHAGIAN PERTAMA



Kertas kerja di Muzakarah
Kesedaran Islam Februari
1986.

Pekerjaan harian akan dianggap ibadat dan orang yang melakukannya dapat pahala sekiranya pekerjaan itu dapat memenuhi syarat yang berikut....



BADAT dalam Islam mempunyai konsep yang unik, yang berbeza sama sekali dari konsep ibadat di agama dan kepercayaan-kepercayaan lain. Keistimewaan ibadat Islam adalah terletak di dalam dua perkara berikut:

Bebas dari sebarang perantaraan

Dalam Islam, seseorang itu dapat menyembah Allah dan berhubung dengan Allah secara langsung tanpa melalui perantaraan atau pihak ketiga. Apabila masa seorang hamba dapat berhubung terus dengan Allah tanpa melalui bantuan sebarang perantaraan, maka setiap insan adalah bertanggungjawab secara langsung di hadapan penyayangnya di akhirat kelak. Dalam hal ini Nabi Muhammad s.a.w. pernah mengatakan anaknya Sayidatina Fatimah: "Wahai Fatimah, Puteri Muhammad, kamu tidak akan dapat memberi sebarang pertolongan kepadamu di hadapan Allah".

Hal ini menunjukkan bahawa setiap insan Allah akan berdiri sama rata di hadapan Allah dan bertanggungjawab segeribadi di hadapannya, tidak ada siapa yang dapat memberi pertolongan atau bantuan.

Para ulamak dalam Islam tidak dapat diakui sebagai orang-orang perantara yang dapat menghubungkan seorang hamba Allah dengan penciptanya, kerana mereka juga tidak mempunyai sebarang kuasa atau otoritas untuk menentang atau menolak sebarang amal ibadat oleh pihak Allah.

Rugas mereka sebagai orang yang halal dan memahami agama ialah Hindu dan menunjukkan jalan yang benar, yang digariskan oleh Allah dan Nya kepada orang-orang yang ingin pengetahuan agamanya.

Tanggungjawab mereka di kala ini ialah mereka akan dianggap bersalah jika hanya mereka tidak menyebarkan pengetahuan mereka kepada orang yang memerlukannya, atau tidak melahirkan sesuatu kebenaran sesuatu yang hak menurut ajaran Al-Quran dan sunnah. Dalam hal ini mengingatkan Rasul-Nya Muhammad s.a.w.

"Maka itu, berikanlah sahaja perintah (wahai Muhammad) kepada orang Rasul memberi ingatan. Maka engkau seorang yang berkuasa kerana mereka (menerima ajaran

Islam yang engkau sampaikan itu)". (Surah Al-Ghaasyiyah 21-22)

(ii) Tidak tertakluk kepada sesuatu tempat yang tertentu

Islam memberikan kebebasan sepenuhnya kepada seorang hamba Allah untuk menyembah dan berhubung dengan penciptanya, tanpa membuat sebarang sekatan untuk menentukan sesuatu tempat yang tertentu bagi tujuan tersebut. Seorang hamba Allah dapat beribadat kepada Allah di mana sajanya ia berada, dan dapat berhubung dengan Allah dari arah dan penjuruan mana sajanya. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda,

"Seluruh muka bumi ini adalah dijadikan masjid untukku: Suci dan bersih".

(iii) Tidak membebankan

Sesiapa yang benar-benar memerlukan

"Allah tidak membebankan seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya." (Surah Al-Baqarah ayat 286)

"Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran."

(Surah Al-Baqarah ayat 185).

"Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan) tetapi ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu supaya bersyukur".

(Surah Al-Maa'idah ayat 6)

Dalam hal ini kita menghitung jumlah sembahyang yang difardukan dalam sehari semalam, kita akan melihat satu angka yang amat kecil, iaitu lima



Pekerjaan harian yang disertai dengan niat yang baik juga dapat pahala.

hati dan mengkaji ibadat dalam Islam yang diwajibkan oleh Allah secara langsung, dan membandingkannya dengan ibadat di dalam agama-agama lain, maka ia akan dapat melihat betapa ringan beban ibadat dalam Islam itu dari segi kuantiti dan jangka masa yang harus dihabiskan oleh seorang yang menunaikan kewajipan ibadatnya.

Dasar ini sebenarnya adalah dasar Syariah Islam umumnya, iaitu mewajibkan sesuatu yang dapat ditunaikan oleh manusia biasa tanpa mengalami sebarang kesulitan yang berat. Allah bersifat yang bermaksud:

kali sahaja dan menunaikannya dengan secara sempurna, mungkin hanya akan memakan masa tidak lebih dari satu jam dari jumlah dua puluh empat jam dalam sehari semalam itu. Puasa pula hanya diwajibkan ke atas orang-orang yang dapat menunaikannya selama sebulan sahaja dari jumlah dua belas bulan yang terdapat dalam satu tahun. Zakat pula hanya wajib ke atas orang-orang yang mencukupi syarat-syarat yang tertentu sebanyak 1/40 pada lazimnya, dan ibadat haji wajib ditunaikan sekali sahaja bagi orang-orang yang mampu dalam seumur hidupnya.

AJARAN SUFI DALAM ISLAM

Oleh: Dr. Syed Muzaffar-Ud Din Nadvi, M.A., Ph.D. Alihbahasa: Mohamed Zain Saleh.

FAHAMAN Sufi sebahagian besarnya mengandungi penahanan nafsu menurut norma-norma agama daripada kemewahan dan kesenangan, dan dengan tujuan untuk mencapai kesempurnaan rohani dengan pandangan untuk mengakhiri penyerapannya di dalam Allah. Fahaman Sufi bukanlah satu perkara luar kepada agama Islam, ia adalah satu bahagian dan satu bingkisan dari agama Islam itu. Ia adalah evolusi rohani dan unsur-unsur mistik yang diwarisi dalam agama Islam yang agung itu.

Islam mempunyai dua jurusan — satu jurusan yang difahami oleh segelintir orang, dan satu jurusan lagi difahami oleh kebanyakan orang, atau jurusan lahiriah dan jurusan batiniahnya, dan kedua-dua jurusan ini pula kait-mengait antara satu sama lain. Salah satu daripadanya tidak dapat berkembang tanpa bantuan yang satu lagi.

Ajaran mistik diminati dalam bentuk-bentuk tertentu atau lainnya hampir dalam setiap masa dan dalam setiap negeri. Di sana selalu terdapat sesuatu golongan manusia yang mempercayai tentang kerohanian dan kemistik, dan mengamalkan pengorbanan diri sebagai jalan untuk mencapai kesucian rohani, dan pengabdian diri yang mutlak terhadap Yang Maha Berkusa. Dengan itu apakah perbezaan antara fahaman mistik (yang dikenali dengan fahaman Sufi) Islam dengan fahaman-fahaman Sufi agama-agama lainnya itu?

Titik perbezaan pertama dan terpenting antara fahaman Sufi Islam dan bentuk-bentuk mistik agama lainnya itu ialah terletak pada fahaman Sufi Islam mengandungi amalan untuk membersihkan rohani tanpa mengabaikan rohani, sedangkan fahaman-fahaman mistik lainnya itu menafikan bahagian jasmani dalam kehidupan manusia, dan hanya menumpukan kepada peningkatan rohani. Mistik agama Hindu atau Buddha mendapat ketenangan rohani di dalam penyeksaan jasmani sendiri, dan mempercayai bahawa kian berat penyeksaan dan pengorbanan diri itu, kian pasti dan kian pantas tercapainya ketenangan rohani.

Penyeksaan diri dan pengorbanan anak-anak di pentas pemujaan terhadap dewa atau dewi adalah cara menuju Ketuhanan dan dianggap oleh setengah-setengah mistik sebagai kebaikan yang paling tinggi mungkin dicapai. Amalan ini sudah tentu bercanggah dengan fahaman

Sufi Islam. Seorang ahli Sufi, andainya dia seorang Muslim sejati, tidak boleh mengabaikan segi lahiriah kehidupannya.

Kemuliaan rohani tidak dapat diceraikan daripada kebersihan jasmani, dan rohani dua sudut kehidupan kita yang kait-mengait, dan kita berhutang pada diri kita sendiri dan juga kepada Allah Maha Pencipta menentukan bahawa kedua-duanya berkembang seimbang.

Semua ahli-ahli Sufi yang agung di masa-masa yang lampau bergiat cergas dalam perkara-perkara dunia sebagai tambahan kepada kegiatan-kegiatan mistik mereka. Mereka menampung hidup dengan keringat membasihi kebinginan, dan memenuhi semua kewajipan mereka terhadap diri sendiri, isteri-isteri dan anak-anak mereka, terhadap negara dan terhadap Allah Maha Pencipta.

Menurut mereka, ketenteraman rohani tidaklah tergantung kepada pengutukan terhadap dunia, tapi tergantung kepada adanya persefahaman antara perkara-perkara dunia dengan kewajipan-kewajipan keagamaan. Pada pokoknya mereka tidak membezakan antara keduniaan dan kerohanian. Nabi Muhammad s.a.w, adalah seorang ahli Sufi dunia yang teragung bukanlah jarang melarikan diri ke Gua Hirak atau bersembunyi di tempat-tempat lain untuk bermadi dan bertafakur.

Namun begitu, baginda adalah

Al Islam Mei 1980

Orang yang tidak
benar-benar alim
tentang syariat
tidak dapat
mengenali
Tariqat

seorang manusia yang paling sibuk pada waktu itu; menyelesaikan berbagai-bagai masalah dunia, dia menunaikan semua kewajipan terhadap keluarganya, jiran-jirannya, masyarakat dan negaranya. Baginda menjadi hakim yang adil, dan memimpin serta membuat keputusan yang saksama tentang keputusan-keputusan sosial dan masyarakat, dan negara, baginda mengepalai tentera dalam perang, menjadi juara dalam mencari perdamaian, baginda merundingkan perjanjian-perjanjian persahabatan dengan negara-negara jiran, dan baginda banyak lagi melaksanakan perkara-perkara lain mengikut keperluan keadaan.

Bolehkah seseorang yang hanya mempunyai sebutir kecil fikiran yang waras sekalipun menuah bawa Nabi Muhammad s.a.w. yang mengambil bahagian dalam soal-soal masyarakat itu telah tergelincir sedikit daripada landasan kerohaniannya?

Andainya, anda mengkaji dengan teliti kehidupan khalifah-khalifah dan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. di peringkat awalnya, nescaya anda dengan mudah akan bersua dengan adanya persefahaman antara jasmani dan rohani yang diamalkan oleh mereka. Dengan mengikut jejak langkah Nabi Muhammad s.a.w., mereka menumpukan masa, perhatian dan tenaga mereka untuk berkhidmat kepada kemanusiaan dan juga kepada Tuhan Semesta Alam. Mereka percaya, sebagai muslim sejati, bahawa mengabdi diri kepada Allah tidaklah bermakna kiranya tidak diikuti oleh berabdi kepada ciptaan-ciptaanNya.

Intisari ajaran Islam salah sebarang perbuatan yang dikira dapat menolong diri sendiri dan juga orang lain adalah bersifat keagamaan dengan syarat ianya diilhamkan oleh motif-motif yang baik dan digerakkan oleh akal atau hati nurani — dan tidaklah penting sama ada perbuatan itu lahiriahnya kelihatan bersifat keagamaan atau sebaliknya.

Andainya seorang ahli Sufi atau "Pir" cuba memisahkan dua bahagian Islam itu, maka dia melakukannya di atas tanggungjawabnya sendiri, dan perbuatan itu bercanggah dengan ajaran Islam. "Tidak

ada keribaan dalam Islam" adalah sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang cukup terkenal. Junayd dari Baghdad (meninggal 297 selepas Hijrah atau 909 selepas Masih) menegaskan, "Dari segi jasmani dan rohani Islam pada pokoknya adalah sama, dan kedua-duanya membenarkan antara satu sama lain dan jauh sama sekali daripada bermusuhan".

Syekh Sharafuddin Yahya Maniri yang lebih dikenali sebagai Makhdum-i-Bihari berkata dalam salah sepucuk surat kepada muridnya, "Sesiapa yang mengikuti jalan ini (ajaran Sufi) mestilah menentukan terlebih dahulu perkara-perkara daripada Islam, supaya dia dapat

tidak mempunyai halangan untuk mendekati Allah secara langsung, sedangkan dalam ajaran mistik lain-lain agama itu seseorang tidak dapat mendekati Tuhan tanpa orang tengah. "Kami menyahut seruan orang-orang yang menyeru bila mereka menyeru Kami", firman Allah dalam kitab suci Al-Quran. Islam ialah agama yang paling demokratik yang meletak semua manusia "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi".

Islam tidak membuat perbezaan antara seorang manusia dengan seorang manusia, antara seorang Islam dengan seorang Islam yang lain. Hanya perbezaan di dalam pandangan Allah adalah terletak pada amalan seseorang, seperti yang ditegaskan oleh kitab suci Al-Quran, "Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang bertakwa". Nabi Muhammad s.a.w. sendiri tidak pernah mendakwa dirinya lebih mulia daripada manusia yang lain. Baginda ditunjuk oleh Allah untuk mengajar, "Katakan, sesungguhnya aku adalah seorang manusia seperti kamu juga (dan) telah diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu ialah Allah Yang Tunggal". Penganut-penganut agama lain tidak berani mendekati Tuhan mereka tanpa orang pertaraan.

Dakwaan kasta-kasta kependidikan, Phungi bagi penganut-penganut agama Buddha, Brahmin bagi penganut-penganut agama Hindu, Rabbi bagi penganut agama Yahudi dan paderi bagi penganut-penganut agama Kristian sebagai manusia perantaraan antara manusia dan Tuhan dianggap oleh Islam sebagai kejihilan dan kebatilan.

Saya cukup sedar tentang hikmat ahli-ahli Sufi hari ini yang biasanya dikenali sebagai "Pir" telah terpesong dan menghancur-leburkan roh demokratik Islam. Mereka bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam dengan membuat dakwaan mempunyai kuasa-kuasa yang luar biasa, dan mengikuti jejak langkah kasta-kasta kependidikan agama-agama lain itu, lalu merampas sebahagian daripada kuasa-kuasa Allah Yang Maha Tinggi, dan

Bersambung ke muka 51

Perbezaan di dalam pandangan Allah adalah terletak pada amalan seseorang

meningkat daripada syariat (Jalan Luar) kepada Tariqat (Jalan Dalam), kemudian terus kepada Haqiqat (Kebenaran). Orang-orang yang tidak benar-benar alim tentang Syariat tidak dapat mengenali Tariqat dan tidak ada siapa pula mengetahui Haqiqat tanpa mengetahui Tariqat".

Justeru itu, jelaslah ajaran Sufi yang sebenarnya tidaklah sama dengan ajaran-ajaran mistik di dalam agama-agama lain itu, dan bertujuan untuk mewujudkan perimbangan antara wahyu dan akal dan persefahaman antara jasmani dan rohani. Sesuatu yang tidak masuk akal bukanlah Islam. Demikian jugalah, andainya jasad kita atau rohani kita dibiarakan lemah walaupun buat sementara waktu sahaja sekalipun, atau seseorang dikorbankan di pentas-pentas pemujaan yang lainnya, maka roh sebenarnya di belakang ajaran Islam itu telah hancur-lebur.

Satu lagi titik perbezaan antara ajaran Sufi Islam dan ajaran mistik yang lainnya itu ialah Sufi Islam

AJARAN SUFI DALAM ISLAM

Sambungan dari maklumat

dengan sikap seperti itu mereka seolah-olah menjadi timbalan atau wakil Tuhan. Tidaklah begitu perlu lagi kepada saya untuk mengatakan bahawa mencampuri urusan-urusan Ketuhanan oleh "Pir-pir" itu telah membunuh roh Islam.

Ahli-ahli Sufi pada peringkat permulaan yang benar-benar mematuhi perintah Allah tidak mempercaya peringkat-peringkat perantaraan dan berusaha berhubung dengan Allah secara langsung. Kepada ahli-ahli Sufi yang sebenarnya itu, tujuan dan maksud mereka hanya tertuju kepada satu jurusan sahaja, iaitu Ketuhanan. Dia menghilangkan dirinya dalam Allah hanya untuk hidup di dalamNya. Cara-cara untuk berhubung dengan Allah itu sangat waras, seperti yang ditulis oleh Syeikh Abdul Hasan Seraj dalam bukunya: "Kitab-ul-Lama".

"Bila orang-orang ini (Pencari Kerohanian) telah berjaya memben-

tuk dirinya selaras dengan perintah Allah dan Rasul Allah, maka Allah menganugerahkan kepadanya cahaya ilmu yang membersihkan fikiran mereka, dan menyingsirkan hawa nafsu dan tamak haloba daripada mereka. Hak untuk membuat kesimpulan idea-idea dan fikiran kerohanian hanya dimiliki oleh orang-orang yang mengikuti kitab Allah dan mengikuti hadis dan sunat Rasul dari segi lahir dan batinnya".

Selain itu ada lagi perbezaan antara ajaran Sufi Islam dengan ajaran-ajaran mistik dalam agama Hindu dan Buddha. Penyerapan dalam Ketuhanan adalah menjadi tujuan terakhir hampir seluruh orang-orang yang berfikir tentang mistik. Tapi ahli-ahli Sufi Islam tidak mengidentitikan Allah dengan alam jagat atau alam jagat dengan Allah seperti yang dilakukan oleh ahli-ahli mistik yang lain itu. Dia percaya bahawa alam jagat ini tidak lahir dengan sendirinya, dan ianya

diwujudkan oleh Allah daripada asalnya tidak ada. "Semuanya akan musnah, kecuali Allah", kitab suci Al-Quran menegaskan.

Justeru itu Tuhan yang abadi dan tunggal tidak boleh diidentitikan dengan alam jagat yang pada hakikatnya tidak wujud. Pantenism agama Hindu dan Buddha melibatkan inkarnasi benda-benda atau pemindahan roh-roh. Bila seorang ahli Sufi mendakwa "Akulah Tuhan atau Tuhan itu aku", bukanlah sama sekali maksudnya kepala Tuhan diinkarnasi di dalam dirinya ataupun dia diwujudkan dalam kepala Tuhan. Mengikarnasikan sesuatu gejala di dalam sesuatu benda yang telah wujud sebelumnya dalam dua benda yang berasingan atau berlainan identitinya bersama-sama dengan bentuk dan jasadnya sekali adalah satu anggapan yang mustahil dan tidak masuk akal dalam soal-soal Ketuhanan.

Perkembangan Sepanjang Zaman

**"AKU MENYEMBAH ALLAH
BUKAN KERANA AKU TAKUT
TETAPI CINTA AKAN SYURGA-
MU DAN RASA CINTAKU
KEPADAMU"**

Oleh: ILIAS ZAIDI

LMU Tasawuf telah mengalami perkembangan yang begitu pesat sekitar kurun kelima hingga ketujuh Hijrah. Kalau sebelumnya, ahli tasawuf tidak pernah menjadi satu gerakan agama atau satu mazhab dalam Islam, maka menjelang ibad kelima Hijrah itu, dengan diperopori oleh Imam Ghazali, Tasawuf telah merupakan satu jalan untuk mendapatkan "makrifat yang hak dan yakin" dan "mencapai kebahagiaan yang hakiki".

Kemudian, pada kurun yang ketujuh pula, Tasawuf telah melangkah dengan lebih jauh ke depan lagi, yang sudah pula mengandungi aliran-aliran kefalsafahan. Pada tahap itu, tasawuf, yang dianggap sebagai bidang pemikiran Islam yang penting itu, terkenal dengan aliran "Wahdatul-Wujud" yang dikemukakan oleh Muhammad bin Ahmad, Muhyiddin, Al-Khatimi, yang lebih dikenali dengan Ibnu Arabi (560-638H.).

Seterusnya, tokoh tasawuf abad ketujuh Hijrah ini juga terkenal dengan tariqatnya Al-Akbariyyah, sebagai mengambil sempena dengan elaran yang diberikan kepada beliau sebagai "Al-Sheikh-Al-khbar".

Di sinilah, berlakunya pertentangan hebat di antara beliau dengan lamak fiqh, satu perembungan yang telah pun bermula sejak abad dua dan ketiga Hijrah lagi.

Memang pada tahap awal itu, ilmu tasawuf tidak mendapat tempat yang sewajarnya. Waktu itu, kebanyak orang menganggap tasawuf

sebagai zindik, terkeluar dari landasan kitab suci Al-Quran dan Sunnah Rasul. Sedangkan hakikat sebenarnya, ilmu Tasawuf itu sendiri bersumberkan Al-Quran, dengan alasan kitab suci itu sendiri menganjurkan keikhlasan, takut akan Allah, hari Kiamat, bersifat sabar, merendah diri dan sebagainya, yang semuanya mendasari ajaran Tasawuf.

Kemudian, Tasawuf tidak berapa berkembang lagi selepas abad ketujuh Hijrah, dan menempuh zaman kelelahan dan kemerosotannya selepas itu.

Namun begitu, bidang pemikiran ini telah meninggalkan kesan dan pengaruh yang mendalam di kalangan masyarakat. Justeru itulah, menjadi tujuan eseai ini menyoroti asal-usul, perkembangannya dari zaman ke zaman dan seterusnya membawa kepada kemerosotannya itu.

Asal-usul Tasawuf

Banyak teori telah diberikan berhubung dengan asal-usul ilmu ini. Para orientalis barat berpendapat, tasawuf berpunca dari luar, iaitu dari agama Kristian, Majusi dan Hindu. Tetapi sebenarnya, ia bersumber dari Al-Quran, sebab di dalam Quran itu sendiri banyak mengandungi ayat yang menganjurkan kebaikan seperti yang disebutkan tadi.

Banyak pula ayat yang mengingatkan manusia supaya sentiasa mengingati Allah. Semuanya ini menjadi pendorong terbentuknya il-

mu Tasawuf. Namun begitu, pergerakan ini tidak pernah bersifat masyarakat baik semasa zaman Rasulullah, mahupun pada zaman para sahabat hatta pada zaman selepasnya.

Ambil sahaja misalnya pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Pada zaman ini, ilmu ini tidak begitu dikenali. Alasan yang mungkin disebutkan di sini ialah kerana umat Islam lebih menumpukan perhatian kepada jihad, kepada jalan Allah dan berdakwah. Asas utama pegangan mereka ialah hadis nabi.

Selepas inilah, baru Tasawuf berubah menjadi ilmu yang lebih mendalam, sehingga terbentuknya peraturan syarat-syarat dan ketua-ketua. Mereka ini dipanggil sebagai penasihat dan seringkali mengadakan majlis-majlis forum yang dikenali sebagai halqah dengan maksud memberi nasihat yang berguna kepada manusia.

Dalam abad yang kedua Hijrah, ilmu Tasawuf ditandai oleh perbincangan di antara zuhud dengan taqwah di dalam Islam, terutama pada peringkat awalnya.

Kemudian, secara beransur-ansur, ia berubah, apabila asas Tasawuf berubah darai "takut akan Allah", kepada konsep cinta dan harapan kepada Allah. Perubahan ini berlaku apabila munculnya tokoh tasawuf iaitu Rabiah al-Adawiyah yang meninggal dunia pada 232H.

Demikianlah konsep ini dislogarkan, "Aku menyembah Allah bukan kerana aku takut akan neraka, tetapi cinta akan syurga-Mu

an rasa cintaku kepada-Mu sendiri."

Faktor yang mendasari perubahan ini ialah terletak pada perubahan impinan Tasawuf itu sendiri. Mengang, pada mulanya pemimpin Tasawuf terdiri daripada para ulama dan ahli agama yang masyhur seperti Hassan al-Basri, tetapi pada kurun etiga Hijrah ini, tempat-tempat tersebut diambil alih oleh orang-orang ebanyak yang tidak mempunyai edudukan yang tinggi dan kebanyakannya terdiri daripada golongan tertengahan.¹

Dengan itu, tidak menghairankan bahawa tasawuf telah mengambil entuknya yang lebih khusus. Di antara perkara yang dibincangkan secara khusus oleh tokoh-tokoh pada peringkat ini ialah "rahsia tauhid yang tidak terkeluar daripada sas syariat, cuma pendekatannya agak berbeza daripada cara yang biasa diamalkan oleh para ulamak."² Tokoh yang terkemuka ialah Imam Al-Muhasibi (meninggal pada 243H), yang mewarnai perjalanan hidupnya dengan sufi.

Dalam kurun ke-4H pula, tasawuflah mempunyai aliran-alirannya, trayaan dan hari-hari perhimpunan, ada istilah-istilah ilmiyahnya, mempunyai corak pemikirannya, juga sistem pendidikan dan perjalannya yang tersendiri. Tokoh amannya ialah Abu Talib Al-Makki (meninggal pada 456H). Tokoh ini yang telah membentangkan medan sufi.

Ditegaskan dengan setegas-tegasnya bahawa Ilmu Tasawuf ialah Ilmu Batin yang terkandung di sebalik Ilmu Zahir nas.

Demi umurku! Bahawa zahir dan batin adalah ilmu yang saling perlu memerlukan antara satu dengan yang lain, dan tidak sekali-kali boleh dipisahkan; samalah kedudukannya antara Islam dengan imam atau antara hati dengan tubuh badan..

Mengang sesungguhnya, penghuan-pengetahuan yang terkandung dalam agama Islam sewaktu sempuh saat-saat perkembangannya telah berpecah menjadi dua bagian.

Pertama dinamakan pengetahuan zahir dan keduanya ialah pengetahuan batin. Disebabkan oleh dua konsep ini, maka menyebabkan pergisiran hebat di antara para fuzahak dan ahli-ahli sufi, sekali pun mereka sebenarnya termasuk dalam golongan fuqahak, dan sekali pun tasawuf itu sebenarnya berteraskan sahaman yang mendalam terhadap agama.³

Tentangan daripada golongan fuqahak ini telah muncul dengan hebatnya, sehingga ada anggapan yang mengatakan syariat itu untuk orang awam dan hakikat itu ialah untuk golongan tertentu. Apabila muncul al-Hallaj, maka beliau telah dihukum bunuh di bawah kehendak



Imam Al-Ghazali

syariat. Lalu diusahakan percutuman semula selepas itu.

IMAM GHAZALI

Di sinilah, pentingnya peranan yang dimainkan oleh Imam Ghazali, yang terkenal dengan wataknya sebagai seorang ahli falsafah Sufi, sebagai seorang tokoh agama, imam dan sebagai Hujjah Islam:

Ketokohan Al-Ghazali inilah yang menyebabkan tasawuf menarik perhatian umat Islam sezamannya, serta memberikan kesan kepada generasi selepasnya.

Demikianlah dengan ketokohan Al-Ghazali, dalam kurun kelima Hijrah, tasawuf telah diterima oleh umum sebagai suatu yang penting dalam hidup kerohanian manusia. Entinya, dengan penerimaan ini, ta-

sawuf bukanlah sekadar ilmu batin yang mengkaji hukum-hukum syarak, yang berhubung dengan ibadat dari sudut sejauh mana kesan dan pengaruhnya dalam jiwa dan hati pada kurun ketiga dan keempat Hijrah, tetapi telah merupakan satu, atau metod rohani yang boleh mencapai makrifat yang hak dan yakin, dan seterusnya untuk mencapai kebahagiaan yang haqqi.

Kita masih berbicara di sini tentang Al-Ghazali. Menurutnya, ilmu tasawuf merupakan ilmu batin yang sukar diterangkan. Tetapi, banyak definisi telah diberikan berhubung dengannya.

Tafsiran yang berbagai-bagai ini mungkin berpuncak dari kemungkinan asal-usul perkataan sufi, iaitu gelaran yang diberikan kepada orang-orang yang mengamalkan ajaran tasawuf.

Pada masa silam terdapat seorang lelaki bernama Sufah yang sepanjang hidupnya beribadat di Baitul Haram (Mekah). Jadi, sesiapa yang menuruti jejak langkahnya dinamakan Sufi.

Kata sufi itu juga mungkin berasal daripada perkataan safak yang bermakna tenang dan suci. Saff pula bererti barisan. Mereka yang mendapat kelebihan adalah daripada kalaangan yang menduduki barisan depan. Mereka inilah ahli sufi.

Perkataan Greek, sophis pula bererti pendeta. Ada pula perkataan suf yang bererti bulu kerana mereka yang menjadi ahli tasawuf sepanjang permulaan zaman kelahiran Kristian dan Islam memakai pakaian bulu.

Hakikat ini memang wajar diterima kerana pakaian bulu dipakai oleh para ulamak yang tidak inginkan kemewahan hidup di dunia kerana pakaian itu sendiri melambangkan tawadduk dan rendah diri.

Dengan itu, dapat dirumuskan di sini bahawa tasawuf ialah:

1. Perseadian di rumah kekasih sekali pun dihalau atau diusir.
2. Berpegang dengan hakikat dan bersabar menghadapi penanggungan.
3. Berdamping dengan Tuhan tanpa perantaraan.
4. Diri tidak dimiliki dan tidak memiliki sesuatu.

Ringkasnya, tasawuf terletak pada dua asas yang penting, iaitu rela jatimpa kesusahan, tekun beramal dan meninggalkan usaha bagi mengjar kemewahan harta benda.

Rasulullah sendiri berkhalwat di Gua Hira dengan tahajjud beristigar, berzikir dan bersembahyang — iaitu satu kerja penyucian jiwa untuk mendekati dan mengenali Allah.

Sahabat Rasulullah juga tidak kejnggalan dalam kerja-kerja tasawuf sehingga dikatakan mulut Abdullah sampai berbau seperti jantung dibiar lantaran kuatnya beribadat kepada Allah. Sesungguhnya, memang tulah tasawuf, sebagai satu ilmu yang dapat memperkuatkan dan mempertahankan keagungan Ad-Din. Dan peringkat terakhir tasawuf, hasil yang dinantikan ialah munculnya **Insan al-Kamil** iaitu manusia yang sempurna.

Namun begitu, seperti yang ditatakan tadi Tasawuf bukanlah mempuhi jalan yang mudah sehingga sampai ke puncak pada kurun kelin hingga ketujuh Hijrah. Banyak zbaran dan tentang yang begitu hebat dihadapinya dalam melalui laku-laku perjalanan ke puncak itu. Lentangan paling hebat datangnya dari pada golongan fiqh, terutama nazhab Maliki dan Hambali, yang telah bermula sejak awal-awal lagi hingga sampai kepada kemuncaknya dalam kurun yang ketujuh dengan kelahiran aliran Wahdatul Wujud.

Kalam-Fiqh dan Tasawuf

Sebelum kita melihat pertembungan di antara fiqh dengan tasawuf, ada baiknya dibicarakan dulu hubungan di antara Kalam, sebagai mu paling tinggi dalam pemikiran Islam, dengan Fiqh. Pada tahap awalnya, hubungan ini agak sukar mendak dikesani. Misalnya, Hassan Basri, ulamak yang terkenal dalam abad yang pertama Hijrah, telah tidak berusaha mempertahankan fiqh. Konsep keadilan dan soal-soal ahli yang didokongi oleh aliran Muktazilah merupakan perbincangan ilmu Kalam, dan bukannya ilmu fiqh.

Kemudian, Imam Al-Asy'ari, yang mempelopori aliran Asy'ariyah menyebutkan bahawa tidak ada pertalian di antara fiqh dengan kalam

sebab kedua-duanya mempunyai bidaung yang berlainan.

Dari apa yang berlaku jelaslah menunjukkan bahawa fiqh sebagai undang-undang belum lagi dikenali pada awal abad yang pertama Hijrah. Biarpun begitu, maksudnya bukanlah tidak ada hubungan langsung, cuma apa yang berlaku ialah hubungan tidak formal, sekurang-kurangnya sebelum tertubuhnya Institusi Perundangan Islam.

Pengiktirafan yang sewajarnya telah diberikan terhadap fiqh apabila tertubuhnya pusat pengajian perundangan Islam itu, pada abad yang ke-11 Masehi.

Fiqh, seperti yang diketahui ialah ilmu yang merangkumi kehidupan "muslim dari semua segi". Beriman kepada Allah merupakan kewajipan yang utama kepada Muslim. Lantaran itu, fiqh pada peringkat permulaannya telah menghadapi rintangan dan halangan yang kuat. Lantaran itulah, berlakunya pertukaran hukum-hukum syariah dengan masalah teori dan berubah dari mematuhi perintah Allah kepada ka'jan yang mendalam.

Dengan sebab itulah, fukahak telah ditentang oleh ahli-ahli tasawuf dan ahli politik. Di sinilah timbulnya pertentangan di antara ilmu batin dan zahir tadi.

Kita berbalik kepada Imam Ghazali. Walaupun teguran pedas telah diberikannya terhadap ilmu Kalam, tetapi kedudukan beliau sebagai ahli teologi Islam memang tidak dapat diragukan lagi.

Imam Ghazali turut mengajarkan ilmu tersebut di Sekolah Nizambiah, Baghdad di samping mengarang beberapa buah buku mengenainya.

Namun begitu, beliau memang menegahi orang-orang awam dari memikirkan ilmu Kalam. Kalau diajarkan untuk orang awam, seperti halnya dengan fiqh, hadis dan tafsir tidak akan tercapai maksudnya bahkan bisa mengacaukan fikiran serta memalingkan mereka daripada akidah yang beriman yang mestinya dimakan setiap hari. Ilmu Kalam ialah ubat kepada jiwa-jiwa yang sakit. Sungguhpun begitu, Al-Ghazali tidaklah menolak sepenuhnya Ilmu Kalam, sebab ia pernah berkata:

"Ilmu-Tauhid ialah ilmu yang paling mulia, paling penting dan paling sempurna. Ilmu ini wajib

dicari oleh setiap orang yang berakal, sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi, 'Mencari Ilmu Menjadi Kewajipan Setiap Muslim.'

Seperti juga dengan ilmu yang lain, fiqh juga mengalami proses perkembangannya dari masa ke semasa. Ia bertujuan hendak mendirikan nilai-nilai yang mulia. Justeru itu, dalam perkembangan dan nilai hidup itulah, berbagai-bagai aliran fiqh telah lahir seperti ahli al-Raj, iaitu orang yang lebih cenderung kepada pemikiran dari hadis, dengan diketuai oleh Abu Hanifah dan ahli-ahli hadis yang lebih condong menggunakan hadis daripada pemikiran.

Di sini, nampaklah kepada kita bahawa fiqh bukanlah semata-mata berhubungan rapat dengan soal praktikal, wajib, mustahil, harus, makruh dan sebagainya, tetapi juga meliputi ilmu pendidikan akhlak dalam erti kata yang sebenarnya.

Sebab itu, para faqihah (pakar dalam fiqh) telah mengambil berat terhadap kelebihan akhlak dan keagamaan.

Aliran berikutnya di kalangan para fuqahah ialah zuhud, dan akhirnya sampai kepada tasawuf. Lahirlah tokoh-tokoh tasawuf yang terkenal seperti Abu Talib, Al-Ghazali dan sebagainya.

Namun begitu, jelas kelihatan akan percubaan ahli tasawuf Bagdad hendak menjadikan tasawuf sebagai satu ilmu yang berasingan dengan maksud hendak mendidik kaum muslim dengan didikan hati kecil, citarasa dan roh, sebelum menyentuh anggota lain.

Tasawuf diikira sebagai ilmu amali dalam erti kata ia dapat dicapai menerusi amalan ibadat. Pusatannya tertumpu kepada amalan hati yang terdapat dalam tasdiq, iman, yakin, benar, ikhlas, tawakal, mahabbah dan lain-lain sebagainya. Lahir perbezaan di antara tasawuf yang mementingkan soal kebatinan dengan fiqh yang mementingkan lahiriah.

Inilah punca yang menyebabkan berlaku pertelingkahan di antara kedua-duanya. Kemuncaknya ialah pembunuhan tokoh tasawuf yang terkenal, iaitu Abu Mansur al-Hallaj, yang membawa kepada usaha Imam Ghazali untuk mencantumkan kembali kedua-dua ulamak tasawuf dan fiqh itu kemudiannya.

OMENTER BULANINI

MASALAH TARIKAT

Ibu masalah yang sering dibincangkan akhir-akhir ini dalam masyarakat kita ialah masalah tarikat.

Twa-fatwa pernah dikeluarkan iwa beberapa tarikat itu adalah yalahi 'akidah, bahkan pengamal-boleh menjadi murtad. Murtad ah satu kesalahan yang sangat r dalam Islam yang boleh dijatuh-hukuman bunuh oleh Uliilamri, jika m sebuah negara Islam. Dalam jah yang mudah, Tarikat adalah sirkiran sebagai satu jalan, cara, atau kaedah Zikrullah atau yang dianggap oleh pengamal-sebagai satu ikhtiar menghampir-diri di sisi Allah.

Tau tarikat itu ditafsirkan kepada agai tafsiran lagi oleh Ulama-Tasawuf Islami.

Tarikat seperti yang dikenali sekata tidaklah pernah dikenali dalam an Nabi Muhammad (SAW) dan lafa Rasyidin yang empat.

ebanyak silsilah Tarikat-tarikat dihubungkan kepada Sayidina 'Ali amallah Wajhah dan oleh seteh-setengah Ulama dianggap seba-

ada unsur-unsur kefahaman ih, apalagi bila ia dihubungkan gan kisah kemunculan Imam Ma di akhir zaman.

Lama-ulama Wahabi boleh dikata kesemuanya menolak amalan lan zikir yang bertarikah-tarikah dan mereka mensifatkannya seba terkeluar dari ajaran Ahlussunnah Hadith, kerana banyak daripada ah-akidah Tarikat itu sebagai bi dhalalah (sesat).

etapa tidak, di Mesir sahaja umanya, orang boleh menyaksikan syaan-perayaan yang ganjil diseng Masjid Al-Hussain di Kaherah, a bulan perayaan Maulid Syedina sain, di mana ada setengah-seteh zikir-zikir atau ratib itu disertai gan gerakan-gerakan badan yang k ubohnya seperti menari samba g dilakukan secara beramai-ramai dalam pesta perayaan Maulid Syed nad Badawi di Tanta (Mesir juga) ma seminggu penuhi dengan aca-

ra-acara yang tidak ada nas-nas Hadis yang menyukungnya (sekalipun ada orang Mesir sendiri yang mempertikalkan Hadis). Di Mesir ada Tarikat-tarikat yang dinisbahkan kepada Syed Ahmad Al-Badawi yang dikatakan seorang Wali Qutub.

Dikatakan Al-Imam Shafiee R.A. yang wafat di Mesir, tidak pernah mengajarkan sebarang Tarikat seperti yang dikenali ramai itu, tetapi Negara Mesir yang boleh dikatakan sebagai mengamalkan secara rasmi Mazhab Shafiee, membenarkan pula, bahkan menganjurkan penubuhan sebuah Majlis Ter tinggi Tarikat-tarikat yang dinaungi dan dibiayai oleh Kementerian Wakaf Mesir sendiri. Pertubuhan Gabungan badan-badan tarikat ini mempunyai kedudukan lebih kurang dengan


Oleh: Dato' Haji Hassan Adil

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. Pertubuhan ini ada menerbitkan sebuah buluteran bulanannya bernama 'Tasawuf Islami', pertubuhan ini beberapa tahun yang lalu diketuai oleh seorang Ulama besar dan masyhur bernama Sheikh Satohi.

Badan-badan Tarikat yang bergabung dalam Pertubuhan ini bukan sahaja badan-badan daripada Tarikat-tarikat yang masyhur seperti Tarikat



Biasanya kubur-kubur tanpa pengenaan juga dianggap sebagai keramat untuk bayar nazar.



Kubur yang didakwa sebagai Kaabah oleh kumpulan ajaran sesat di Tampoi, Johor tidak lama dulu.

Ahmadiah (Ahmad Idris), Tarikat Naq-syabandiah, Tarikat Qadiriah (Abd. Qadir Jailani), Tarikat Samaniah (Muhamad Abd. Karim Samman), Tarikat Syazalaiah, tetapi juga Tarikat-tarikat yang kecil lebih daripada 60 buah Tarikat yang ada diamalkan oleh umat Islam di Mesir.

Sebelum sesebuah badan Tarikat itu



diluluskan untuk menjadi badan gabungan dalam pertubuhan itu, sheikhnya (khalifahnya) akan ditemuduga lebih dahulu oleh Majlis Tertinggi Pertubuhan itu untuk menentukan sama ada Tarikat mereka bercanggah atau tidak dengan syariah dan akidah Islamiyah.

Walaubagaimanaçun Ulama-ulama Mazhab Wahabiah di Mesir adalah menolak dan menentang pertubuhan itu dan mensifatkan sebagai satu bid'ah yang diada-adakan dalam Islam.

Ulama Wahabi mengatakan Tarikat adalah suatu bid'ah oleh Ulama-ulama tasawuf dalam zaman kejatuhan umat Islam zaman kebelakangan yang telah menerima kekalahan, yang kecewa dan ingin menyendiri. Bahkan lebih daripada itu, Ulama Wahabi menuduh bahawa kemunduran umat Islam zaman mutakhir ialah kerana bid'ah-bid'ah Ulama Tasawuf dan Sheikh-sheikh Tarikat kesemuanya.

Adalah sesuatu yang sukar juga untuk Ulama-ulama menentukan betul atau tidak betulnya sesuatu Tarikat itu. Apakah kayu pengukurnya. Tiap-tiap Tarikat itu ada keganjilannya, ada kelainannya masino-masino, jika tidak bukanlah ia suatu Tarikat.

Adapun istilah 'Guru yang Bistar' (Sheikh Mursyid) dalam tiap-tiap Tarikat itu sama sahaja, iaitu tiap-tiap Tarikat itu ada guru yang memberi ijazah dan yang telah menerima ijazah pula dan guru yang berijazah yang terdahulu daripadanya. Ijazah di sini bukanlah degree tetapi semacam kuasa yang diturun menurunkan.

Di sisi ahli-ahli sesuatu Tarikat, tatkini zikir mestu diterima daripada

sheikh yang mursyid, sebab belajar tidak berguru (guru yang mursyid) maka dikhawatir gurunya ialah 'Syaitan' yang boleh memesongkan sahaja.

Cuma kumpulan-kumpulan Tarikat itu masing-masing dengan kaedah dan caranya mereka menghormati tuan gurunya yang bistari itu, sehingga ada yang menentukan supaya sebelum zikir maka wajah sheikhnya itu harus digambarkan di dalam kepala dan hatinya dan ianya mesti dihadirkan sepanjang zikirnya itu.

Ada juga berlaku kelucuan, oleh kerana ahli Tarikat itu terlalu keletihan dengan zikir yang ditentukan pula sampai 10,000 kali sehingga ia menjadi pening dan kepalanya pusing sehingga gambaran muka sheikhnya yang dihadirkannya dalam kepalanya sejak mula tadi bertukar menjadi bermacam-macam gambar dan yang anehnya ia merasa melihat wajah gurunya yanggilang-gemilang melambai-lambainya dari sebuah alam nirwanal.

Menghormati seorang guru dan menta'ati seorang guru, apa lagi yang mursyid adalah sesuatu yang dituntut di dalam Islam. Sheikh-sheikh Tarikat sering menerangkan sepatih kata hikmat yang dipetik dari Sayidina Ali Karramallah yang bermaksud, siapa sahaja yang telah mengajari aku ilmu walau satu huruf pun, nescaya aku (kata Ali) akan menjadikan diri kau hamba kepada dirinya.

Dan kadang-kadang berlaku juga kerelaan si murid itu terlalu berlebihan hingga ia sanggup meninggalkan keluarganya mengikuti sang guru itu keperasingan di tepi hutan, dan ia dengan hati yang ikhlas menyerahkan anak gadisnya belasan tahun untuk menjadi isteri ke empat tuan sheikhnya yang telah sangat tua, semata-mata kerana mengambil berkat apa yang dianggapnya kemursyidan tuan guru itu.

Ulama Wahabi mengakui, adanya sheikh yang mursyid, tetapi kemursyidan bukanlah sesuatu yang boleh diaku-aku sahaja, menurut mereka mursyid hanya ada pada wali-wali Allah yang keramat dan pada masa kini mungkin tidak ada lagi sheikh yang mursyid itu.

Masalahnya sekarang, siapa kita, apa kelayakan kita untuk menentukan mana Tarikat yang betul dan mana yang salah?!

HASSAN AL-BASRI TOKOH ULAMAK SUFI

Oleh: HAMIZAN AL-HUSSIN

Takut Hassan Al-Basri bukanlah semata-mata takut seksaan Allah, tetapi takut kekurangan dan kelalaian diri dalam menyempurnakan segala perintah dan suruhan Allah.

IAPAKAH sebenarnya Hassan Al-Basri? Hassan Al-Basri merupakan seorang ulamak sufi yang di zaman Tabi'in. Beliau merupakan tokoh sufi yang terkenal di dunia menurut perhitungan tokoh-sejarah Islam. Samping ketokohnanya di kalangan Islam, beliau juga dianggap sebagai yang telah mengukuhkan aliran sufi. Kitab-kitab Tasawuf banyak ditulis tentang peribadi beliau yang akan suatu contoh dan pedoman ulamak-ulamak sufi yang lain. Menurut catatan kitab-kitab sejarah, dilahirkan pada tahun 21 Hijrah di ah. Peristiwa pembunuhan Saidina Al-Khattab berlaku dua malam beliau dilahirkan. Ketikaanya pembunuhan ke atas Saidina ini, beliau berumur kira-kira 14

periode pembunuhan Saidina Othman ini kesan yang mendalam di jiwa beliau kerana peristiwa itu membuktikan berlakunya perpecahan dalam masyarakat. Pada beliau yang utama ialah Huzaifah Yamani. Huzaifah pula merupakan sahabat Rasulullah s.a.w. yang selalu warak dan dianugerahkan Allah yang dapat mengenal sifat-sifat para k. Mengajaran-pengajaran yang disampaikan oleh Huzaifah Al-Yamani itu telah membawa beliau ke arah kehidupan dan pembicaraan batin. Selalunya membincarakan tentang lintasan hati, segala yang merosakkan dan tentang was-was nafsu dan sifat-sifat hati yang keji. Terlebih sekian lama pengajiannya

Huzaifah Al-Yamani, beliau lah pula ke Basrah. Di Basrah ia beliau mengajar di Masjid Kota mengenai ilmu-ilmu kesufian, yang pengajaran beliau berbeza sama dengan pengajaran para ulamak ini.

3 sering menjadi perbicaraan beliau di sekitar rahsia-rahsia mengenai insan dengan khalik (Allah), pembersihan jiwa dan takut Allah.

Di sekitar tahun 65 Hijrah beliau telah membina sebuah madrasah yang sememangnya khusus untuk melahirkan ulamak-ulamak sufi. Madrasah beliau ini akhirnya mencapai kejayaan yang cemerlang dengan lahirnya tokoh-tokoh sufi yang masyhur sehingga ke hari ini.

Murid-murid beliau yang lain terkenal masyhur ialah Malik bin Dinar, Tsabit Al-Bannani, Ayub Al-Syajastani dan Muhammad bin Wasi'. Keempat-empat mereka inilah yang merupakan ulamak-ulamak besar ahli sufi di sekitar abad pertama dan permulaan abad kedua Hijrah.

ZUHUD DAN WARAK

Sejarah sering menceritakan tentang Hassan Al-Basri yang terkenal zuhud dan sangat warak, sentiasa menjaga diri, selalu berkeadaan bersih dan suci, kuat beribadah bahkan beliau dikatakan selalu bersembahan yang Subuh dengan wuduk Isyak. Beliau juga seorang ulamak yang amat huas ilmunya serta terkenal pula dengan akhlaknya yang terpuji.

Jumlah murid-murid beliau adalah terlalu ramai, yang mana kebanyakannya akhirnya menjadi ulamak-ulamak sufi yang besar selepas beliau. Bahkan kealiman beliau itu telah diakui sendiri oleh salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. iaitu Abu Qatadah.

Abu Qatadah r.a. pernah berkata, "Belajarlah kamu dengan telaki ini (Hassan Al-Basri) kerana aku dapat tidak ada Tabi'in yang menyerupai sahabat Rasulullah s.a.w. selain dia."

Dalam memperkatakan peribadi beliau, Iman Al-Ghazali berkata,

"Adalah Hassan itu manusia yang paling hampir perkataannya menyerupai perkataan Nabi-nabi dan paling hampir dengan petunjuk yang diperolehi oleh para sahabat."

Syiekh Mahyuddin Ibni Arabi pula menyatakan pendapatnya tentang Hassan Al-Basri dengan katanya,

"Hassan itu menurut pendapat kami adalah daripada imam-imam yang memimpin manusia ke jalan Allah dan seorang yang arif tentang rahsia-rahsia dan isyarat-isyarat."

Abu Talib Al-Makki pula mengatakan, "Adalah Hassan itu seorang yang sangat takut kepada Allah s.w.t. Ada riwayat yang mengatakan bahawa beliau tidak pernah ketawa selama empat puluh tahun kerana sangat takutnya kepada Allah. Sekiranya ia berbicara, kita kira ia sedang melihat akhirat dengan mata kepalaunya. Apabila ia diam, kita mengira neraka sedang menjalar di antara kedua-dua matanya."

Aliran faham beliau di dalam Tasawuf adalah takut kepada Allah. Ini berbeza sama sekali dengan sahaman ulamak-ulamak sufi yang lain seperti Rabi'atul Adawiah, Ibni Arabi, Al-Halaj, Zun Nu'm Al-Misri, Malik bin Dinar dan lainnya. Takut Hassan Al-Basri bukanlah semata-mata takut seksaan Allah, tetapi takut kekurangan dan kelalaian diri dalam menyempurnakan segala perintah dan suruhan Allah.


Peribadi Hassan Al-Basri selalu menjadi pembicaraan para ulamak sufi dan kelakuan beliau selalu menjadi ikutan kebanyakan ahli-ahli sufi. Dan sememangnya beliau adalah seorang ulamak sufi yang benar-benar terpuji dengan sifat dan akhlaknya yang sungguh cantik.

Menurut catatan sejarah, pada tahun 99 Hijrah beliau telah dilantik menjadi kadi. Dalam tahun 110 Hijrah dengan kehendak Allah s.w.t. tokoh ulamak dan Imam ahli sufi ini pun meninggalkan dunia yang fana ini ketika umur beliau menjangkau 89 tahun. Sungguhpun demikian beliau telah meninggalkan karya-karya yang bernilai tinggi di bidang Tasawuf, tafsir, hadis dan lain-lain lagi.


Abu Talib Al-Makki pernah berkata tentang Hassan Al-Basri di antara lain katanya,

"Hassan Al-Basri adalah orang yang pertama membawa jalan-jalan ilmu Tasawuf dan membuka lidah memperkatakannya serta berbicara menghuraikan cahaya-cahaya ilmu ini sehingga terbuka dengan terangnya."

Sejagaimana yang kita sama-sama ketahui matlamat Hassan Al-Basri dalam usaha-usahanya itu adalah bertujuan menghiasik suatu taraf peribadatan atau ubudiah yang paling sempurna.



TAMAT



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

